

2021



LAPORAN TAHUNAN

INTEGRITI DIJULANG
NEGARA BERMARUAH

Kandungan

1

5 **Perutusan Pengerusi**

2

11 **Maklumat Korporat**

12 **Latar Belakang Suruhanjaya Integriti
Agensi Penguatkuasaan**

13 **Akta Suruhanjaya Integriti Agensi
Penguatkuasaan 2009 [Akta 700]**

15 • **Fungsi Suruhanjaya Integriti
Agensi Penguatkuasaan**

16 • **Agensi Penguatkuasaan Seliaan**

18 • **Skop Aduan**

20 • **Saluran Aduan**

21 **Logo**

23 **Visi, Misi dan Moto**

24 **Lagu Korporat**

3

25 **Struktur Organisasi**

26 **Pesuruhjaya**

35 **Peranan Pesuruhjaya**

36 **Pengurusan**

4

49 **Laporan Program /
Aktiviti**

50 **Pemerkasaan Penyampaian
Perkhidmatan Berkesan**

76 **Pemantapan Perundangan dan
Dasar Efektif**

86 **Pembudayaan Integriti dan
Komunikasi Strategik**

108 **Pengukuhan Tadbir Urus**

5

131 **Lensa 2025**

6

159 **Analisis Prestasi dan
Penyata Kewangan**

7

165 **Sijil Ketua
Audit Negara**

PERUTUSAN PENERUSAN





PERUTUSAN PENGERUSI

.....

Assalamualaikum wbt dan Selamat Sejahtera,

“

Bersyukur ke hadrat Ilahi, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah dengan jayanya menerbitkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan EAIC bagi tahun 2024. Laporan ini menggambarkan keseluruhan tugas dan tanggungjawab EAIC sebagai badan pengawasan integriti agensi penguatkuasaan seliaan sepertimana disenaraikan dalam Jadual Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

”

BARISAN PESURUHJAYA BAHARU

EAIC pada tahun 2024 telah menerima pelantikan barisan Pesuruhjaya yang baharu, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibnu Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Barisan Pesuruhjaya baharu terdiri daripada YBhg. Datuk Dr Prasad Sandosham Abraham (mantan Hakim Mahkamah Persekutuan) sebagai Timbalan Pengerusi, manakala Pesuruhjayayanglainialah YBhg. Datuk Seri Dr Yusuf Ismail (mantan Ketua Pengarah (KP) Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)), YBhg. Dato' Seri Dr Razali Ab. Malik (mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan), YBhg. Datuk Dr Mohd Gazali Abas (mantan Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)), YBhg. Datuk Ong Lam Kiat (mantan Hakim Mahkamah Persekutuan) dan YBhg. Datuk Siti Zainab Omar (mantan Peguam Cara Negara II). Kepelbagaian latar belakang barisan Pesuruhjaya ini dihasratkan menjadi platform terbaik melaksanakan transformasi kepada fungsi dan peranan EAIC sebagai peneraju memperkukuh dan memperkasa integriti pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan seliaan, sesuai dengan hasrat penubuhannya oleh kerajaan.

ADUAN DAN SIASATAN

Sepanjang tahun 2024, EAIC telah menerima sebanyak 408 aduan salah laku terhadap pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan daripada orang ramai melalui enam saluran antaranya melalui Sistem Penyelesaian Aduan dan Pengendalian Siasatan (SPAPS), e-mel dan aplikasi WhatsApp. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 175 aduan telah dibuka kertas siasatan manakala sebanyak 233 aduan tidak dibuka fail kerana aduan tersebut melibatkan agensi bukan di bawah seliaan EAIC. Sehingga 31 Disember 2024, EAIC telah berjaya menyelesaikan sebanyak 167 kertas siasatan yang dibawa dari tahun 2023

dan 110 kertas siasatan bagi tahun 2024 melalui Mesyuarat Suruhanjaya yang bersidang pada setiap bulan.

Menerusi Mesyuarat Suruhanjaya ini, pengesyoran hukuman diputuskan untuk diambil tindakan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) agensi penguatkuasaan melibatkan buang kerja, tangguh pergerakan gaji, turun pangkat serta amaran. Semua pengesyoran dibuat berdasarkan peruntukan Bahagian V – Hukuman, Peraturan 38 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395].

PASUKAN PETUGAS

Dalam memastikan keberadaan atau *omnipresence* EAIC sebagai badan pemantau dan kawal selia agensi penguatkuasaan, EAIC telah menubuhkan satu Pasukan Petugas Khas (PPK) dan tiga Pasukan Petugas (PP).

“PPK Kajian terhadap Syor-Syor dan Langkah Pencegahan oleh EAIC Terhadap Kes Kematian Dalam Tahanan” telah ditubuhkan dan bersidang buat pertama kali pada 8 Oktober 2024. PPK tersebut turut dianggotai pegawai kanan dari agensi-agensi seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Kerja Raya (KKR), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC), Jabatan Peguam Negara (AGC), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Syor-syor dan langkah pencegahan dalam Laporan Jawatankuasa Kajian EAIC Terhadap Kes Kematian Dalam Tahanan dan Mengenal Pasti Langkah Pencegahan telah dibentangkan kepada

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia di Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) pada 7 Mei 2024.

Pada tahun 2024 juga, EAIC telah menubuhkan tiga PP berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 17 Akta 700. PP yang telah ditubuhkan adalah seperti berikut iaitu "PP Kes E-Waste Port Klang", "PP Kes E-Waste Segamat" dan "PP ke atas Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) berkaitan dengan Ketidakteraturan Pengeluaran Pas Lawatan Sosial Kategori Visa Rawatan". Syor laporan dapatan PP ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Suruhanjaya dan dipanjangkan kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan juga kepada AGC untuk tindakan lanjut.

JAWATANKUASA KAJIAN

EAIC turut menubuhkan jawatankuasa kajian bagi mengkaji aduan serupa dan kerap kali diterima oleh EAIC selari dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah perenggan 4(1)(b) dan (g) Akta 700. Sehubungan itu, pada tahun 2024, EAIC telah menubuhkan Jawatankuasa Kajian berkaitan APMM dan DOF dalam Melaksanakan Penguatkuasaan Akta Perikanan 1985 [Akta 317] di Perairan Negara yang bermula pada tahun 2023 telah dimuktamadkan dalam Mesyuarat Suruhanjaya Bil. 11 Tahun 2024 pada 9 Disember 2024. Pengesyoran Jawatankuasa Kajian telah dipersetujui dengan penambahbaikan dan diarahkan untuk dipanjangkan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk tindakan lanjut.

EAIC telah menubuhkan Jawatankuasa Kajian berkaitan Pengawasan, Pemantauan dan Penguatkuasaan oleh JIM dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) Dalam Menangani Masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Malaysia. EAIC juga menyertai operasi bersepadu PATI yang dijalankan oleh pihak JIM dan JTKSM untuk memahami dengan lebih jelas mengenai tindakan penguatkuasaan serta kekangan yang dihadapi anggota semasa di lapangan.



PENGAUDITAN DAN PEMANTAUAN PROSEDUR OPERASI STANDARD

Selaras dengan fungsi yang diperuntukkan di bawah perenggan 4(1)(d) Akta 700, EAIC boleh melaksanakan pengauditan dan pemantauan terhadap aspek-aspek tertentu operasi serta tatacara sesuatu agensi, termasuk meneliti kelemahan berkaitan prosedur operasi standard (SOP) agensi-agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC. Selain itu, pengauditan dan pemantauan turut dibuat melalui pendekatan yang lebih proaktif dan atas dasar inisiatif EAIC melalui pemantauan media massa dan platform.

Pada tahun 2024, sebanyak lima SOP melibatkan empat agensi penguatkuasaan seliaan telah diaudit dan dibuat pemantauan. Agensi penguatkuasaan yang terlibat adalah APMM, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) (Bahagian Penguatkuasaan) dan JTKSM.

Untuk APMM, SOP yang diaudit adalah berkaitan dengan Perintah Tetap Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Bab B 105 (PTKP APMM Bab B 105) – Perintah Belayar dan Laporan Pergerakan (Sailing Orders and Movement Reports) dan Perintah Tetap Ketua Pengarah APMM Bab B 504 (PTPK APMM Bab 504) – Menggeledah.

Selanjutnya, berdasarkan pemantauan media massa, EAIC mendapati satu kemalangan udara dilaporkan yang melibatkan sebuah pesawat ringan iaitu BK 160TR Gabriel. Susulan itu, EAIC telah mengadakan perbincangan bersama CAAM berkenaan pemakaian Peraturan 147 Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016.

Dua lagi SOP yang telah dibuat pengauditan dan pemantauan adalah melibatkan KPDN (Bahagian Penguatkuasaan) berkenaan Garis Panduan Geran Kajian Perdagangan (GKP) – Tatacara Pengendalian *Informer* oleh *Handler* dan JTKSM berkenaan Tatacara Pengendalian Piawai Kes Buruh. Kesemua laporan dapatan pengauditan telah dipanjangkan kepada Ketua Pengarah/ Ketua Jabatan agensi penguatkuasaan berkaitan.

CADANGAN PENUBUHAN OMBUDSMAN MALAYSIA

Secara dasarnya, cadangan penubuhan Ombudsman Malaysia (OM) telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 1 November 2019 untuk mentransformasikan Biro Pengaduan Awam (BPA). Sehubungan itu, cadangan penubuhan OM yang menggabungkan BPA dan EAIC telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Agenda Reformasi dan Undang-undang Bilangan 1 Tahun 2024 pada 29 April 2024 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri II. Manakala menerusi Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Jun 2024, satu Sesi Libat Urus (SLU) Holistik Bagi Menentukan Mekanisme Penubuhan Ombudsman Malaysia telah dipersetujui untuk dilaksanakan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) dengan kerjasama BPA dan EAIC bagi menentukan mekanisme penubuhan dan pelaksanaan OM. EAIC berharap melalui penubuhan OM ini peruntukan fungsi dan kuasa yang lebih luas, efektif dan berkesan daripada yang telah diperuntukkan kepada EAIC sebelum ini dapat dilaksanakan.

CADANGAN PENAMBAHAN AGENSI PENGUATKUASAAN SELIAAN EAIC

Dalam usaha mengukuhkan fungsi dan kuasanya, EAIC telah membuat kajian dari tahun ke tahun tentang keperluan untuk pemakaian Akta 700 diperluas kepada semua Kementerian/Jabatan/Agensi/Badan/Seksyen/Unit yang melaksanakan fungsi penguatkuasaan. Pada 2 April 2024, YAB Perdana Menteri telah membuat kenyataan yang meminta agar pemerhatian khusus dibuat terhadap JIM dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berkaitan isu pendedahan “ketirisan” melibatkan anggota JKDM. Susulan perkembangan tersebut, pada 17 April 2024 EAIC telah memohon kepada YAB Perdana Menteri untuk pemakaian Akta 700 diperluas dan kajian semula terhadap senarai agensi penguatkuasaan di bawah subseksyen 1(4) Akta 700 dibuat bagi memastikan mandat EAIC dapat dilaksanakan dengan lebih meluas, efektif dan berkesan seiring dengan kehendak dan matlamat kerajaan dalam meningkatkan integriti di kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan.

PUBLISITI DAN PROMOSI

EAIC telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik yang berimpak tinggi dalam menyokong agenda pengukuhan integriti, peningkatan akauntabiliti dan pemantapan hubungan dengan pihak berkepentingan. Melalui Kempen ERAT yang semakin berkembang, penganjuran program berskala besar bersama masyarakat, mahasiswa dan penguat kuasa serta pendekatan kreatif seperti tayangan filem dan kolaborasi dengan ikon masyarakat, EAIC berjaya memperkukuh kesedaran integriti secara inklusif dan relevan. Pada masa yang sama, keterlihatan EAIC terus diperkasa melalui pengiklanan, media massa dan platform digital yang menyampaikan mesej integriti kepada khalayak umum. Hasilnya, EAIC telah berjaya menonjolkan peranan sebagai institusi pengawasan yang inovatif, progresif dan diyakini rakyat.

HARAPAN

Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan EAIC yang menggambarkan keseluruhan aktiviti, dapatan dan syor EAIC sepanjang tahun 2024 menunjukkan keseriusan kerajaan dalam menangani isu salah laku dan integriti. EAIC berazam untuk menjadi ejen dalam mengenal pasti permasalahan serta kelemahan yang boleh ditambah baik dalam kalangan penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan tanpa kompromi.

EAIC berharap agar setiap jabatan dan agensi dapat melaksanakan program peningkatan integriti dengan penuh kesungguhan, keberkesanan dan semangat kerjasama, demi memperkukuh kepercayaan rakyat. Ketua jabatan perlu bertanggungjawab terhadap sebarang salah laku yang berlaku dalam kalangan pegawai dan agensi di bawah seliaannya. Oleh itu, ketua jabatan perlulah mengambil tindakan yang tegas agar isu integriti dapat ditangani secara berkesan. Dengan pelaksanaan tanggungjawab ini, setiap urusan dan dasar organisasi akan dapat dijalankan dengan lebih teratur dan lancar. EAIC bersedia untuk membantu agensi-agensi seliaan dan jabatan dalam apa jua perkara terutamanya melibatkan soal integriti dan pencegahan salah laku.

Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar



MAKLUMAT KORPORAT

2

LATAR BELAKANG

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN


Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) ditubuhkan melalui Akta Parlimen di bawah seksyen 3 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700]. Akta 700 telah diwartakan pada 3 September 2009 dan mula berkuat kuasa pada 1 April 2011.

Akta 700 digubal bagi menggantikan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis 2005. Penubuhan EAIC selaras dengan sasaran kerajaan untuk menyemai dan meningkatkan integriti pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan demi memperkukuh keyakinan orang ramai terhadap mereka.

Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang ditubuhkan pada 4 Februari 2004 telah mencadangkan penubuhan sebuah badan bebas penyemakan luar yang dikenali sebagai Suruhanjaya Bebas Pengaduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) untuk meningkatkan integriti dan mengurangkan salah laku anggota PDRM.

Namun begitu, kerajaan telah memperhalusi semula cadangan Suruhanjaya Diraja tersebut dan sebagai alternatif, Rang Undang-Undang (RUU) Suruhanjaya Aduan Khas 2007 telah dicadangkan pada tahun 2007 yang meliputi aduan terhadap agensi-agensi penguatkuasaan lain dan tidak terhad kepada PDRM sahaja. RUU ini telah dibacakan kali yang pertama di Dewan Rakyat pada 13 Disember 2007 namun ia tidak diteruskan selepas itu.

Setelah meneliti dan mendengar pandangan daripada semua pihak, RUU baharu yang dikenali sebagai Rang Undang-Undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 (RUU SIAP) telah digubal dan dibentangkan di Parlimen. RUU SIAP telah diluluskan di Parlimen pada 30 Jun 2009 dan terpakai kepada 21 agensi penguatkuasaan Persekutuan.



AKTA

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

AKTA 700

Di bawah Akta 700, terdapat 55 seksyen yang diperuntukkan dalam tujuh bahagian seperti berikut:

BAHAGIAN I – PERMULAAN

1. Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II - PENUBUHAN DAN FUNGSI SURUHANJAYA

3. Penubuhan Suruhanjaya
4. Fungsi Suruhanjaya
5. Keanggotaan Suruhanjaya
6. Saraan
7. Tempoh jawatan
8. Pengosongan jawatan
9. Mesyuarat Suruhanjaya
10. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi
11. Penzahiran kepentingan
12. Penjalanan fungsi dan kuasa Suruhanjaya oleh Pesuruhjaya

BAHAGIAN III – PENTADBIRAN

13. Setiausaha
14. Pegawai dan kakitangan Suruhanjaya
15. Perunding
16. Jawatankuasa Aduan
17. Pasukan Petugas
18. Jawatankuasa lain
19. Kad kuasa
20. Penggunaan kakitangan, kemudahan atau perkhidmatan
21. Kerjasama dengan agensi lain

**AKTA SURUHANJAYA INTEGRITI
AGANSI PENGUATKUASAAN 2009** **AKTA 700**
**BAHAGIAN IV –
PENGURUSAN ADUAN**

22. Kuasa am Suruhanjaya mengenai pengurusan aduan
23. Aduan salah laku
24. Ruang lingkup salah laku
25. Penyiasatan awal
26. Dapatan Jawatankuasa Aduan
27. Tindakan oleh Suruhanjaya selepas dapatan Jawatankuasa Aduan
28. Suruhanjaya boleh memulakan penyiasatan atas inisiatif sendiri
29. Larangan mengenai dua penyiasatan
30. Dapatan Suruhanjaya selepas penyiasatan

**BAHAGIAN V –
KUASA PENYIASATAN**

31. Kuasa Suruhanjaya yang berhubungan dengan penyiasatan
32. Kuasa untuk mendapatkan dokumen atau benda lain
33. Obligasi di sisi undang-undang untuk memberikan maklumat
34. Pendengaran
35. Pendengaran awam dan tertutup
36. Hak orang berkepentingan untuk hadir
37. Wakil undang-undang
38. Pemeriksaan saksi
39. Dokumen, jawapan, dsb., yang terlindung
40. Kuasa untuk menggeledah dengan waran
41. Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran
42. Senarai benda yang disita
43. Pelepasan kenderaan, dsb., yang disita

**BAHAGIAN VI -
KESALAHAN**

44. Ugutan terhadap saksi
45. Penghinaan

BAHAGIAN VII – AM

46. Dana
47. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980
48. Laporan tahunan
49. Perlindungan Pesuruhjaya, pegawai dan kakitangan Suruhanjaya
50. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
51. Pekhidmat awam
52. Obligasi kerahsiaan
53. Permulaan dan perjalanan pendakwaan
54. Peraturan-peraturan
55. Kuasa Perdana Menteri untuk meminda Jadual

FUNGSI

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

Sejak Akta 700 berkuat kuasa, EAIC telah melaksanakan fungsinya, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 4(1) Akta 700 seperti yang berikut:

a Menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguat kuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan secara amnya dan menyiasat serta mengadakan sesi pendengaran mengenai aduan sedemikian.

b Merumuskan dan mengadakan mekanisme bagi mengesan, menyiasat serta mencegah salah laku oleh seseorang pegawai penguat kuasa.

d Mengadakan pengauditan dan pemantauan mengenai aspek tertentu operasi serta tatacara sesuatu agensi penguatkuasaan.

c Melindungi kepentingan orang ramai dengan mencegah dan menangani salah laku seseorang pegawai penguat kuasa.

e Menggalakkan kesedaran tentang integriti, penambahbaikan berkaitan dengan integriti, dan pendidikan berhubung dengan integriti dalam sesebuah agensi penguatkuasaan serta mengurangkan salah laku dalam kalangan pegawai penguat kuasa.

f Membantu kerajaan dalam merumuskan perundangan, atau mengesyorkan langkah pentadbiran kepada Kerajaan atau sesuatu agensi penguatkuasaan, demi menggalakkan integriti dan menghapuskan salah laku dalam kalangan pegawai penguat kuasa.

g Mengkaji dan menentusahkan apa-apa pelanggaran tatacara penguatkuasaan dan membuat apa-apa saranan yang perlu berhubung dengannya.

h Membuat lawatan ke premis sesuatu agensi penguatkuasaan termasuk melawat balai polis dan lokap mengikut tatacara di bawah mana-mana undang-undang bertulis, serta membuat apa-apa saranan yang perlu yang berhubung dengannya.

AGENSI

PENGUATKUASAAN SELIAAN

Berdasarkan kepada pindaan pada 25 Ogos 2023 Jadual Akta 700, agensi penguatkuasaan seliaan yang disenaraikan adalah seperti berikut:



Agensi
Antidadah
Kebangsaan



Agensi
Penguatkuasaan
Maritim
Malaysia



Jabatan
Alam Sekitar



Jabatan
Imigresen
Malaysia



Jabatan
Kastam
Diraja
Malaysia



Jabatan
Keselamatan
dan Kesihatan
Pekerjaan



Jabatan
Pendaftaran
Negara



Jabatan
Pengangkutan
Jalan



Jabatan
Perhubungan
Perusahaan



Jabatan
Perikanan



Jabatan
Perlindungan
Hidupan Liar
dan Taman
Negara



Jabatan
Sukarelawan
Malaysia
(RELA)



Jabatan
Tenaga
Kerja



Kementerian
Kesihatan
(Bahagian
Penguatkuasaan)



Kementerian
Pelancongan,
Seni dan
Budaya
(Bahagian
Pelesenan
Pelancongan)



Kementerian
Perdagangan
Dalam Negeri
dan Kos Sara
Hidup
(Bahagian
Penguatkuasaan)



Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan
Tempatan
(Bahagian
Penguatkuasaan)



Lembaga
Pelesenan
Kenderaan
Perdagangan
(Sabah)



Lembaga
Pelesenan
Kenderaan
Perdagangan
(Sarawak)



Pendaftar
Perniagaan



Pihak Berkuasa
Penerbangan
Awam
Malaysia

Melalui semakan dengan pihak kementerian yang berkaitan, EAIC telah mengenal pasti bahagian yang menjalankan fungsi penguatkuasaan adalah seperti berikut:

Kementerian Kesihatan (Bahagian Penguatkuasaan)

- i** Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS), Bahagian Amalan Perubatan
- ii** Sektor Inspektorat dan Perundangan (SIP), Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam
- iii** Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan
- iv** Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (TCM)
- v** Program Keselamatan dan Kualiti Makanan
- vi** Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
- vii** Cawangan Perundangan dan Penguatkuasaan Kesihatan Pergigian, Program Kesihatan Pergigian
- viii** Bahagian Penguatkuasaan, Program Perkhidmatan Farmasi
- ix** Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA)

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Bahagian Pelesenan Pelancongan)

- i** Cawangan Penguatkuasaan, Bahagian Pelesenan Pelancongan
- ii** Cawangan Penguatkuasaan Warisan, Bahagian Daftar Warisan, Jabatan Warisan Negara (JWN)

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Bahagian Penguatkuasaan)

- i** Jabatan Perumahan Negara
- ii** Bahagian Kawalan Kredit Komuniti

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (Bahagian Penguatkuasaan)

SKOP

ADUAN

Skop aduan bermaksud ruang lingkup salah laku yang boleh diadukan oleh orang ramai kepada EAIC. Ruang lingkup bagi salah laku pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan diperuntukkan di bawah Akta 700. Menurut subseksyen 24(1) Akta 700, EAIC boleh menerima atau dirujuk bagi aduan-aduan yang berikut:

a

apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil oleh pegawai penguat kuasa yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang bertulis

e

apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil oleh pegawai penguat kuasa yang alasan patut diberikan tetapi tidak diberikan

b

apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil oleh pegawai penguat kuasa yang, pada pendapat Suruhanjaya, adalah tidak munasabah, tidak adil, menindas atau berdiskriminasi secara tidak wajar

f

kegagalan pegawai penguat kuasa untuk mengikuti kaedah-kaedah dan tatacara yang ditetapkan oleh undang-undang atau oleh pihak berkuasa yang berkenaan

c

apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil oleh pegawai penguat kuasa yang, pada pendapat Suruhanjaya, dilakukan atas motif yang tidak wajar, alasan yang tidak berkaitan atau pertimbangan yang tidak berkaitan

g

perlakuan apa-apa kesalahan jenayah oleh pegawai penguat kuasa

d

apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil oleh pegawai penguat kuasa yang berdasarkan kesilapan undang-undang atau fakta

Antara contoh perlakuan atau perbuatan salah laku yang boleh diadukan kepada EAIC adalah seperti berikut:

BIL	CONTOH SALAH LAKU YANG DIADUKAN KEPADA EAIC
1	Pegawai penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan gagal untuk menjalankan tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya di bawah bidang kuasanya
2	Pegawai penguat kuasa gagal menjalankan tindakan ke atas aduan yang dibuat oleh orang ramai kepada agensi penguatkuasaan tersebut
3	Pegawai penguat kuasa gagal mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang berkaitan dalam melaksanakan tugas

Maklumat Aduan Yang Diperlukan

Dalam memastikan aduan yang dibuat dapat diproses dan diambil tindakan sewajarnya, orang ramai perlu membekalkan maklumat yang mencukupi antaranya:

BUTIRAN PENGADU	BUTIRAN PEGAWAI PENGUAT KUASA	BUTIRAN ADUAN
Nama pengadu	Nama pegawai penguat kuasa / agensi penguatkuasaan yang diadukan	Tarikh, masa dan lokasi salah laku
Alamat surat menyurat dan e-mel		Saksi (jika ada)
Nombor Kad Pengenalan / Pasport	Tempat bertugas pegawai penguat kuasa	Salinan foto, video atau dokumen berkaitan
Nombor telefon		Tindakan yang diambil atau tidak diambil olehnya

SALURAN ADUAN

Aduan yang hendak dibuat oleh orang ramai boleh disalurkan kepada EAIC melalui:



Kaunter Aduan
dan Khidmat
Pelanggan EAIC



E-mel



Surat



Sistem Penerimaan Aduan
dan Pengendalian
Siasatan (SPAPS)



WhatsApp

COMPLAINTS




LOGO




Penerangan Mengenai Logo

EAIC telah melaksanakan penjenamaan semula logo sebagai simbol transformasi dan pengukuhan identiti korporat. Reka bentuk baru berevolusi daripada tiga kuku harimau kepada mata harimau, melambangkan ketajaman penglihatan, pemantauan berterusan dan kewaspadaan tinggi, sekaligus mencerminkan peranan EAIC yang semakin proaktif dalam memperkukuh integriti dan akauntabiliti. Perubahan ini tetap mengekalkan elemen visual utama sejak penubuhan 2011, memastikan kesinambungan identiti korporat yang kukuh dan dikenali, sambil menegaskan komitmen EAIC terhadap keberanian, ketegasan, dan integriti dalam setiap fungsi penguatkuasaan.




MERAH

Keberanian dan Ketegasan



KUNING

Integriti dan Keadilan



HITAM

Ketelusan dan Autoriti

Huraian Simbol



KUKU HARIMAU

Simbol lengkung tajam berwarna merah, kuning, dan hitam menyerupai kuku harimau. Ia melambangkan keberanian, kekuatan dan sifat perlindungan



MATA HARIMAU

Simbol ketegasan, ketajaman pemerhatian dan ketelusan dalam memantau integriti agensi penguatkuasaan



PERISAI

Susunan kuku harimau dan mata harimau membentuk rupa sebuah perisai melambangkan peranan EAIC sebagai benteng perlindungan kepada agensi penguat kuasa dan masyarakat umum, dalam memastikan akauntabiliti dan integriti

VISI, MISI DAN MOTO

VISI

Peneraju dalam penguatkuasaan, transformasi dan pembudayaan integriti dalam kalangan agensi penguatkuasaan Malaysia berteraskan profesionalisme dan amalan terbaik

MISI

Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan yang berintegriti dalam kalangan agensi penguatkuasaan Malaysia melalui pengendalian aduan dan siasatan secara telus, berani serta profesional

MOTO

Tegas / Telus / Efisien



LAGU KORPORAT

Lagu Korporat EAIC bertajuk “Menjulung Integriti” digubal sebagai simbol aspirasi EAIC dalam memperkukuh budaya integriti, akauntabiliti dan profesionalisme dalam penguatkuasaan. Melodi dan liriknya menggambarkan semangat ketegasan, ketelusan serta kesungguhan warga EAIC dalam menggalas amanah rakyat dan negara. Melalui lagu ini, nilai-nilai kejujuran, keikhlasan dan kepercayaan diperkukuh sebagai ikrar bersama, sekaligus mencerminkan identiti EAIC sebagai institusi pengawasan yang berwibawa dan berorientasikan kecemerlangan.

LIRIK LAGU MENJULUNG INTEGRITI

Merintis segala cabaran,
merentas segala aduan
Perkasa khidmat penguatkuasaan,
integriti jadi amalan,
Tegas tulus serta efisien,
itu prinsip kerja dilaungkan
Ayuh gerakkan pencapaian,
menuju kecemerlangan
Berkhidmat dengan suci hati,
gemilang ke arah transformasi
Amanah dijaga, etika dijulang,
negara bermaruah, berdiri kita megah,
EAIC memegang kejujuran,
EAIC memegang keikhlasan,
EAIC memegang kepercayaan,
Itulah ikrar kami, mari kita amalkan...
INTEGRITI

Gubahan dan Lirik: Fadzril Nizam



STRUKTUR ORGANISASI



PESURUHJAYA

Pesuruhjaya EAIC dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri di bawah subseksyen 5(1) Akta 700. Pelantikan ini hendaklah tidak lebih daripada tujuh Pesuruhjaya, yang terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan lima Pesuruhjaya. Keanggotaan ini adalah bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dan setiap Pesuruhjaya tidak boleh memegang jawatan melebihi dua tempoh yang berturut-turut selaras dengan peruntukan subseksyen 7(1) Akta 700.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah memperkenankan lantikan tujuh orang Pesuruhjaya EAIC untuk tempoh tiga tahun.

Barisan Pesuruhjaya Penggal Kelima yang dilantik berkuat kuasa mulai 1 Februari 2024 hingga 31 Januari 2027 terdiri daripada:

a	YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar (Pengerusi)	b	YBhg. Datuk Dr Prasad Sandosham Abraham (Timbalan Pengerusi)
c	YBhg. Datuk Seri Dr Yusof Ismail (Pesuruhjaya)	d	YBhg. Dato' Seri Dr Razali Ab. Malik (Pesuruhjaya)
e	YBhg. Datuk Dr Mohd Gazali Abas (Pesuruhjaya)	f	YBhg. Datuk Ong Lam Kiat (Pesuruhjaya)
g	YBhg. Datuk Siti Zainab Omar (Pesuruhjaya)		

Bagi menjamin fungsi Suruhanjaya yang bebas, telus dan berkesan sebagai badan pemantau, Pesuruhjaya berperanan strategik dalam menetapkan hala tuju EAIC, membimbing pelaksanaan siasatan dan pemantauan, serta memastikan integriti terpelihara dalam setiap keputusan. Pesuruhjaya juga menjadi penjaga prinsip *accountability* dan *transparency* dengan memastikan setiap aduan atau isu salah laku penguatkuasaan diselesaikan secara adil, berhemah dan berlandaskan undang-undang.

PESURUHJAYA LANTIKAN 1 FEBRUARI 2024 HINGGA 31 JANUARI 2027



Duduk (dari kanan):

YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar (Pengerusi),
YBhg. Datuk Dr Prasad Sandosham Abraham (Timbalan Pengerusi)

Berdiri (dari kanan):

YBhg. Datuk Siti Zainab Omar (Pesuruhjaya), YBhg. Datuk Dr Mohd Gazali Abas (Pesuruhjaya),
YBhg. Datuk Seri Dr Yusof Ismail (Pesuruhjaya), YBhg. Dato' Seri Dr Razali Ab. Malik (Pesuruhjaya),
YBhg. Datuk Ong Lam Kiat (Pesuruhjaya)

PROFIL PESURUHJAYA

TAN SRI DR ISMAIL HJ. BAKAR

.....

Dilahirkan pada 19 Januari 1960 di Johor. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) daripada Universiti Malaya (1983), Diploma Pentadbiran Awam daripada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)(1986), Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA)(1995) dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) daripada University of Hull, United Kingdom (2004) serta telah mengikuti *Executive Programme* di INSEAD Business School di Fontainebleau, Perancis.

Beliau pernah berkhidmat dalam pelbagai jawatan utama dalam perkhidmatan awam termasuk sebagai Ketua Setiausaha Negara (2018-2019), Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia (2018), Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (2015-2018) serta Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan (2014-2015).

Beliau juga pernah memegang jawatan penting di sektor korporat antaranya sebagai Pengerusi Kulim (Malaysia) Berhad, Bintulu Port Holdings Berhad, Malaysia Rail Link Sdn Bhd serta Kumpulan Wang Persaraan (KWAP), selain menjadi Pengarah Bank Negara Malaysia dan Malaysia Airport Holdings Berhad.

Sepanjang perkhidmatan, beliau telah dianugerahkan darjah kebesaran Panglima Setia Mahkota (P.S.M.), Seri Mahkota Wilayah (S.M.W.), Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang (D.S.A.P.) dan Darjah Panglima Seri Melaka (D.P.S.M.).



PROFIL PESURUHJAYA

DATUK DR PRASAD SANDOSHAM ABRAHAM

• • • • •

Dilahirkan pada 11 Julai 1951 di Singapura. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) Universiti Nottingham, United Kingdom (1974). Beliau turut dikurniakan Honorary Doctorate daripada Universiti Nottingham, United Kingdom pada 2008.

Beliau berpengalaman luas dalam bidang perundangan menerusi penyertaan beliau dalam The Honourable Society of Middle Temple pada tahun 1975. Beliau telah berkhidmat sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Malaya (2011), Hakim Mahkamah Rayuan (2014) dan Hakim Mahkamah Persekutuan (2017 sehingga 2018).

Beliau kemudian meneruskan khidmat dengan menganggotai Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (2018 sehingga 2020) dan kemudian dilantik menjadi Timbalan Pengarah di Pusat Timbang Tara Antarabangsa (AIAC) (2020). Pada tahun 2023, beliau telah menganggotai Ahli Lembaga Pengampunan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sehingga kini.

Sepanjang perkhidmatan, beliau telah dikurniakan darjah kebesaran Panglima Jasa Negara (P.J.N.) serta menerima Alumni Laureate Lifetime Achievement Award daripada University of Nottingham, United Kingdom.



PROFIL PESURUHJAYA

DATUK SERI DR YUSOF ISMAIL

• • • • •

Dilahirkan pada 14 Mei 1962 di Terengganu. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, B.EC dari Universiti Malaya (1985), Diploma Pentadbiran Awam daripada INTAN (1988), Diploma Pengajian Islam daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (1991), Ijazah Sarjana (Economic Development), Williams College, Amerika Syarikat (1997) dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) daripada Universiti Putra Malaysia (2011).

Beliau memulakan kerjaya sebagai Penolong Setiausaha (Bahagian Ekonomi), Kementerian Kewangan pada 12 Januari 1988 dan telah berkhidmat lebih 35 tahun dalam perkhidmatan awam, khususnya dalam bidang ekonomi, kewangan, pengurusan strategik kerajaan serta transformasi digital. Antara kedudukan penting yang disandang beliau adalah sebagai Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan (2016-2019), Timbalan Ketua Pengarah, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) (2019 sehingga 2020) dan seterusnya dilantik sebagai Ketua Pengarah, MAMPU (2020 sehingga 2023).

Sepanjang perkhidmatan, beliau telah dianugerahkan darjah kebesaran Seri Mahkota Wilayah (S.M.W.), Darjah Kebesaran Sultan Mizan Zainal Abidin (D.S.M.Z.) dan Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P.).



PROFIL PESURUHJAYA

DATO' SERI DR RAZALI AB MALIK

.....

Dilahirkan pada 6 Januari 1963 di Negeri Sembilan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (1986), Diploma Pengurusan Awam, INTAN (1997), Ijazah Sarjana Strategi dan Diplomas UKM (2003) dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) (Sains Politik) UKM (2014).

Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1986 di Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) sebelum berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka (1988–1990), Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. (1990–1992) serta Biro Tatanegara (1992–1995). Seterusnya, beliau menabur bakti di Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (1995–2002) sebelum diberi kepercayaan mengetuai Unit Korporat INTAN (2005–2007) dan seterusnya dilantik sebagai Setiausaha Bahagian di Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (2011–2015). Pada tahun 2015, beliau menerajui Kluster Pengajian Etika Profesional dan Integriti di INTAN sehingga tahun 2018, sebelum mencapai puncak kerjaya sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (2018–2023) yang disandang dengan penuh dedikasi dan wibawa.

Sepanjang perkhidmatan, beliau telah dianugerahkan darjah kebesaran Kesatria Mangku Negara (K.M.N.), Dato' Paduka Negeri Sembilan (D.P.N.S) dan Seri Setia Negeri Sembilan Yang Amat Cemerlang (S.S.N.S.).



PROFIL PESURUHJAYA

DATUK DR MOHD GAZALI ABAS

• • • • •

Dilahirkan pada 1 Julai 1960 di Kelantan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Malaya (1983), Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Universiti Nottingham, United Kingdom (1991) Ijazah Doktor Falsafah (PhD) (Maklumat dan Telekomunikasi Global), Universiti Waseda, Jepun (2005) dan Diploma Pentadbiran Awam daripada INTAN (1986).

Beliau mempunyai pengalaman luas dalam bidang perancangan ekonomi, pengurusan kewangan, dasar awam, serta kepimpinan dalam sektor perkhidmatan awam. Antara jawatan utama yang pernah disandang termasuk Penolong Pengarah di Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (1983–1985), Kementerian Kewangan (1986–1991) serta Unit Perancang Ekonomi (UPE), JPM (1992–1998), Pegawai Khas kepada Menteri Kewangan (1998–2000) khusus dalam pemantauan Pelan Pemulihan Ekonomi, Pengarah Bahagian Penswastaan dan Pembangunan Modal Insan, UPE, JPM (2007–2015), Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia (2015–2016), Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) (2016–2017), Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia (2017–2018) dan Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan merangkap Kementerian Pendidikan Tinggi (2018–2020).

Sepanjang perkhidmatan, beliau telah dianugerahkan darjah kebesaran Panglima Jasa Negara (P.J.N.), Kesatria Mangku Negara (K.M.N.), Dato' Paduka Setia Mahkota Kelantan (Al-Ibrahimi II) (D.P.S.K.) dan Bentara Setia Mahkota Kelantan (Al-Ibrahimi IV) (B.S.K.).



PROFIL PESURUHJAYA

DATUK ONG LAM KIAT



Dilahirkan pada 9 Oktober 1956 di Perak. Beliau berkelulusan Ijazah Sastera daripada Ealing College of Higher Education (1980), Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, Council for National Academy Awards, United Kingdom (1980) dan Ijazah Sarjana Undang-Undang (LL.M.) daripada University of Hong Kong (1993).

Beliau mempunyai pengalaman luas dalam bidang perundangan. Beliau telah diterima masuk sebagai Barrister-at-Law di Lincoln's Inn, London pada tahun 1981 dan seterusnya didaftarkan sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 1982. Antara jawatan penting yang pernah disandang adalah sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan Malaysia (2019 sehingga 2023), Hakim Mahkamah Rayuan Malaysia (2014 sehingga 2019), Hakim Mahkamah Tinggi Malaya di Shah Alam dan Johor Bahru (2010 sehingga 2014) dan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya (2007 sehingga 2010).

Selain itu, beliau juga pernah berkhidmat sebagai Peguamcara dan Peguambela (1993 sehingga 2007), Konsultan Undang-undang di United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) Malaysia, serta memegang jawatan penting di UNHCR Hong Kong. Beliau turut aktif dalam bidang akademik sebagai Pensyarah Jemputan di beberapa institusi tempatan dan antarabangsa, serta Pemeriksa di Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang Malaysia.

Sepanjang perkhidmatan, beliau telah dianugerahkan darjah kebesaran Panglima Jasa Negara (P.J.N.).



PROFIL PESURUHJAYA

DATUK SITI ZAINAB OMAR

• • • • • • • •

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB Hons) daripada University of Essex, United Kingdom dan diterima masuk sebagai “Barrister-at-law” Bar of England & Wales (Gray’s Inn) pada tahun 1986. Kemudiannya beliau diterima masuk sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 1998.

Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam pelbagai bidang perundangan domestik dan hal ehwal antarabangsa, termasuk memimpin serta mengetuai pelbagai rundingan dan penyelesaian pertikaian domestik atau antarabangsa yang melibatkan Kerajaan Persekutuan. Sepanjang tempoh 36 tahun perkhidmatan, beliau telah memegang pelbagai jawatan penting di Jabatan Peguam Negara (AGC) sebelum bersara sebagai Peguam Cara Negara II pada Mei 2023. Jawatan yang disandang beliau termasuklah Timbalan Pendakwa Raya, Peguam Persekutuan, Pengarah Naziran, Ketua Unit di Bahagian Penasihat, Timbalan Ketua Bahagian Penasihat serta Ketua Bahagian Penasihat.

Selain itu, beliau turut berkhidmat sebagai Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka, Peguam Cara Perbendaharaan dan Timbalan Peguam Cara Perbendaharaan di Kementerian Kewangan, Penasihat Undang-Undang di Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Pos dan di Kementerian Kerja Raya. Beliau juga pernah memegang jawatan Pengerusi Labuan Financial Services Authority selain dari berkhidmat di pelbagai institusi/syarikat Kerajaan.

Sepanjang perkhidmatan, beliau telah dianugerahkan darjah kebesaran Panglima Jasa Negara (P.J.N.) dan Darjah Mulia Seri Melaka (D.M.S.M.)



PERANAN PESURUHJAYA

Bagi memperkukuh tadbir urus dan memastikan kelancaran pelaksanaan mandat EAIC, setiap Pesuruhjaya EAIC turut diberi bidang fokus khusus sebagai penaung dan penasihat dalam aspek pengurusan teras organisasi. YBhg. Datuk Dr Prasad Sandosham Abraham bertanggungjawab dalam pengendalian siasatan oleh Bahagian Operasi serta hal-hal berkaitan bagi menjamin keberkesanan proses penyiasatan. Dalam aspek komunikasi strategik, promosi, hubungan luar serta penyediaan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan EAIC, peranan ini dipikul oleh YBhg. Datuk Seri Dr Yusof Ismail dalam memastikan imej dan kedudukan EAIC sentiasa terpelihara.

Sementara itu, YBhg. Dato' Seri Dr Razali Ab Malik menumpukan perhatian kepada pengurusan sumber manusia, struktur organisasi serta perjawatan EAIC, termasuk urusan bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), bagi menjamin keupayaan organisasi yang mampan. Dari segi pengurusan kewangan pula, YBhg. Datuk Dr Mohd Gazali Abas berperanan memastikan ketelusan dan keberkesanan dalam pengurusan bajet, audit serta apa-apa urusan berkaitan Kementerian Kewangan (MOF).

Dalam bidang pengurusan aduan, pelaksanaan siasatan serta penyediaan laporan dapatan siasatan, amanah tersebut disandang oleh YBhg. Datuk Ong Lam Kiat yang memastikan setiap isu salah laku penguatkuasaan ditangani secara tuntas. Manakala, YBhg. Datuk Siti Zainab Omar pula memimpin EAIC dari aspek perundangan, termasuk kajian penubuhan Ombudsman Malaysia (OM) dan perkara-perkara berkaitan undang-undang, bagi memperkukuh kerangka perundangan serta fungsi EAIC.

Melalui pembahagian peranan yang jelas ini, barisan Pesuruhjaya bukan sahaja memperkasa kepimpinan kolektif EAIC, malah turut memastikan setiap aspek pengurusan, pentadbiran dan operasi EAIC dilaksanakan dengan lebih teratur, profesional dan berkesan.



Barisan Pesuruhjaya dan Warga Kerja EAIC

PENGURUSAN


Pengurusan EAIC diterajui oleh Setiausaha yang menjadi Ketua Pegawai Eksekutif, yang dilantik selaras dengan subseksyen 13(2) Akta 700. Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif memikul tanggungjawab utama dalam memastikan kelancaran pengurusan serta menjamin fungsi-fungsi EAIC seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 4 Akta 700. Di bawah kepimpinan Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif, struktur organisasi EAIC dibahagikan kepada beberapa bahagian dan unit utama iaitu Bahagian Operasi (BO), Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS), Bahagian Undang-Undang (BUU), Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) serta Pejabat Setiausaha yang merangkumi Unit Komunikasi Korporat (UKK), Unit Integriti (UI) dan Unit Audit Dalam (UAD). Setiap bahagian/unit memainkan fungsi khusus selaras dengan Akta 700, bagi memastikan EAIC beroperasi secara efektif, telus dan berintegriti.



Dari kiri:

Puan Nuralina Elisa Johari (Ketua UAD), Puan Jasliza Jamil (Ketua UKK),
Encik Mohd Asnawi Abu Hanipah (Pengarah BO), Encik Firdaus Nohhani (Ketua UI),
Puan Asliza Ali (Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif),
Encik Mohd Hatta Ishak (Pengarah BKP), Puan Jasmee Hameeza Jaafar (Pengarah BDPS),
Puan Eda Mazuin Abdul Rahman (Pengarah BUU)

Carta Organisasi EAIC mencerminkan struktur tadbir urus yang tersusun dan berkesan, menjadi pemacu utama kejayaan EAIC dalam melaksanakan mandatnya. Peranan dan tanggungjawab setiap lapisan pengurusan adalah penting ke arah memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan serta keberkesanan fungsi EAIC demi kepentingan rakyat dan negara.



PEJABAT SETIAUSAHA

Pejabat Setiausaha memainkan peranan penting sebagai pusat penyelarasan tadbir urus EAIC dengan didukung oleh tiga unit utama. UKK memperkukuh imej serta hubungan strategik dengan pihak berkepentingan; UI memastikan budaya integriti dan pematuhan terpelihara dalam setiap aspek operasi; manakala UAD memberi jaminan terhadap ketelusan dan akauntabiliti melalui semakan kawalan dalaman serta pengurusan risiko. Secara keseluruhannya, Pejabat Setiausaha menjadi teras pengukuhan reputasi, ketelusan dan keberkesanan EAIC dalam melaksanakan mandatnya.



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Selaras dengan peruntukan perenggan 4(1)(e) Akta 700, UKK berperanan menguruskan promosi dan publisiti berhubung peranan serta fungsi EAIC kepada masyarakat, agensi penguatkuasaan, badan bukan kerajaan dan pihak berkepentingan. Selain itu, UKK bertanggungjawab dalam merancang serta melaksanakan pelan komunikasi dan publisiti, mengawal selia kandungan penerbitan serta platform digital EAIC dan menyelaras aktiviti pendidikan awam. Unit ini juga melaksanakan pemantauan terhadap isu salah laku penguat kuasa serta liputan penguatkuasaan di media massa dan media sosial, bagi memastikan persepsi awam terhadap EAIC kekal positif dan selari dengan objektif EAIC.



UNIT INTEGRITI

UI berperanan sebagai tonggak utama dalam memperkukuh budaya tadbir urus beretika di EAIC. Unit ini memastikan setiap warga EAIC menghayati nilai integriti, moral dan etika kerja yang unggul, sekaligus menolak sebarang bentuk salah guna kuasa, penyelewengan atau pengaruh negatif yang boleh menjejaskan kredibiliti organisasi.

Pelbagai inisiatif telah digerakkan oleh UI bagi mengekalkan budaya berintegriti dalam organisasi serta memperluas kesedaran kepada pihak berkepentingan luar. Antara program utama yang dilaksanakan termasuklah jalinan kerjasama strategik bersama agensi sektor awam dan swasta melalui Program Pemantapan dan Pengukuhan Integriti, pelaksanaan Program Kesedaran dan Pendidikan bersama Institusi Sosiobudaya, serta Pemeriksaan Pematuhan terhadap dasar, polisi dan peraturan dalaman.



UNIT AUDIT DALAM (UAD)

UAD telah ditubuhkan pada tahun 2015, namun pelaksanaan fungsi dan peranan unit ini ditangguhkan sementara waktu pada tahun 2022 hingga Ogos 2024 bagi memberi laluan kepada Bahagian Audit Dalam Jabatan Perdana Menteri (BAD JPM) melaksanakan tugas-tugas pengauditan di EAIC.

Mesyuarat Suruhanjaya Bil.7/2024 yang bersidang pada 12 Ogos 2024 telah meluluskan semula penubuhan UAD EAIC pada 9 September 2024 bagi melaksanakan fungsi dan peranan Unit Audit Dalam di EAIC selaras dengan keperluan Surat Pekeliling Am Bilangan 5 Tahun 2024: Garis Panduan Mengenai Pengurusan dan Tatakelola Badan Berkanun Persekutuan bertarikh 30 April 2024.

Objektif penubuhan UAD adalah untuk membantu memastikan pengurusan kewangan dan operasi yang dilaksanakan oleh EAIC telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa agar sumber yang diperolehi digunakan secara berhemah, cekap dan berkesan dalam mencapai matlamat penubuhan EAIC.

Fungsi UAD adalah seperti berikut:

- (i) bertanggungjawab melaksanakan pengauditan bagi menilai dan meningkatkan keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dalaman, tatakelola serta menyarankan penambahbaikan yang dapat membantu nilai tambah aktiviti EAIC;
- (ii) memastikan pengauditan tatacara pengurusan kewangan terhadap sistem dan prosedur EAIC dengan membuat pemeriksaan, semakan dan pengesahan untuk menentukan sama ada kawalan dalam wujud, mencukupi dan berkesan berdasarkan rancangan tahunan audit dilaksanakan; dan
- (iii) melaksanakan pengauditan prestasi aktiviti bagi menentukan sama ada operasi EAIC dijalankan dengan cekap, berkesan, ekonomi dan bersesuaian serta mencadangkan syor penambahbaikan operasi EAIC berdasarkan rancangan audit yang ditetapkan.



BAHAGIAN OPERASI

BO merupakan teras utama pelaksanaan fungsi penguatkuasaan EAIC. Bahagian ini bertanggungjawab menerima dan mengendalikan aduan salah laku yang dikemukakan oleh orang ramai terhadap pegawai penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan, selaras dengan peruntukan perenggan 4(1)(a) Akta 700. Selain melaksanakan siasatan ke atas aduan yang diterima, BO turut diberi kuasa di bawah seksyen 28 Akta 700 untuk memulakan siasatan atas inisiatif sendiri sekiranya EAIC berpuas hati bahawa sesuatu isu mempunyai kepentingan signifikan kepada masyarakat serta wajar dilaksanakan demi kepentingan awam. Peranan ini bukan sahaja memperkukuh kebertanggungjawaban agensi penguatkuasaan, malah mencerminkan komitmen EAIC untuk menjamin ketelusan, integriti dan keyakinan rakyat terhadap sistem penguatkuasaan negara.



BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

BDPS berperanan sebagai penyelarar utama dalam memastikan keberkesanan tadbir urus dan hala tuju strategik EAIC. Fungsi utamanya merangkumi penyelarasan serta pelaksanaan Mesyuarat Suruhanjaya selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 9 Akta 700. Selain itu, BDPS juga dipertanggungjawabkan untuk menyediakan serta membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan EAIC sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen 48 Akta 700. BDPS turut melaksanakan tanggungjawab dalam menyelarar sesi libat urus dan program koordinasi yang melibatkan Pengurusan Tertinggi EAIC bersama agensi penguatkuasaan seliaan. Di samping itu, bahagian ini berperanan melaksanakan pengauditan dan pemantauan operasi termasuk lawatan ke premis agensi penguatkuasaan, selaras dengan peruntukan perenggan 4(1)(d) dan (h) Akta 700. Pada masa yang sama, BDPS bertanggungjawab membangunkan serta menyelia pelaksanaan Pelan Strategik EAIC, di samping memantau pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Piagam Pelanggan, bagi memastikan visi dan misi EAIC sentiasa tercapai dengan berkesan.



BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

Selaras dengan peruntukan perenggan 4(1)(f) Akta 700, BUU dipertanggungjawabkan untuk membantu EAIC dalam usaha kerajaan merangka perundangan atau mencadangkan langkah-langkah pentadbiran kepada Kerajaan mahupun agensi penguatkuasaan. Tanggungjawab ini dilaksanakan bagi memperkukuh budaya integriti dan mencegah sebarang salah laku dalam kalangan pegawai penguat kuasa. BUU juga berfungsi sebagai salah satu komponen utama yang menguruskan hal berkaitan penggubalan serta pindaan akta di EAIC, memberikan nasihat perundangan serta menyemak dokumen-dokumen undang-undang yang memberi implikasi kepada EAIC.



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

BKP bertanggungjawab menyediakan sokongan pengurusan yang menyeluruh bagi memastikan kelancaran operasi harian dan keberkesanan pelaksanaan fungsi suruhanjaya. Fungsi utama BKP dilaksanakan melalui empat seksyen berikut:

1. Seksyen Pentadbiran

Menguruskan hal-hal pentadbiran am termasuk urusan pejabat, pengurusan aset dan inventori, perkhidmatan sokongan logistik serta penyediaan fasiliti yang kondusif untuk warga kerja EAIC.



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

2. Seksyen Sumber Manusia

Memfokuskan kepada pengurusan modal insan meliputi perancangan tenaga kerja, pengambilan dan penempatan pegawai, pembangunan kompetensi, latihan, penilaian prestasi serta kebajikan warga kerja EAIC.



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

3. Seksyen Kewangan

Bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan termasuk penyediaan belanjawan, kawalan perbelanjaan, pengurusan perolehan serta memastikan kepatuhan kepada peraturan kewangan kerajaan bagi menjamin ketelusan dan akauntabiliti.



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

4. Seksyen Teknologi Maklumat

Menyokong aspek digitalisasi dan teknologi dengan mengurus sistem maklumat, keselamatan siber, pembangunan aplikasi serta penyelenggaraan infrastruktur ICT untuk memperkukuh kecekapan operasi EAIC.



**LAPORAN
PROGRAM/AKTIVITI**

4

PEMERKASAAN

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN BERKESAN

MESYUARAT SURUHANJAYA

Mesyuarat Suruhanjaya merupakan elemen serta agenda utama dalam pelaksanaan fungsi EAIC. Selaras dengan seksyen 9 Akta 700, Suruhanjaya hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu untuk melaksanakan fungsinya.

Sebagai mesyuarat rasmi barisan Pesuruhjaya, Mesyuarat Suruhanjaya berperanan penting sebagai medium untuk membincangkan, menilai dan membuat keputusan mengenai cadangan jawatankuasa berkenaan aduan salah laku yang diterima daripada orang awam terhadap penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan seliaan.

Selain itu, Mesyuarat Suruhanjaya juga membincangkan isu dasar, tadbir urus korporat, laporan prestasi EAIC dan perancangan strategik untuk masa hadapan.



20 Februari 2024, Putrajaya - Mesyuarat Suruhanjaya Bilangan 1/2024 di Menara Usahawan

Jadual 1: Pembentangan Kertas Pertimbangan / Makluman dalam Mesyuarat Suruhanjaya

BIL	MESYUARAT SURUHANJAYA (MS)	TARIKH	JUMLAH KERTAS PERTIMBANGAN / KERTAS MAKLUMAN YANG DIBENTANGKAN DALAM MESYUARAT SURUHANJAYA
1.	MS BIL.1/2024	20 Februari 2024	31
2.	MS BIL.2/2024	5 Mac 2024	31
3.	MS BIL.3/2024	23 April 2024	50
4.	MS BIL.4/2024	14 Mei 2024	49
5.	MS BIL.5/2024	11 Jun 2024	26
6.	MS BIL.6/2024	21 Julai 2024	33
7.	MS BIL.7/2024	12 Ogos 2024	37
8.	MS BIL.8/2024	10 September 2024	25
9.	MS BIL.9/2024	15 Oktober 2024	14
10.	MS BIL.10/2024	9 November 2024	9
11.	MS BIL.11/2024	9 Disember 2024	20
JUMLAH KESELURUHAN			325

Sepanjang tahun 2024, Mesyuarat Suruhanjaya telah diadakan pada setiap bulan kecuali Januari, susulan lantikan barisan Pesuruhjaya yang hanya berkuat kuasa pada 1 Februari 2024. Jadual 1 memperincikan jumlah kertas pertimbangan dan makluman yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Suruhanjaya sepanjang tahun 2024. Melalui pembentangan tersebut, EAIC telah meneliti pelbagai isu berkaitan salah laku, integriti serta tadbir urus agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC.

Hasil perbincangan tersebut, sebanyak 325 kertas pertimbangan/makluman telah dibentangkan dan seterusnya diluluskan meliputi pelbagai kategori termasuk aduan, penambahbaikan dasar, cadangan tadbir urus serta makluman pentadbiran. Keputusan ini bukan sahaja mencerminkan komitmen EAIC dalam memperkukuh ketelusan dan akauntabiliti, malah selari dengan amanat Perdana Menteri pada Majlis Perjumpaan bersama warga Jabatan Perdana Menteri pada 10 Jun 2024 yang menegaskan tiada kenaikan pangkat akan diberikan kepada ketua jabatan sekiranya berlaku salah laku penjawat awam di bawah seliaannya yang tidak dilaporkan.

Sehubungan itu, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan Surat Edaran JPA (JPA.100-1/4/1(20)) bertarikh 5 Julai 2024 berhubung *Kewajipan Ketua Jabatan atau Pegawai yang Bertanggungjawab Menjalankan Kawalan dan Pengawasan Tatakelakuan dan Tata tertib Terhadap Pegawai Seliaan*. Menyambut baik aspirasi tersebut, EAIC menegaskan kesungguhan dalam menangani salah laku dengan mengesyorkan hukuman tata tertib yang berat seperti buang kerja, turun pangkat dan tangguh pergerakan gaji, sebagai langkah memastikan budaya integriti terus dihayati di setiap peringkat agensi penguatkuasaan.

Pada tahun 2024, Mesyuarat Suruhanjaya turut mengarahkan agar kenyataan dan liputan media dibuat berhubung hasil siasatan yang melibatkan kepentingan awam. Antara laporan signifikan yang telah dibuat liputan media adalah seperti berikut:


- Keputusan Siasatan EAIC: Salah Laku dalam Pengendalian Kes Dadah di AADK;
- Maklum Balas kepada Artikel Malaysiakini - Pegawai Imigresen Disiasat Dalam 'Sindiket Visa Perubatan';
- EAIC Tubuh Pasukan Petugas Khas Siasat Sindiket Visa Perubatan Warga Asing; dan
- Laporan Siasatan EAIC Mengenai Insiden Tahanan Etnik Rohingya di Depot Imigresen Sementara Bidor.

Liputan media ini dilaksanakan bagi memperkukuh pemahaman masyarakat tentang peranan EAIC serta membuka ruang kepada perspektif baharu dalam menangani isu-isu berkaitan. Usaha ini sekali gus mencerminkan ketelusan EAIC dan memperteguh keyakinan awam terhadap langkah-langkah yang diambil dalam memelihara integriti agensi penguatkuasaan. Selaras dengan subseksyen 30(5) Akta 700, EAIC bertanggungjawab untuk mengumumkan dapatan siasatannya kepada orang ramai serta memaklumkan pengadu berhubung dapatan dan tindakan yang telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tata tertib atau Pendakwa Raya.



Pengurusan Aduan dan Pengendalian Siasatan

Sepanjang tahun 2024, EAIC telah menerima sebanyak 408 aduan salah laku terhadap pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan. Aduan ini disalurkan oleh orang ramai melalui Sistem Penyelesaian Aduan dan Pengendalian Siasatan (SPAPS)/e-Aduan, e-mel, surat, pengadu hadir dan aplikasi WhatsApp.




Carta 1: Jumlah Aduan yang Diterima dan Didaftarkan oleh EAIC Bagi Tahun 2022 Hingga 2024

Carta 1 di atas memaparkan jumlah aduan salah laku yang diterima oleh EAIC bagi tempoh tahun 2022 hingga tahun 2024 melibatkan 21 agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC serta agensi bukan seliaan.

Daripada keseluruhan aduan salah laku dalam tempoh tersebut, pada tahun 2022, terdapat sebanyak 704 aduan yang diterima iaitu melibatkan 500 aduan terhadap PDRM dan 204 aduan melibatkan agensi-agensi di bawah seliaan EAIC. Manakala pada tahun 2023 pula, sebanyak 600 aduan yang diterima melibatkan 244 aduan terhadap PDRM dan 356 aduan melibatkan agensi-agensi di bawah seliaan EAIC. Pada tahun 2024, PDRM tidak lagi berada di bawah seliaan EAIC apabila Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2022 [Akta 839] dikuatkuasakan pada Julai 2023. Sehubungan itu, jumlah aduan sebanyak 408 yang diterima pada tahun 2024 adalah merujuk sepenuhnya kepada aduan salah laku yang melibatkan 21 agensi penguatkuasaan seliaan EAIC sahaja.

Walaupun PDRM bukan lagi agensi seliaan EAIC, namun aduan yang diterima pada tahun 2024 adalah meningkat sekali ganda (100%) berbanding dengan aduan yang diterima daripada agensi seliaan EAIC (tidak termasuk PDRM) pada tahun 2022. Peningkatan ini mencerminkan perkembangan positif selaras dengan tahap kesedaran awam yang semakin tinggi terhadap kewujudan dan peranan EAIC dalam membendung salah laku pegawai penguat kuasa serta agensi penguatkuasaan di Malaysia.



Carta 2: Pecahan 408 Aduan yang Didaftarkan Mengikut Sumber Aduan Bagi Tahun 2024

Carta 2 memperincikan pecahan sumber aduan salah laku sejumlah 408 aduan yang diterima serta didaftarkan oleh EAIC sepanjang tahun 2024. Sumber aduan tertinggi adalah melalui e-mel sebanyak 213 aduan, diikuti oleh aplikasi WhatsApp sebanyak 56 aduan dan e-Aduan/SPAPS sebanyak 45 aduan. Ketiga-tiga saluran secara atas talian ini menjadi pilihan utama kerana lebih pantas, mudah diakses, serta membolehkan orang ramai menyalurkan maklumat dengan lebih efisien. Peningkatan aduan secara atas talian ini lebih ketara apabila EAIC mula memperkenalkan aduan melalui WhatsApp mulai 2 April 2024. Ini selaras dengan komitmen untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

Selaras dengan komitmen untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan, EAIC sentiasa menambah baik kemudahan aduan atas talian agar lebih mesra pengguna dan boleh dicapai pada bila-bila masa. Sejarar dengan usaha tersebut, pada 2 April 2024 EAIC telah memperkenalkan saluran aduan baharu melalui aplikasi WhatsApp di talian 019 355 5215, sekaligus memberikan lebih kemudahan kepada orang ramai untuk membuat aduan serta mengemukakan dokumen sokongan dengan lebih cepat dan mudah.

Jadual 2: Jumlah Aduan yang Didaftarkan pada Tahun 2024

BIL	AGENSI	JUMLAH
AGENSI SELIAAN		
1	Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)	58
2	Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ)	18
3	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)	16
4	Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)	16
5	Jabatan Perikanan (DOF)	12
6	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)	11
7	Jabatan Tenaga Kerja (JTK)	10
8	Jabatan Alam Sekitar (JAS)	9
9	Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)	9
10	Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)	7
11	Kementerian Kesihatan (KKM)	5
12	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	4
13	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)	3
14	Pendaftar Perniagaan	3
15	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	1
16	Jabatan Sukarelawan Rakyat Malaysia (RELA)	1
17	Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah	1
	Jumlah Aduan Agensi Penguatkuasaan Seliaan	184
AGENSI BUKAN SELIAAN		
1	Polis Diraja Malaysia (PDRM)	153
2	Agensi-Agensi Lain	89
	Jumlah Aduan Agensi Bukan Seliaan	242
	JUMLAH KESELURUHAN	426

Nota:

*Jumlah keseluruhan aduan yang didaftarkan mengikut agensi adalah sebanyak 426 aduan dan jumlah ini adalah berbeza dengan jumlah keseluruhan aduan yang diterima iaitu 408 aduan kerana satu aduan yang diterima boleh melibatkan lebih daripada satu agensi penguatkuasaan.

Jadual 2 memperincikan pecahan aduan yang diterima mengikut agensi sepanjang tahun 2024 dengan jumlah keseluruhan sebanyak 426 aduan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 184 aduan melibatkan salah laku pegawai penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC, manakala baki 242 aduan adalah terhadap pegawai atau agensi yang tidak berada di bawah seliaan EAIC.

Bagi aduan salah laku yang melibatkan agensi seliaan, EAIC menerima pelbagai bentuk aduan termasuk:

- | | |
|--|--|
| <p>i Kegagalan Pegawai Mengambil Tindakan Sewajarnya Terhadap Aduan Pengadu</p> | <p>ii Perlanggaran Peraturan-Peraturan Pegawai Awam</p> |
| <p>iii Kesalahan Jenayah</p> | <p>iv Kes Rasuah, Salah Guna Kuasa Atau Kedudukan/Jawatan</p> |
| <p>v Tindakan yang Tidak Mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) atau Undang-Undang Bertulis</p> | <p>vi Kelemahan dalam Pelaksanaan Tugas Penguatkuasaan</p> |
| <p>vii Kelemahan dalam Penyampaian Perkhidmatan</p> | <p>viii Isu-Isu Berkaitan Pentadbiran atau Dalam Agensi</p> |

Kepelbagaian aduan yang diterima ini mencerminkan cabaran integriti serta tadbir urus yang perlu ditangani secara menyeluruh bagi memastikan agensi penguatkuasaan kekal telus, berakauntabiliti dan berwibawa.

Proses Pengurusan Aduan

Setiap aduan yang diterima akan melalui proses penilaian awal bagi memastikan aduan tersebut mempunyai asas untuk dipertimbangkan. Setelah penilaian awal selesai, aduan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Aduan (JKA) yang bersidang pada setiap hari bekerja. Mesyuarat JKA akan meneliti, menimbang dan mengemukakan pengesyoran tindakan yang sewajarnya ke atas aduan seperti berikut:

i siasatan awal dijalankan ke atas aduan bagi mendapatkan maklumat lanjut dalam menentukan jenis salah laku yang diadukan dan sama ada EAIC patut meneruskan penyiasatan penuh ke atas aduan tersebut [seksyen 25 Akta 700]

ii aduan dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) agensi penguatkuasaan yang berkaitan [subseksyen 26(1) Akta 700]

iii aduan dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) [subseksyen 26(2) Akta 700]

iv aduan disiasat penuh [subseksyen 26(3) Akta 700]

v aduan tidak diteruskan penyiasatan [subseksyen 26(4) Akta 700]

Mesyuarat JKA boleh mengemukakan lebih daripada satu syor tindakan ke atas sesuatu aduan. Berdasarkan pengesyoran tersebut, Pegawai Siasatan EAIC akan menyediakan kertas pertimbangan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Suruhanjaya bagi pertimbangan dan keputusan Pesuruhjaya. Antara keputusan yang boleh dibuat oleh Mesyuarat Suruhanjaya adalah seperti berikut:

i aduan dirujuk kepada PBT agensi penguatkuasaan yang berkaitan [subseksyen 27(1) Akta 700]

iii aduan disiasat penuh [subseksyen 27(4) Akta 700]

ii aduan dirujuk kepada SPRM [subseksyen 27(2) Akta 700]

iv aduan tidak diteruskan penyiasatan [subseksyen 27(5) Akta 700]

Pengendalian Siasatan

Selaras dengan fungsi EAIC sebagaimana diperuntukkan di bawah perenggan 4(1)(a) Akta 700 untuk menerima dan menyiasat aduan, Pegawai Siasatan EAIC bertanggungjawab melaksanakan siasatan sekiranya Mesyuarat Suruhanjaya memutuskan bahawa aduan tersebut mempunyai asas, sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 27 Akta 700.

Pada tahun 2024, daripada keseluruhan 408 aduan salah laku yang diterima, sebanyak 175 aduan telah dibuka kertas siasatan, manakala 233 aduan tidak dibuka fail siasatan kerana melibatkan agensi yang tidak berada di bawah seliaan EAIC.

Jadual 2 juga menunjukkan pecahan kertas siasatan yang dibuka mengikut agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC sepanjang tahun 2024. Secara keseluruhan, sebanyak 184 kertas siasatan telah dibuka, dengan pecahan utama melibatkan Jabatan Imigresen Malaysia (58), Jabatan Pengangkutan Jalan (18), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (16), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (16) dan Jabatan Perikanan (12).

Sehingga 31 Disember 2024, EAIC telah berjaya menyelesaikan sebanyak 277 kertas siasatan, iaitu 167 kertas siasatan yang dibawa daripada tahun 2023 dan 110 kertas siasatan baharu bagi tahun 2024. Penyelesaian ini telah dicapai melalui Mesyuarat Suruhanjaya yang bersidang secara berkala pada setiap bulan.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 197 kertas siasatan (71.11%) telah diputuskan untuk tidak diteruskan penyiasatan. Keputusan ini dibuat setelah siasatan mendapati aduan yang dikemukakan adalah tidak berasas sepertimana diperuntukkan di bawah subseksyen 23(3) Akta 700, iaitu aduan tidak mempunyai butiran atau perincian mencukupi untuk dinilai; atau tidak wujud salah laku sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 26(4) Akta 700 seperti berikut:

- (i) aduan tidak termasuk dalam ruang lingkup salah laku yang dinyatakan dalam seksyen 24 Akta 700;
- (ii) aduan bersifat remeh atau tidak dibuat dengan suci hati;
- (iii) hal perkara yang diadukan itu kecil;
- (iv) salah laku yang diadukan itu telah berlaku terlalu lama dahulu untuk mewajarkan suatu penyiasatan dijalankan;
- (v) terdapat suatu cara tebus rugi alternatif dan memuaskan bagi pengadu; dan
- (vi) hal perkara yang diadukan telah diputuskan secara muktamad atau masih menjadi hal perkara dalam sesuatu prosiding di mahkamah.

Jadual 3: Keputusan Mesyuarat Suruhanjaya Bagi Kertas Siasatan Yang Dibuka Mengikut Pegawai / Agensi Yang Disiasat (PYDS / AYDS)

Bil.	Keputusan Mesyuarat Suruhanjaya	Jumlah
1	Buang Kerja	5
2	Turun Pangkat dan Surcaj	2
3	Tanggung Pergerakan Gaji	8
4	Amaran	12
5	Rujuk Ketua Jabatan	50
6	Rujuk SPRM	27
7	Syor Penambahbaikan	1
8	Penubuhan Pasukan Petugas EAIC (S.17)	4
9	Penubuhan Pasukan Siasatan EAIC (S.28)	1
10	Rujuk BDPS EAIC	2
11	Tidak Diteruskan Penyiasatan	215
Jumlah Keseluruhan		327

Jadual 3 memperincikan pecahan syor atau keputusan Mesyuarat Suruhanjaya pada tahun 2024 mengikut bilangan pegawai penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan yang disiasat. Sepanjang tahun 2024, sebanyak 327 syor telah diputuskan ke atas pegawai penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC. Daripada jumlah tersebut:

- (i) 27 pegawai penguat kuasa telah disyorkan untuk dikenakan hukuman tatatertib;
- (ii) 50 pegawai penguat kuasa disyorkan untuk dirujuk kepada Ketua Jabatan;
- (iii) 27 pegawai penguat kuasa disyorkan untuk dirujuk kepada SPRM;
- (iv) 1 syor penambahbaikan telah dikemukakan kepada agensi penguatkuasaan;
- (v) 4 pasukan petugas dan 1 pasukan siasatan EAIC telah ditubuhkan bagi menjalankan siasatan ke atas aduan yang mempunyai kepentingan signifikan kepada orang ramai;
- (vi) 2 syor telah dirujuk kepada BDPS EAIC untuk tindakan naziran; dan
- (vii) 215 syor melibatkan pegawai penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan seliaan EAIC diputuskan untuk tidak diteruskan penyiasatan.

Pecahan ini menunjukkan bahawa siasatan yang dijalankan oleh Pegawai Siasatan EAIC sentiasa dilakukan secara telus, berintegriti dan berlandaskan undang-undang, bagi memastikan setiap aduan yang diterima ditangani secara adil tanpa memihak kepada mana-mana pihak berkepentingan.

PASUKAN PETUGAS TUGAS

Pada tahun 2024, EAIC telah menubuhkan tiga Pasukan Petugas (PP) berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 17 Akta 700. Penubuhan PP ini bertujuan untuk menjalankan siasatan yang lebih komprehensif dan inklusif terhadap sesuatu aduan selepas siasatan awal dijalankan. PP mempunyai semua kuasa penyiasatan sebagaimana yang terkandung dalam Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] dan kuasa sedemikian hendaklah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta 700. PP yang telah ditubuhkan adalah seperti berikut:

- (i) PP Kes E-Waste Port Klang;
- (ii) PP Kes E-Waste Segamat; dan
- (iii) PP ke atas Jabatan Imigresen Malaysia Berkaitan Dengan Ketidakaturan Pengeluaran Pas Lawatan Sosial Kategori Visa Rawatan.

Pasukan Petugas Kes E-Waste Port Klang

PP Kes E-Waste Port Klang telah ditubuhkan bagi menyiasat status keberadaan kontena E-Waste yang dikawal selia oleh JAS. Pasukan ini telah menjalankan siasatan serta mendapatkan maklumat berkaitan kesahihan dakwaan dan kemungkinan ketidakaturan dalam pelepasan kontena E-Waste tersebut.

Siasatan PP Kes E-Waste Port Klang telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Siti Zainab Omar, Pesuruhjaya EAIC. Laporan PP Kes E-Waste Port Klang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Suruhanjaya Bil. 11/2024 bertarikh 9 Disember 2024 untuk pertimbangan dan kelulusan Pesuruhjaya. Hasil siasatan mendapati wujud cubaan oleh Pegawai JAS untuk melepaskan kontena-kontena E-Waste tanpa punca kuasa yang jelas serta tanpa justifikasi yang wajar. Sehubungan itu, EAIC telah mengemukakan syor tindakan tatatertib terhadap pegawai terlibat serta mencadangkan penambahbaikan ke atas Prosedur Tetap Operasi (PTO) dan Arahan Tetap Operasi Penguatkuasaan (ATOP) JAS kepada agensi berkaitan.

Pasukan Petugas Kes E-Waste Segamat

PP Kes E-Waste Segamat ditubuhkan bagi menyiasat kes pembuangan E-Waste di Segamat, Johor. Pasukan ini telah menjalankan siasatan untuk mengenal pasti tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh JAS sama ada mematuhi peruntukan undang-undang dan SOP yang ditetapkan, khususnya di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127].

PP Kes E-Waste Segamat ini dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Vernon Ong Lam Kiat, Pesuruhjaya EAIC. Laporan hasil siasatan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Suruhanjaya Bil. 6/2025 pada 12 Jun 2025 untuk pertimbangan dan kelulusan Pesuruhjaya. Hasil siasatan mendapati beberapa kelemahan, termasuk keberkesanan hukuman dalam mencegah kesalahan berulang, ketidakseragaman pelaksanaan garis panduan penguatkuasaan di peringkat negeri dan daerah, serta kelewatan dalam penguatkuasaan garis panduan kompaun yang telah dipinda. Sehubungan itu, EAIC telah mengesyorkan agar JAS melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap premis-premis yang melanggar undang-undang alam sekitar, dengan penekanan khusus terhadap kesalahan berulang bagi mengelakkan sebarang kelonggaran dalam penguatkuasaan.

Pasukan Petugas Ke Atas JIM Berkaitan Dengan Ketidakaturan Pengeluaran Pas Lawatan Sosial Kategori Visa Rawatan

EAIC telah menubuhkan PP ke atas JIM berkaitan dengan Ketidakaturan Pengeluaran Pas Lawatan Sosial Kategori Visa Rawatan bagi menentusahkan salah laku melibatkan Pegawai JIM dalam sindiket visa perubatan.

PP ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Seri Dr Razali Ab Malik, Pesuruhjaya EAIC. Laporan PP ke atas JIM berkaitan dengan ketidakaturan pengeluaran Pas Lawatan Sosial Kategori Visa Rawatan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Suruhanjaya Bil. 6/2025 pada 12 Jun 2025 untuk pertimbangan dan kelulusan Pesuruhjaya.

Hasil siasatan, dapatan serta pengesyoran yang dikemukakan melalui laporan PP ini telah dipanjangkan kepada AGC dan Pihak Berkuasa Tatatertib JIM untuk tindakan lanjut.

Pasukan Petugas Khas Kajian Terhadap Syor-Syor dan Langkah Pencegahan oleh EAIC Terhadap Kes Kematian Dalam Tahanan

Pasukan Petugas Khas (PPK) kajian terhadap syor-syor dan langkah pencegahan oleh EAIC telah bersidang buat kali pertama pada 8 Oktober 2024 bertempat di Hotel Sama-Sama, Sepang.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr Prasad Sandosham Abraham, Pesuruhajaya EAIC ini dihadiri oleh 19 orang pegawai kanan dari Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Kerja Raya (KKR), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), IPCC, AGC, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), JIM, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan PDRM.

Terma rujukan yang dipersetujui bagi kajian tersebut adalah untuk meneliti secara mendalam syor-syor dan langkah pencegahan dalam Laporan Jawatankuasa Kajian EAIC Terhadap Kes Kematian Dalam Tahanan dan Mengenal Pasti Langkah Pencegahan. Laporan ini telah dibentangkan kepada YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia di Mesyuarat JKKTN pada 7 Mei 2024.

PPK ini juga akan mengesyorkan cadangan penambahbaikan tatakelola lokap, depot dan pusat tahanan kepada Kerajaan dan entiti kawal selia yang berkaitan. Pelaksanaan PPK ini juga telah ditetapkan secara berperingkat selama enam bulan sehingga selesai melibatkan empat fasa tindakan iaitu tindakan lawatan ke lokap, depot dan pusat tahanan terpilih, pengemukaan maklum balas terperinci termasuk justifikasi terhadap pelaksanaan syor, penyediaan laporan dan pembentangan laporan kepada kerajaan.

Pada mesyuarat kali pertama ini turut diadakan sesi taklimat mengenai Jawatankuasa Kajian EAIC Terhadap Kes Kematian Dalam Tahanan dan Mengenal Pasti Langkah Pencegahan. Selain itu, taklimat berkenaan arahan Mesyuarat JKKTN Siri 3 Bil. 2 Tahun 2024 turut disampaikan kepada Ahli Pasukan Petugas Khas. Pada masa yang sama, penyerahan Surat Pelantikan Ahli Pasukan Petugas Khas telah dilakukan kepada ahli mesyuarat yang hadir.



8 Oktober 2024, Sepang – YBhg. Datuk Dr Prasad Sandosham Abraham, Timbalan Pengerusi EAIC (tengah) bersama Ahli-ahli PPK Kajian Bagi Pelaksanaan Syor Jawatankuasa Kajian EAIC Terhadap Kes Kematian Dalam Tahanan dan Mengenal Pasti Langkah Pencegahan



8 Oktober 2024, Sepang — Mesyuarat pertama PPK Kajian Bagi Pelaksanaan Syor Jawatankuasa Kajian EAIC Terhadap Kes Kematian Dalam Tahanan dan Menenal Pasti Langkah Pencegahan

JAWATANKUASA KAJIAN

Pada tahun 2024, EAIC telah menjalankan dua kajian ke atas akta-akta agensi penguatkuasaan seliaan EAIC iaitu:

- (i) Kajian Berkaitan APMM dan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dalam Melaksanakan Penguatkuasaan Akta Perikanan 1985 [Akta 317] di Perairan Negara; dan
- (ii) Kajian Berkaitan Pengawasan, Pemantauan dan Penguatkuasaan oleh JIM dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dalam Menangani Masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) Di Malaysia.

Kajian Berkaitan APMM dan DOF Dalam Melaksanakan Penguatkuasaan Akta Perikanan 1985 [Akta 317] di Perairan Negara

Mesyuarat Suruhanjaya Bil.3/2023 yang diadakan pada 12 April 2023, telah memutuskan agar diwujudkan Jawatankuasa Kajian Berkaitan APMM dan DOF Dalam Melaksanakan Penguatkuasaan Akta Perikanan 1985 [Akta 317] di perairan negara.

Jawatankuasa ini ditubuhkan dengan tujuan untuk meneliti isu-isu berkaitan pelaksanaan penguatkuasaan Akta 317 secara lebih mendalam. Selain itu, Jawatankuasa ini juga berperanan mengenal pasti permasalahan serta kekangan yang dihadapi oleh pihak APMM dan DOF dalam usaha melaksanakan penguatkuasaan di perairan negara. Kajian yang dijalankan oleh Jawatankuasa ini melibatkan kaedah analisis maklumat hasil daripada lawatan kerja, temu bual bersama pihak berkepentingan, serta analisis data berkaitan aduan, tangkapan, rondaan dan tindakan penguatkuasaan yang diperolehi daripada APMM dan DOF.

Jawatankuasa ini kemudiannya telah merumuskan beberapa cadangan serta pengesyoran bagi mengatasi permasalahan dan kekangan yang dihadapi oleh pihak APMM dan DOF dalam pelaksanaan penguatkuasaan Akta 317. Laporan hasil kajian tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat

Suruhanjaya Bil.1/2025 yang bersidang pada 7 Januari 2025. Seterusnya, laporan berkenaan telah diedarkan kepada Pejabat Perdana Menteri (PMO), Ketua Setiausaha Negara (KSN), Ketua Setiausaha (KSU) KDN, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Ketua Pengarah APMM, Ketua Pengarah DOF, Ketua Pengarah Keselamatan Negara, serta Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah (JKPK TIA).

Hasil daripada kajian yang dijalankan, Jawatankuasa ini mendapati isu ketirisan hasil laut negara ini merupakan satu isu yang sangat serius yang mana pihak Kerajaan seharusnya mengambil langkah yang lebih proaktif dalam menangani isu ini. Oleh itu, Jawatankuasa ini menyeru agar pengesyoran yang dikemukakan dalam laporan ini akan diberikan perhatian dan disusuli dengan tindakan yang sewajarnya daripada pihak kerajaan.

Sebelum memuktamadkan laporan, Jawatankuasa ini telah mengadakan beberapa sesi konsultasi dan lawatan kerja untuk mendapatkan gambaran dan penerangan lebih jelas berkenaan penguatkuasaan Akta 317.

a. Sesi Konsultasi Jawatankuasa Kajian EAIC Bersama Dengan Agensi Penguatkuasaan Seliaan dan Agensi Kerajaan Siri II

Jawatankuasa ini telah mengadakan sesi konsultasi bersama dengan agensi penguatkuasaan seliaan dan agensi kerajaan siri II pada 10 Januari 2024 bertempat di Bilik Persidangan, Aras 12 Bangunan Menara Usahawan, Putrajaya. Agensi penguatkuasaan seliaan dan agensi kerajaan yang telah menghadiri sesi konsultasi tersebut adalah APMM, DOF, Pasukan Polis Marin (PPM), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), KDN dan KPKM.

Sesi konsultasi telah dipengerusikan oleh YBrs. Encik Mohd Asnawi Abu Hanipah, Pengarah Bahagian Operasi EAIC manakala APMM diketuai oleh YBrs. Kapten (M) Muhd Nur Syam Asmawie Yaacob, Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Penguatkuasaan dan Penyelarasan Maritim dan DOF diketuai oleh Encik Anwar Salam Sulaiman, Ketua Cawangan Perlesenan. Turut hadir, wakil agensi kerajaan berkaitan yang masing-masing diketuai oleh YDH ACP Fauzilan Abdul Aziz (Timbalan Komander (Operasi/Risik), PPM), Encik Shuhardi Turaz Radzik Aznan (Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian

Sekuriti Makanan, KPKM), Puan Nurul Nadia Basri, (Penasihat Undang-Undang, KDN), Encik Mohd Dzulkarnain Hj Husain (Penolong Setiausaha, Unit Sempadan Maritim, Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam, KDN) dan Dr Mohd Izzuddin Nazaruiddin (Pegawai Khas I, Pengerusi LKIM).

Objektif utama sesi konsultasi tersebut adalah bagi membincangkan isu-isu yang diperoleh semasa sesi temu bual dan kajian lapangan yang telah dijalankan oleh Jawatankuasa Kajian serta cadangan penambahbaikan terhadap isu-isu yang dibangkitkan.



10 Januari 2024, Putrajaya – Ahli-ahli Jawatankuasa Kajian EAIC Bersama dengan Agensi Penguatkuasaan Seliaan dan Agensi Kerajaan


b. Lawatan Kerja Jawatankuasa Kajian EAIC ke Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia

Jawatankuasa ini telah mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Laut Malaysia (JLM) pada 23 Januari 2024 bertempat di Pelabuhan Klang, Selangor. Lawatan kerja Jawatankuasa ini diketuai oleh YBrs. Encik Mohd Asnawi Abu Hanipah, Pengarah Bahagian Operasi EAIC manakala JLM pula diketuai oleh YBrs. Encik Nordin Mohamadin, Timbalan Ketua Pengarah Laut (Perancangan). Turut hadir dalam sesi lawatan ini ialah ahli Jawatankuasa Kajian dan pegawai-pegawai daripada JLM.

Lawatan kerja ini diadakan bertujuan mendapatkan penerangan berkenaan dengan pengendalian *Automatic Identification System* (AIS) yang dipasang pada kapal di perairan Malaysia seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 19, Bab V, *Convention for the Safety of Life at Sea* (SOLAS) 1974.



23 Januari 2024, Pelabuhan Klang – Jawatankuasa Kajian EAIC diberikan taklimat oleh Encik Burhanudin Abdullah, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Trafik & Bantuan Pelayaran (BPTBP) (dari kiri sekali) berkenaan perkongsian data AIS milik JLM kepada APMM dan DOF dalam membantu menguatkuasakan Akta 317



23 Januari 2024, Pelabuhan Klang - Jawatankuasa Kajian EAIC melawat Pusat Kawalan Vessel Traffic Services (VTS) milik JLM yang berfungsi memantau semua pergerakan kapal di perairan Malaysia

Kajian Berkaitan Pengawalan, Pemantauan dan Penguatkuasaan oleh JIM dan JTKSM dalam Menangani Masalah Pendatang Asing Tanpa Izin di Malaysia

Jawatankuasa Kajian Berkaitan Pengawalan, Pemantauan dan Penguatkuasaan oleh JIM dan JTKSM dalam Menangani Masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Malaysia telah ditubuhkan melalui Mesyuarat Suruhanjaya Bil. 2/2024 yang telah diadakan pada 5 Mac 2024.

Jawatankuasa ini ditubuhkan dengan tujuan untuk:

- (i) Mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada permasalahan atau kekangan JIM dan JTKSM dalam melaksanakan penguatkuasaan Akta 155, Peraturan-Peraturan Imigresen 1963, dan Akta 265 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor;
- (ii) Mengenal pasti langkah pencegahan yang berkesan bagi menangani permasalahan atau kekangan tersebut; dan
- (iii) Mencadangkan penambahbaikan daripada aspek infrastruktur, aset, kemudahan, undang-undang dan dasar.

Kajian ini dijalankan melalui kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif melibatkan analisis maklumat yang diperolehi daripada temu ramah, manakala kaedah kuantitatif digunakan untuk menilai statistik dan data berkaitan. Analisis merangkumi kuota pekerja asing di bawah Akta 265 oleh JTKSM serta maklumat aduan, risikan, operasi, tangkapan, pengusiran dan penghantaran pulang PATI di bawah Akta 155 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 oleh JIM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

Sepanjang tahun 2024, Jawatankuasa ini telah turun ke lapangan bagi melawat premis, menyertai operasi-operasi berkaitan PATI yang dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan. Jawatankuasa ini kini dalam peringkat mengadakan sesi konsultasi bersama beberapa Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan juga agensi-agensi kerajaan yang terlibat bagi mendapatkan input secara menyeluruh sebelum dapat memuktamadkan hasil kajian.

a. Perbincangan Ahli Jawatankuasa Kajian EAIC Bersama JTKSM, Putrajaya

Pada 21 Februari 2024, Jawatankuasa ini telah mengadakan perbincangan bersama dengan pihak Ibu Pejabat JTKSM, Putrajaya. Perbincangan Jawatankuasa Kajian EAIC ini telah diketuai oleh YBrs. Encik Mohd Asnawi Abu Hanipah, Pengarah Bahagian Operasi manakala JTKSM pula diketuai oleh YBrs. Encik Kamal Pardi, Ketua Pengarah JTKSM. Turut hadir dalam sesi perbincangan ini adalah ahli Jawatankuasa Kajian dan pegawai-pegawai daripada JTKSM.

Perbincangan tersebut bertujuan mendapatkan penerangan berkenaan prosedur permohonan dan kelulusan kuota pekerja asing serta isu dan kekangan yang dihadapi oleh pihak JTKSM dalam menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta Kerja 1955 [Akta 265].

EAIC telah diberikan taklimat oleh Puan Nur Afeza Jaafar, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pekerja Asing, JTKSM berkenaan dengan permohonan pengajian pekerja asing di bawah seksyen 60K Akta 265 dan Puan Norsazilah Abdullah, Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, Kementerian Sumber Manusia berkenaan dengan pengurusan kuota pengajian pekerja asing.



21 Februari 2024, Putrajaya – Jawatankuasa Kajian EAIC bersama YBrs. Encik Kamal Pardi, Ketua Pengarah dan pegawai JTKSM

b. Perbincangan Ahli Jawatankuasa Kajian EAIC Bersama JIM, Wilayah Persekutuan Putrajaya

Pada 7 Mac 2024, Jawatankuasa ini telah mengadakan perbincangan bersama pihak JIM, Putrajaya. Perbincangan Jawatankuasa Kajian EAIC ini telah diketuai oleh Encik Mohd Faizuly Abd Aziz, Timbalan Pengarah I Bahagian Operasi manakala JIM pula diketuai oleh Encik Nor Hisham Ibrahim, Pengarah Bahagian Pekerja Asing. Turut hadir dalam sesi perbincangan ini adalah ahli Jawatankuasa Kajian dan pegawai-pegawai kanan daripada JIM Putrajaya.

Encik Mohd Jasmi Mohd Jawahir, Pengarah Bahagian Penguatkuasaan JIM Putrajaya dan Encik Ungku Joha Ungku Mohamad, Pengarah Bahagian Khidmat Ekspatriat telah memberikan taklimat berkenaan dengan fungsi dan peranan bahagian masing-masing dalam menjalankan tindakan kawalan, penguatkuasaan dan pemantauan PATI di Malaysia.



7 Mac 2024, Putrajaya – Jawatankuasa Kajian EAIC bersama pegawai-pegawai kanan JIM Putrajaya

c. Lawatan Ahli Jawatankuasa Kajian EAIC ke Depot Imigresen

Ahli Jawatankuasa Kajian telah mengadakan beberapa siri lawatan ke Depot Imigresen di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Objektif lawatan ini adalah untuk mendapatkan penerangan mengenai pengurusan depot serta menilai infrastruktur, aset dan dokumen berkaitan.

Semasa lawatan, ahli jawatankuasa turut menerima taklimat daripada Komandan Depot berhubung pengurusan dan pengendalian tahanan serta kekangan yang dihadapi dalam menguruskan PATI. Selain itu, ahli jawatankuasa juga diberi peluang menyaksikan proses dokumentasi serta menyertai pelaksanaan pengusiran PATI di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan di Jeti Penumpang Port Dickson, Negeri Sembilan.

Berikut merupakan depot-depot Imigresen yang telah dilawati oleh Ahli Jawatankuasa Kajian:

i Depot Imigresen Sementara Millennium Beranang, Selangor

iv Depot Imigresen Bukit Jalil, Kuala Lumpur

ii Depot Imigresen Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Selangor

v Baitul Mahabbah Nilai, Pusat Tahanan Sementara Kanak-Kanak JIM, Negeri Sembilan

iii Depot Imigresen Semenyih, Selangor



6 Jun 2024, Sepang – Jawatankuasa Kajian EAIC menyertai pelaksanaan pengusiran PATI di KLIA



12 Jun 2024, Sepang – Jawatankuasa Kajian EAIC meninjau proses dokumentasi semasa lawatan ke Depot Imigresen KLIA



29 Jun 2024, Semenyih – Jawatankuasa Kajian EAIC diberikan taklimat oleh Komandan Depot Imigresen Semenyih mengenai pengurusan dan pengendalian depot



30 Jun 2024, Port Dickson – Jawatankuasa Kajian EAIC bersama pegawai JIM di Jeti Penumpang Port Dickson selepas tinjauan pelaksanaan proses pengusiran PATI melalui jalan laut



15 Ogos 2024, Bukit Jalil – Jawatankuasa Kajian EAIC diberi penerangan oleh pihak Depot Imigresen Bukit Jalil mengenai pelaksanaan proses pengusiran

d. **Penyertaan Ahli Jawatankuasa Kajian EAIC dalam Operasi Bersepadu Bersama JIM**

Pada 24 Jun 2024, Jawatankuasa ini telah menyertai operasi bersepadu sebagai pemerhati bersama JIM Putrajaya di sebuah kilang logistik di Rawang, Selangor. Operasi ini diketuai oleh YBr. Encik Mazwan Mazlan, Timbalan Penolong Pengarah Imigresen (TPPI) Bahagian Penguatkuasaan JIM Putrajaya, manakala pasukan Jawatankuasa Kajian EAIC diketuai oleh YBr. Encik Muhamad Firdaus Musa, Timbalan Pengarah II Bahagian Operasi.

Penyertaan ini bertujuan untuk memahami dengan lebih jelas tindakan penguatkuasaan oleh pihak JIM, khususnya melibatkan proses pemeriksaan, tangkapan, pengendalian PATI, serta mengenal pasti kekangan yang dihadapi anggota JIM semasa melaksanakan operasi di lapangan.



24 Jun 2024, Putrajaya – Jawatankuasa Kajian EAIC semasa operasi bersepadu sebagai pemerhati bersama JIM Putrajaya

e. **Perbincangan Ahli Jawatankuasa Kajian EAIC Bersama JIM, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

Pada 28 Ogos 2024, Jawatankuasa ini telah mengadakan perbincangan bersama JIM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL). Sesi ini dipengerusikan oleh YBr. Encik Muhamad Firdaus Musa, Timbalan Pengarah II Bahagian Operasi, manakala pihak JIM WPKL diketuai oleh YBr. Tuan Wan Mohammed Saupee Wan Yusoff, Pengarah Imigresen WPKL.

Perbincangan tersebut bertujuan mendapatkan penerangan berhubung isu serta kekangan penguatkuasaan di bawah Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155]. Selain itu, ahli Jawatankuasa Kajian turut dibawa meninjau lokap dan fasiliti yang terdapat di Pejabat JIM WPKL.



28 Ogos 2024, Kuala Lumpur – Jawatankuasa Kajian EAIC bersama YBr. Tuan Wan Mohammed Saupee Wan Yusoff, Pengarah Imigresen serta pegawai-pegawai JIM WPKL

f. Perbincangan Ahli Jawatankuasa Kajian EAIC ke JIM Negeri Selangor

Jawatankuasa ini telah mengadakan perbincangan bersama pihak JIM Selangor pada 23 September 2024. Perbincangan Jawatankuasa ini telah diketuai oleh YBr. Encik Mohd Asnawi Abu Hanipah, Pengarah Bahagian Operasi manakala pihak JIM Selangor pula diketuai oleh YBr. Encik Redman Safar, Timbalan Pengarah (Pengurusan) JIM Selangor. Turut hadir dalam sesi perbincangan ini adalah ahli Jawatankuasa Kajian EAIC dan pegawai-pegawai daripada JIM Selangor.

Perbincangan tersebut diadakan bertujuan untuk mendapatkan penerangan berkaitan dengan isu dan kekangan yang dihadapi oleh pihak JIM Selangor dalam menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155].



23 September 2024, Selangor – Ahli Jawatankuasa Kajian EAIC semasa perbincangan bersama dengan pihak JIM Selangor

g. Penyertaan Ahli Jawatankuasa Kajian EAIC dalam Operasi Bersama JIM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Pada 27 dan 28 September 2024, Jawatankuasa ini telah menyertai Op Kutip dan Op Gegar yang dijalankan oleh JIM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti berikut:

- (i) Op Kutip dilaksanakan di sekitar Jalan Alor dan Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur bagi membanteras PATI yang menjalankan aktiviti menjaja; dan
- (ii) Op Gegar pula dijalankan di sebuah kelab malam di Jalan Loke Yew, Kuala Lumpur untuk membanteras PATI yang menyalahgunakan permit bagi terlibat dalam kegiatan tidak bermoral.

Kedua-dua operasi ini diketuai oleh YBr. Encik Wan Mohammed Saupee Wan Yusoff, Pengarah Imigresen WPKL. Pasukan Jawatankuasa Kajian EAIC yang hadir pula diketuai oleh Encik Muhamad Muzakir Mohd Nor, Pegawai Undang-Undang Bahagian Operasi.

Penyertaan Jawatankuasa ini bertujuan memahami proses penguatkuasaan serta cabaran yang dihadapi oleh JIM. Ahli jawatankuasa turut diberi peluang meninjau proses verifikasi, dokumentasi dan penahanan PATI di Pejabat JIM WPKL.



27 dan 28 Oktober 2024, Kuala Lumpur – Encik Muhamad Muzakir Mohd Nor (dari kanan), Ahli Jawatankuasa Kajian EAIC bersama YBr. Encik Wan Mohammed Saupee Wan Yusoff, Pengarah Imigresen WPKL semasa sidang media Op Gegar di kelab malam sekitar Jalan Loke Yew, Kuala Lumpur

h. Penyertaan Ahli Jawatankuasa Kajian EAIC dalam Operasi Bersama JIM Negeri Selangor

Pada 5 Oktober 2024, Jawatankuasa ini telah menyertai Operasi Pemeriksaan Secara Bersepadu dengan kerjasama agensi penguat kuasa kerajaan yang lain dan melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) - JPGN Bil. 1/2024 MKN sebagai pemerhati yang dijalankan oleh JIM Negeri Selangor.

Operasi bersepadu ini telah diketuai oleh YBrs. Encik Khairrul Aminus Kamaruddin, Pengarah Imigresen Negeri Selangor dan pasukan Jawatankuasa Kajian EAIC diketuai oleh Cik Norhazirah Mustaffa Kamal, Pegawai Undang-Undang Bahagian Operasi EAIC.

Objektif penyertaan pasukan Jawatankuasa ini adalah untuk memahami dengan lebih jelas penguatkuasaan oleh JIM, termasuk proses pemeriksaan, tangkapan, pengendalian PATI serta kekangan yang dihadapi anggota semasa operasi di lapangan.



5 Oktober 2024, Selangor – Ahli Jawatankuasa Kajian EAIC hadir sebagai pemerhati di Operasi Pemeriksaan Secara Bersepadu oleh JIM Selangor dengan kerjasama agensi penguatkuasaan kerajaan lain dan pihak berkuasa tempatan



5 Oktober 2024, Selangor – Ahli Jawatankuasa Kajian EAIC bersama Pasukan Operasi JIM semasa proses pemeriksaan, tangkapan dan pengendalian PATI

i. Lawatan Kerja Ahli Jawatankuasa Kajian EAIC ke JTKSM Negeri Selangor

Jawatankuasa ini telah mengadakan perbincangan bersama pihak JTKSM, Negeri Selangor pada 23 Oktober 2024. Perbincangan Jawatankuasa Kajian ini diketuai oleh YBrs. Encik Muhamad Firdaus Musa, Timbalan Pengarah II Bahagian Operasi manakala JTKSM Negeri Selangor pula diketuai oleh YBrs. Encik Zaini Yaacob, Pengarah JTKSM Negeri Selangor. Turut hadir sama dalam sesi perbincangan ini adalah ahli Jawatankuasa Kajian EAIC dan pegawai-pegawai daripada JTKSM Negeri Selangor.

Perbincangan tersebut diadakan bertujuan untuk mendapatkan penerangan berkaitan dengan isu dan kekangan yang dihadapi oleh pihak JTKSM Negeri Selangor dalam menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta Kerja 1955 [Akta 265].



23 Oktober 2024, Selangor – Jawatankuasa Kajian EAIC bersama pegawai-pegawai JTKSM, Cawangan Pelabuhan Klang

j. Penyertaan Ahli Jawatankuasa Kajian EAIC dalam Operasi Bersama JTKSM Negeri Selangor

Pada 29 Oktober 2024, Jawatankuasa ini telah menyertai operasi di sebuah kilang bertempat di Shah Alam, Selangor yang diketuai oleh pihak JTKSM Negeri Selangor. Operasi ini diadakan berdasarkan aduan yang diterima oleh pihak JTKSM ke atas sebuah premis kilang yang menggajikan pekerja asing secara tidak teratur dengan tidak mematuhi Akta 265 dan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446].

Objektif Jawatankuasa ini menyertai operasi ini adalah untuk mendapatkan gambaran sebenar berkenaan dengan proses operasi serta kekangan yang dihadapi oleh JTKSM semasa menjalankan operasi penguatkuasaan berkaitan kesalahan-kesalahan majikan yang menggajikan pekerja warga asing di Selangor. Ahli Jawatankuasa Kajian EAIC juga turut diberi peluang untuk melihat sendiri tindakan-tindakan yang dijalankan oleh JTKSM semasa operasi di kilang serta keadaan kediaman pekerja asing yang disediakan oleh majikan.



29 Oktober 2024, Selangor – Jawatankuasa Kajian EAIC bersama pegawai-pegawai JTKSM Cawangan Shah Alam

k. **Penyertaan Ahli Jawatankuasa Kajian EAIC dalam Operasi Bersama JTKSM**

Pada 14 November 2024, Jawatankuasa ini telah menyertai operasi penguatkuasaan Akta 265 yang dijalankan oleh JTKSM bertempat di Teluk Panglima Garang, Selangor sebagai pemerhati.

Operasi penguatkuasaan Akta 265 ini telah diketuai oleh YBrs. Encik Zaini Yaacob, Pengarah JTKSM Negeri Selangor manakala pasukan Jawatankuasa Kajian EAIC pula diketuai oleh Puan Farah Izzati Suhaini, Pegawai Undang-Undang, Bahagian Operasi. Operasi ini turut disertai oleh pihak PDRM dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Objektif Jawatankuasa Kajian EAIC menyertai operasi ini adalah untuk memahami dengan lebih jelas penguatkuasaan oleh JTKSM di bawah Akta 265 serta mengenal pasti kekangan yang dihadapi pegawai di lapangan semasa melaksanakan operasi.



14 November 2024, Teluk Panglima Garang - Jawatankuasa Kajian EAIC bersama pasukan operasi JTKSM Cawangan Teluk Panglima Garang

l. **Perbincangan Ahli Jawatankuasa Kajian EAIC Bersama JTKSM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

Pada 28 November 2024, Jawatankuasa Kajian EAIC telah mengadakan perbincangan bersama pihak JTKSM, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Perbincangan Jawatankuasa Kajian ini diketuai oleh YBrs. Encik Muhamad Firdaus Musa, Timbalan Pengarah II Bahagian Operasi manakala JTKSM Kuala Lumpur pula diketuai oleh YBrs. Encik Ahmad Mudi Onn Nor, Pengarah JTKSM Kuala Lumpur. Turut hadir dalam perbincangan ini adalah Ahli Jawatankuasa Kajian EAIC dan pegawai-pegawai daripada JTKSM Kuala Lumpur.

Perbincangan tersebut bertujuan untuk mendapatkan penerangan berkaitan dengan isu dan kekangan yang dihadapi oleh pihak JTKSM Kuala Lumpur dalam menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta 265.



28 November 2024, Kuala Lumpur – Jawatankuasa Kajian EAIC ketika menghadiri perbincangan dan taklimat yang diketuai oleh YBrs. Encik Ahmad Mudi Onn Nor, Pengarah JTKSM Kuala Lumpur

SESI LIBAT URUS

Pada tahun 2024, beberapa Sesi Libat Urus (SLU) telah diadakan bersama dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) yang melibatkan lawatan ke terminal kargo udara dan pelabuhan di seluruh negara (selepas ini dirujuk sebagai “SLU Kargo”). Pendekatan ini dilaksanakan selaras dengan peruntukan di bawah perenggan 4(1)(h), Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700], yang memperuntukkan kuasa kepada EAIC untuk menjalankan lawatan ke premis agensi penguatkuasaan serta mencadangkan penambahbaikan berdasarkan pemerhatian yang dibuat.

Objektif utama pelaksanaan SLU Kargo adalah untuk mengukuhkan hubungan kerjasama strategik antara EAIC dan agensi penguatkuasaan seliaan melalui platform libat urus yang membincangkan pelbagai isu berkaitan integriti, tadbir urus dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan. Inisiatif ini turut berperanan sebagai medan komunikasi terbuka bagi mengenal pasti cabaran operasi harian di peringkat lapangan, selain membantu dalam mengenal pasti faktor persekitaran kerja

yang boleh membuka ruang kepada berlakunya salah laku dan isu integriti.

Pelaksanaan SLU Kargo sepanjang tahun 2024 telah merangkumi pelbagai lokasi strategik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Delegasi EAIC yang hadir ke lokasi-lokasi tersebut diketuai sama ada oleh Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengarah Bahagian Operasi EAIC dan turut disertai oleh pegawai kanan dari JKDM, AKPS serta agensi berkaitan.

Jadual 4: Perincian Lokasi SLU Kargo Tahun 2024

Bil	Lokasi	Tarikh	Ketua Delegasi EAIC	Agensi Terlibat
1	Pelabuhan Tanjung Bruas, Melaka	24 April	Encik Mohd Asnawi Abu Hanipah	JKDM
2	North Butterworth Container Terminal (NBCT) & Wisma Pentadbiran, Penang Port (BWCT), Pulau Pinang	28 Mei	Encik Mohd Asnawi Abu Hanipah	JKDM, AKPS
3	Kompleks Kargo Udara Kedua (KKUK) Batu Maung, Pulau Pinang	29 Mei	Encik Mohd Asnawi Abu Hanipah	JKDM, AKPS
4	Pelabuhan Sepanggar & Lapangan Terbang Antarabangsa (LTA) Kota Kinabalu	25-26 Jun	Encik Mohd Asnawi Abu Hanipah	JKDM, AKPS
5	Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor	20 Ogos	Puan Asliza Ali	JKDM
6	Pelabuhan Johor, Pasir Gudang	21 Ogos	Puan Asliza Ali	JKDM, AKPS
7	Senai Kargo Terminal	22 Ogos	Puan Asliza Ali	JKDM, AKPS
8	Kompleks Kastam Kargo, Sepang	25 September	Puan Asliza Ali	JKDM, AKPS, SPRM
9	Port Klang Free Zone & Westport	8 Oktober	Puan Asliza Ali	JKDM, AKPS
10	Pelabuhan Senari, Sarawak	6 November	Encik Mohd Asnawi Abu Hanipah	JKDM, AKPS
11	MASKargo, Kuching	7 November	Encik Mohd Asnawi Abu Hanipah	JKDM, AKPS

Jadual 4 memperincikan lokasi dan tarikh pelaksanaan SLU Kargo sepanjang tahun 2024. Sepanjang sesi tersebut, pelbagai isu dan permasalahan telah dibangkitkan oleh pihak berkepentingan. Antara isu yang paling ketara ialah kekangan infrastruktur, khususnya ruang pelabuhan yang terhad yang menyukarkan pemasangan mesin pengimbas kargo di Pelabuhan Tanjung Bruas.

Selain itu, turut dikenal pasti ialah keperluan mendesak untuk menggantikan aset lama seperti komputer dan perabot pejabat yang telah menjejaskan kelancaran operasi perkastaman di Pelabuhan Tanjung Pelepas.

Beberapa lokasi seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Senai dan Pelabuhan Pasir Gudang turut melaporkan isu kekurangan perjawatan yang kritikal, khususnya bagi unit-unit seperti Unit Pemeriksaan Penumpang dan Unit Zon Bebas. Keadaan ini bukan sahaja memberi tekanan kepada pegawai penguat kuasa, malah berpotensi menjejaskan kelancaran operasi harian serta menimbulkan risiko terhadap integriti pelaksanaan tugas.

Dari segi keselamatan, beberapa pegawai menyuarakan kebimbangan terhadap ancaman yang dihadapi semasa menjalankan operasi tangkapan sindiket penyeludupan. Selain itu, mereka turut berhadapan dengan cabaran berurusan dengan segelintir orang awam yang tidak memahami bidang kuasa dan tanggungjawab JKDM.

Jadual penerbangan yang tidak menentu pula telah menyukarkan proses pemeriksaan di lapangan terbang, dan dalam masa yang sama, pegawai menghadapi halangan komunikasi dengan pelancong asing dari negara seperti China, Vietnam dan Thailand yang tidak bertutur dalam bahasa Melayu, Inggeris atau Mandarin.

Dari sudut tadbir urus dan sumber manusia, antara isu signifikan yang dikenal pasti ialah ketiadaan semakan waran perjawatan sejak tahun 1997, yang secara langsung menyumbang kepada ketidakseimbangan skop tugas dan kapasiti sumber manusia sedia ada. Dalam hal ini, keperluan terhadap pegawai yang memiliki kepakaran khusus atau *Subject Matter Expert* (SME) dalam

pengendalian peralatan pengimbas kargo telah dikenal pasti sebagai langkah strategik yang bukan sahaja dapat memperkukuh kompetensi dalaman, malah menyokong pelaksanaan *job rotation* secara berkala sebagai langkah pencegahan terhadap salah laku.

Perbincangan turut menumpukan kepada pemerkasaan teknologi penguatkuasaan, khususnya dalam aspek pemantauan kandungan kontena dan muatan dagangan. Kerjasama strategik JKDM bersama agensi *Custom and Border Protection of the United States* (CBP) menerusi inisiatif *Container Security Initiative* (CSI) telah dibincangkan sebagai salah satu pendekatan proaktif dalam menangani isu ketirisan dan penyeludupan. Dalam masa yang sama, keperluan memperluas penggunaan mesin pengimbas berteknologi tinggi telah dikenal pasti sebagai keutamaan bagi mengesan barangan larangan dan memastikan pematuhan peraturan kastam.

Antara isu lain yang dibangkitkan termasuk pemalsuan dokumen kastam, manipulasi pengikraran barang dagangan bagi tujuan pengelakan cukai, serta keperluan memperkemaskan dan memperketat prosedur pelepasan kargo tanpa menjejaskan kelancaran urusan perdagangan rentas sempadan.

SLU Kargo juga turut menekankan keperluan memperkukuh kemudahan digital serta mempercepat pelaksanaan transaksi tanpa kertas (*paperless*) dalam urusan kastam. Pelaksanaan penuh Sistem Dokumen Sokongan Import Eksport (SDSIE) yang dijadualkan bermula di Sarawak pada Januari 2025 dilihat sebagai satu langkah penting dalam mempercepat proses kelulusan dan pelepasan dagangan di pintu masuk dan keluar negara.

Secara keseluruhannya, SLU Kargo tahun 2024 telah membuka ruang yang signifikan kepada EAIC untuk memahami secara menyeluruh persekitaran kerja dan cabaran operasi yang dihadapi oleh agensi penguatkuasaan di lapangan. Berdasarkan dapatan dan maklum balas yang diperoleh, beberapa syor telah dikemukakan bagi tujuan pemantapan sistem integriti, peningkatan kecekapan operasi penguatkuasaan serta penambahbaikan dari aspek tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih telus dan berakauntabiliti.

PENILAIAN DAN PENJENAMAAN SEMULA EAIC

Program Lonjakan Aspirasi dan Penjenamaan Semula (LAPS) EAIC telah berlangsung dari 21 hingga 24 Julai 2024 di Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan. Program ini yang dihadiri oleh barisan Pesuruhjaya bersama pihak Pengurusan EAIC dan pegawai kanan bertujuan melaksanakan penilaian menyeluruh terhadap aspirasi dan pencapaian prestasi EAIC. Selain itu, program ini juga berperanan mengenal pasti langkah strategik bagi memperkukuh potensi EAIC sepenuhnya sebagai sebuah badan pengawasan integriti agensi penguatkuasaan selaras dengan hasrat Kerajaan.

Setelah mencapai 13 tahun penubuhannya, EAIC melihat bahawa fungsi dan peranannya tidak mencapai potensi penuh menerusi dua faktor iaitu pertama, agensi penguatkuasaan seliaan tidak mengguna pakai atau memberikan hukuman yang lebih rendah berbanding pengesyoran hukuman terhadap siasatan dan aduan yang dibuat oleh EAIC. Kedua, EAIC kurang dikenali bukan sahaja dalam kalangan orang ramai, malah penguat kuasa, penjawat awam dan pemegang taruh.

Oleh yang demikian, menerusi Program LAPS ini, penilaian semula terhadap visi, misi, moto, logo dan hala tuju EAIC akan dilaksanakan untuk meningkatkan lagi aspirasi dan menjenamakan semula EAIC.

Objektif yang ingin dicapai menerusi Program LAPS adalah seperti berikut:

- (a) mengenal pasti cabaran dan langkah yang boleh diambil untuk memastikan pengesyoran hukuman EAIC diguna pakai oleh pemegang taruh; dan
- (b) mengenal pasti peranan EAIC yang kurang dikenali dan membangunkan strategi untuk penjenamaan semula.

Bagi membantu penyempurnaan program ini, EAIC telah dibantu oleh Encik Mohd Fauzi Mohd Said, Timbalan Setiausaha Bahagian 2, Bahagian Teknologi Strategik dan Aplikasi S&T, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Jemputan beliau sebagai penceramah adalah untuk mendapatkan pengalaman dan khidmat kepakaran beliau yang pernah mengendalikan program seumpama ini bagi Kementerian/Agensi/Badan Berkanun sewaktu berkhidmat di Razak School of Government (RSOG) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Hasil perbincangan dalam program LAPS ini telah dibawa ke Mesyuarat Suruhanjaya Bilangan 7/2024 bertarikh 12 Ogos 2024 dan dirumuskan kepada empat kategori seperti berikut:

- (a) Rumusan Perbincangan Program Lonjakan Aspirasi dan Penjenamaan Semula EAIC;
- (b) Cadangan Pelan Tindakan Memperkukuh Menjenamakan EAIC dan Penyelarasan Fungsi di bawah Seksyen 4 Akta 700;
- (c) Analisis P.E.S.T.L.E (*Political, Economic, Social, Technology, Legal, Environmental*); dan
- (d) Analisis S.W.O.T (*Strengths, Weaknesses, Opportunities, Threats*).

Pesuruhjaya bersetuju agar pemurnian hasil perbincangan Program LAPS akan diselaraskan ke Pelan Strategik EAIC 2023 hingga 2027 menerusi Bengkel Kajian Separuh Penggal Pelan Strategik EAIC 2023 hingga 2027 yang akan diadakan pada awal tahun 2025.



21 hingga 24 Julai 2024, Kota Bharu – Pesuruhjaya, pengurusan dan pegawai-pegawai kanan EAIC semasa sesi perbincangan Program LAPS

PEMANTAPAN PERUNDANGAN DAN DASAR EFEKTIF

PENGAUDITAN DAN PEMANTAUAN PROSEDUR OPERASI STANDARD

Selaras dengan fungsi utama yang diperuntukkan di bawah perenggan 4(1)(c)(d) dan (g) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700], EAIC melalui Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS) telah menjalankan lima pengauditan dan pemantauan Prosedur Operasi Standard (SOP) ke atas empat agensi penguatkuasaan di bawah seliaannya.

Objektif utama pengauditan dan pemantauan SOP ini adalah untuk meneliti kelemahan berkaitan Proses Kerja/SOP agensi-agensi penguatkuasaan seliaan EAIC dengan lebih mendalam agar syor penambahbaikan yang sewajarnya boleh dicadangkan untuk ditambah baik dalam SOP tersebut.

Berikut merupakan hasil pengauditan dan pemantauan SOP agensi-agensi seliaan EAIC yang dijalankan sepanjang tahun 2024:

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

Pada 20 Mac 2024, EAIC telah menjalankan pengauditan dan pemantauan SOP terhadap Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), khususnya berkaitan dengan Perintah Tetap Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Bab B 105 (PTKP APMM Bab B 105) – Perintah Belayar dan Laporan Pergerakan (*Sailing Orders and Movement Reports*) dan Perintah Tetap Ketua Pengarah APMM Bab B 504 (PTKP APMM Bab 504) – Mengeledah. Pengauditan SOP tersebut adalah kesinambungan daripada hasil siasatan penuh oleh Bahagian Operasi (BO) dan dirujuk kepada BDPS untuk tindakan pengauditan SOP.

Berdasarkan pengauditan terhadap SOP APMM tersebut, EAIC telah mengesyorkan penambahbaikan terhadap Lampiran 1 PTKP APMM Bab B 105 iaitu memperincikan perbezaan antara Laporan Situasi (LS) dan Laporan Kedudukan, Haluan dan Laju (KHL) yang dikeluarkan oleh pihak APMM bagi melaporkan keadaan vesel APMM dan memudahkan pengesanan kedudukan vesel APMM. Selain itu, turut disyorkan agar PTKP APMM Bab B 504 dikemas kini agar Vesel APMM hendaklah melaporkan pengeledahan dengan kadar segera menggunakan apa jua sistem dan alat komunikasi yang disediakan seperti *Vessel*

Management System (VMS), faksimili, *e-mail* dan *voice*.

Laporan Dapatan Pengauditan SOP APMM telah dibentangkan dalam Mesyuarat Suruhanjaya Bil. 4/2024 pada 14 Mei 2024. Barisan Pesuruhjaya meluluskan syor penambahbaikan yang dikemukakan, dan laporan tersebut diserahkan kepada Ketua Pengarah Jabatan APMM pada 21 Mei 2024 bagi tindakan selanjutnya.

EAIC telah menerima Laporan Maklum Balas terhadap Laporan Dapatan Pengauditan SOP APMM pada 26 November 2024 yang memaklumkan status penambahbaikan dan tindakan yang telah diambil oleh pihak APMM. Antara penambahbaikan telah diambil oleh pihak Jabatan APMM termasuklah melaksanakan Dasar Pembangunan Standard Kemahiran dan Kerjaya Pegawai Penguat Kuasa APMM (DPKM) yang merupakan rujukan kepada warga APMM dalam pelaksanaan pembangunan kerjaya dan potensi Pegawai Penguat Kuasa berkonsepkan kompetensi dan penilaian (*competency and assessment based*).

Selain itu, mengambil kira syor EAIC, urusan penambahbaikan dan pemurnian PTKP APMM

juga sedang giat dilaksanakan. Sebuah *Task Force* (terdiri daripada Pegawai Kanan setiap Bahagian) telah ditubuhkan pada 9 Oktober 2024 untuk meneliti termasuk semua Arahan Tetap Ketua Pengarah (AKP), Panduan, Doktrin, Prosedur Tetap dan Prosedur Kerja. *Task Force* ini berdasarkan carta perbatuan diberi tempoh masa hingga Jun 2025 untuk melaksanakan urusan penambahbaikan dan pemurnian.

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia

EAIC turut menjalankan pengauditan dan pemantauan terhadap SOP agensi seliaan melalui pendekatan yang lebih proaktif dan atas dasar inisiatif Suruhanjaya. Berdasarkan pemantauan media massa, hasil semakan EAIC mendapati terdapat sebuah kemalangan udara yang melibatkan pesawat ringan BK 160TR Gabriel (selepas ini dirujuk sebagai "BK 160TR"), yang dilaporkan terhempas dan terbakar di kawasan ladang kelapa sawit berhampiran Sekolah Kebangsaan Kampung Tok Muda, Kapar, Klang pada 13 Februari 2024, pukul 1.36 tengah hari.

Berikutan kejadian tersebut, EAIC mendapati terdapat keperluan untuk mengaudit, memantau, dan meneliti SOP serta Proses Kerja yang dikawal selia dan digunakan oleh CAAM.

Pada 6 Jun 2024, EAIC telah hadir ke Ibu Pejabat CAAM Putrajaya bagi perbincangan bersama dengan Bahagian Operasi Penerbangan, Bahagian *Airworthiness* dan Unit *State Safety Program* dan taklimat berkenaan fungsi penguatkuasaan CAAM terutamanya berkaitan aspek keselamatan penerbangan awam di Malaysia.

Lawatan kerja tersebut EAIC diketuai oleh Encik Muhammad Amin Azmi, Pengarah BDPS dan turut disertai oleh pegawai kanan dari bahagian itu.

Hasil lawatan tersebut, EAIC telah menyediakan Laporan Dapatan Pengauditan CAAM dengan beberapa syor penambahbaikan. Antaranya memperkasakan pemakaian Peraturan 147 Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016 dengan mewajibkan semua pesawat ringan/pesawat kecil berdaftar negara asing (tidak melebihi 5,700.00kg) yang memasuki Malaysia untuk didaftar di bawah seliaan CAAM.

Selain itu EAIC mengesyorkan agar skop pemakaian Peraturan 30 Peraturan-Peraturan Penerbangan 2016 diluaskan, bukan sahaja kepada pesawat berdaftar Malaysia malah juga pesawat berdaftar negara asing. Laporan Dapatan CAAM tersebut telah diserahkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif CAAM pada 6 November 2024 bagi makluman dan tindakan lanjut pihak CAAM terhadap isu serta cadangan penambahbaikan yang dikemukakan.



6 Jun 2024, Putrajaya – Lawatan kerja pengauditan dan pemantauan SOP di CAAM Putrajaya

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup

EAIC telah menjalankan pengauditan terhadap SOP KPDN pada 30 September 2024 iaitu berkaitan dengan Garis Panduan Geran Kajian Perdagangan (GKP) – Tatacara Pengendalian *Informer* Oleh *Handler* (selepas ini dirujuk sebagai 'Garis Panduan GKP – *Informer*).

Berdasarkan semakan, terdapat kelemahan dari sudut pengendalian *informer* di pihak KPDN terutamanya berkaitan kaedah penghebahan Garis Panduan GKP – *Informer* kepada pegawai dan anggota KPDN yang terlibat mengendalikan siasatan berkaitan kes KPDN. Turut diteliti kewajaran pemantauan oleh penyelia dalam setiap serbuan dan rampasan yang dibuat oleh Pegawai Penyiasat KPDN untuk memastikan kesahihan sumber maklumat yang diperolehi. Bagi mendapatkan penjelasan daripada pihak KPDN berkenaan isu-isu yang ditimbulkan, EAIC telah hadir ke Ibu Pejabat KPDN pada 30 September 2024 bagi sesi perbincangan dan taklimat mengenai Garis Panduan GKP – *Informer*.

Hasil daripada pengauditan yang dijalankan, EAIC telah menyediakan Laporan Dapatan Pengauditan SOP KPDN yang mengandungi beberapa syor penambahbaikan bagi permurnian dan penilaian semula Garis Panduan GKP – *Informer* tersebut. Laporan tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Suruhanjaya Bilangan 11 Tahun 2024 pada 9 Disember 2024 dan diserahkan kepada pihak KPDN pada 18 Disember 2024 bagi tindakan selanjutnya.

Laporan tersebut telah diserahkan kepada pihak KPDN pada 18 Disember 2024 bagi tindakan selanjutnya. Antara penambahbaikan yang telah disyorkan oleh EAIC termasuklah cadangan memberikan kursus/latihan/taklimat kepada semua anggota dan Pegawai Penguat Kuasa dari gred KP19 KPDN berkenaan dengan tatacara pengendalian *informer/handler* dengan teratur. Selain itu, turut dicadangkan sesi permurnian dan penilaian semula Garis Panduan GKP secara keseluruhannya, terutamanya berkaitan dengan Buku Pendaftaran Rekod *Informer* yang harus diselenggara dengan sistematik.



30 September 2024, Putrajaya – Lawatan kerja pengauditan dan pemantauan SOP di KPDN Putrajaya

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

Pada 19 November 2024, BDPS telah hadir ke Ibu Pejabat JTKSM untuk sesi taklimat dan penerangan berkenaan Tatacara Pengendalian Piawai Kes Buruh yang dikendalikan oleh pihak JTKSM serta membincangkan penambahbaikan seperti penggunaan teknologi terkini dalam penyampaian perkhidmatan Jabatan.

Selain itu, turut dibincangkan berkenaan inisiatif pihak JTKSM dalam memantapkan Sistem Pengurusan Perburuhan Bersepadu (SPPB) yang komprehensif dan bersepadu bagi urusan

berkaitan perburuhan dalam usaha meningkatkan kecekapan dan keberkesanan fungsi Jabatan ke tahap maksimum.

Laporan Dapatan Pengauditan Tatacara Pengendalian Piawai Kes Buruh akan dimuktamadkan mengandungi beberapa syor penambahbaikan bagi permurnian dan penilaian semula pihak JTKSM dan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Suruhanjaya sebelum dipanjangkan kepada pihak JTKSM.



19 November 2024 - Sesi taklimat dan penerangan berkenaan Tatacara Pengendalian Piawai Kes Buruh oleh JTKSM

PASUKAN PETUGAS KHAS INDEKS PERSEPSI RASUAH

Pada 3 Oktober 2024, Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Bilangan 1 Tahun 2024 yang dipengerusikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Negara (KSN) telah memutuskan penubuhan enam (6) Focus Group (FG) Pasukan Petugas Khas CPI bagi memperkukuh usaha meningkatkan kedudukan Malaysia dalam CPI untuk tempoh sepuluh (10) tahun akan datang. Enam bidang keutamaan yang ditetapkan adalah:



Dalam mesyuarat tersebut, EAIC telah diberi mandat sebagai Ketua Peneraju FG Penguatkuasaan. Ahli-ahli yang menganggotai FG ini terdiri daripada pelbagai agensi di bawah kementerian utama, termasuk Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Aktiviti CPI Tahun 2024

Sepanjang tahun 2024, EAIC telah melaksanakan beberapa siri mesyuarat, bengkel dan sesi libat urus bagi merangka hala tuju serta memperkukuh peranan FG Penguatkuasaan, antaranya:

- **17 Oktober 2024:** Bengkel FG Pasukan Petugas Khas CPI Bilangan 1/2024 bersama Sekretariat FG dan Bahagian Perancangan Governans Nasional (BPGN) SPRM diadakan untuk membincangkan hala tuju dan gerak kerja FG CPI.
- **18 November 2024:** EAIC menganjurkan Mesyuarat Kick-Off FG Penguatkuasaan Bilangan 1/2024 di Menara Usahawan, Putrajaya bagi mengenal pasti jurang berdasarkan input survei serta merangka tindakan susulan. Mesyuarat ini turut memutuskan pelaksanaan Sesi Libat Urus (SLU) / lawatan kerja bersama ahli-ahli FG secara berkala sebagai platform mendapatkan maklum balas terhadap isu-isu yang dikenal pasti dalam Analisis Survei Laporan BTI 2024 – Malaysia. Hasil SLU akan dibentangkan kepada YBhg. Tan Sri Dato' Sri KSN, selaku Pengerusi Pasukan Petugas Khas CPI, dan seterusnya dilaporkan dalam Mesyuarat JKKTN; dan
- **10 – 11 Disember 2024:** EAIC turut menyertai Sesi Pembangunan Strategi Meningkatkan Prestasi Malaysia dalam CPI di Holiday Inn Hotel, Sepang. Sesi ini memberi tumpuan kepada analisis jurang (*gap analysis*) dalam survei CPI serta merangka strategi baharu bagi mencapai aspirasi Malaysia berada pada kedudukan ke-25 dunia menjelang tahun 2033.

Pelantikan EAIC sebagai Ketua Peneraju FG Penguatkuasaan merupakan satu pengiktirafan penting terhadap peranan strategik Suruhanjaya dalam memperkukuh integriti dan ketelusan penguatkuasaan negara. EAIC telah memulakan langkah awal melalui penyelarasan mesyuarat, bengkel dan SLU bersama agensi-agensi terlibat bagi mengenal pasti cabaran serta merangka strategi bersepadu. Usaha ini akan diteruskan secara intensif melalui siri libat urus dan lawatan kerja pada tahun 2025 hingga 2026, seterusnya menyokong aspirasi nasional dalam memperbaiki kedudukan Malaysia di peringkat global dalam Indeks Persepsi Rasuah.



10 dan 11 Disember 2024, Selangor – YBrs. Puan Asliza Ali, Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif EAIC menyampaikan taklimat di Sesi Pembangunan Strategi Meningkatkan Prestasi Malaysia dalam CPI

CADANGAN OMBUDSMAN MALAYSIA

Cadangan penubuhan Ombudsman Malaysia mula dibincangkan melalui beberapa siri mesyuarat dan bengkel bermula dari tahun 2023. Antara perkara utama yang diketengahkan termasuklah cadangan penggabungan fungsi EAIC dan Biro Pengaduan Awam (BPA), isu pertindihan kuasa yang dibangkitkan oleh pelbagai pihak serta keperluan memperhalusi peranan dan bidang kuasa agensi baharu agar tidak menjejaskan fungsi sedia ada. Sehubungan itu, pelbagai sesi libat urus telah diadakan bersama Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jabatan Peguam Negara (AGC), EAIC dan pihak berkepentingan lain bagi merangka Memorandum Jemaah Menteri, dengan matlamat mewujudkan Ombudsman Malaysia sebagai sebuah institusi yang holistik, bebas dan berkecuali.

Susulan itu, pada 29 April 2024, cadangan penubuhan Ombudsman Malaysia telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Agenda Reformasi dan Undang-Undang Bilangan 1 Tahun 2024 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri II. Mesyuarat mencadangkan supaya sesi libat urus holistik dilaksanakan bagi tempoh tiga bulan untuk menentukan mekanisme penubuhan dan pelaksanaan Ombudsman Malaysia. Pada 12 Jun 2024, Jemaah Menteri bersetuju agar Sesi Libat Urus (SLU) Holistik Bagi Menentukan Mekanisme Penubuhan Ombudsman Malaysia dilaksanakan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) dengan kerjasama BPA dan EAIC bagi menentukan mekanisme penubuhan dan pelaksanaan Ombudsman Malaysia.

Pada 12 dan 13 Ogos 2024, Bengkel Penetapan Dasar Cadangan Pelaksanaan SLU Holistik Bagi Menentukan Mekanisme Penubuhan Ombudsman Malaysia telah berlangsung di Park Royal Hotel, Kuala Lumpur sebagai persediaan sebelum SLU diadakan. Bengkel ini memfokuskan kepada perbincangan berkenaan penetapan isu dasar bagi cadangan penubuhan Ombudsman Malaysia yang akan diketengahkan dalam SLU. Objektif utama bengkel ini adalah untuk:

- memastikan penubuhan Ombudsman Malaysia mengambil kira fungsi-fungsi lain yang sedia ada atau yang baharu bagi memastikan Ombudsman Malaysia menjadi sebuah agensi yang holistik, bebas dan berkecuali;
- menganalisis fungsi ombudsman untuk menyiasat aduan, menangani isu salah tadbiran dalam sistem Perkhidmatan Awam Persekutuan dan meningkatkan tadbir urus yang baik; dan
- menentukan mekanisme penubuhan dan pelaksanaan Ombudsman Malaysia yang akan bertindak sebagai sebuah entiti berasingan yang menguruskan aduan bagi salah tadbiran (*maladministration*) dalam sistem penyampaian Perkhidmatan Awam Persekutuan dan pelaksanaan pemantauan agensi penguatkuasaan.



13 Ogos 2024, Kuala Lumpur – YBhg. Datuk Zamri Misman, Ketua Pengarah BHEUU, JPM bersama peserta bengkel semasa sesi penutupan Bengkel Penetapan Dasar Cadangan Pelaksanaan SLU Holistik Bagi Menentukan Mekanisme Penubuhan Ombudsman Malaysia

SLU peringkat Zon Utara telah diadakan pada 23 dan 24 September 2024 di Bangunan Perak Darul Ridzuan, Perak. SLU ini menghimpunkan seramai 80 wakil dari Perak, 70 wakil dari Kedah, 30 wakil dari Pulau Pinang dan 20 wakil dari Perlis. Peserta terdiri daripada wakil agensi kerajaan dan negeri, badan berkanun serta pihak berkuasa tempatan. Majlis perasmian SLU Zon Utara telah disempurnakan oleh YB Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.



23 September 2024, Perak – YBrs. Puan Asliza Ali, Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif EAIC menyampaikan taklimat berhubung fungsi EAIC semasa SLU peringkat Zon Utara



23 September 2024, Perak- Ahli panel forum dan penceramah daripada EAIC, BPA dan Ombudsman Universiti Sains Malaysia (USM), YB Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan YBhg. Datuk Zamri Misman, Ketua Pengarah BHEUU, JPM semasa penutupan SLU Zon Utara

SLU Zon Sabah telah berlangsung di Kota Kinabalu, Sabah pada 28 dan 29 Oktober 2024 yang diadakan di Bangunan Dewan Undangan Negeri Sabah dengan penyertaan seramai 130 pegawai daripada pelbagai agensi kerajaan Persekutuan dan Negeri. Majlis perasmian SLU ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Panglima Haji Kadzim Haji M. Yahya, Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah.



28 Oktober 2024, Sabah - Ahli panel forum dan penceramah daripada EAIC, BPA, Ombudsman Sarawak dan C4 Center, YB Datuk Seri Panglima Haji Kadzim Haji M. Yahya, Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah, YB Datuk Richard Yong We Kong, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah dan YBhg. Datuk Zamri Misman, Ketua Pengarah BHEUU, JPM semasa SLU Zon Sabah

SLU yang diadakan di peringkat Zon Utara dan Zon Sabah telah mencapai objektif utamanya iaitu sebagai platform bagi perbincangan menyeluruh untuk menentukan mekanisme cadangan penubuhan Ombudsman Malaysia. Melalui penyertaan wakil daripada agensi kerajaan Persekutuan, negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan, sesi ini telah memperkukuh komitmen bersama untuk memastikan penubuhan Ombudsman Malaysia dilaksanakan dengan lebih mantap, berkesan dan berlandaskan prinsip integriti, ketelusan serta akauntabiliti.

CADANGAN PENAMBAHAN AGENSI PENGUKUASAAN SELIAAN

Dalam usaha mengukuhkan fungsi dan kuasanya, EAIC telah membuat kajian dari tahun ke tahun tentang keperluan untuk pemakaian Akta 700 diperluas kepada semua Kementerian / Jabatan / Agensi / Badan / Seksyen / Unit yang melaksanakan fungsi penguatkuasaan. Pada 2 April 2024, YAB Perdana Menteri telah membuat kenyataan yang meminta agar pemerhatian khusus dibuat terhadap Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berkaitan isu pendedahan ketirisan melibatkan anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Susulan perkembangan tersebut, pada 17 April 2024, EAIC telah memohon kepada YAB Perdana Menteri untuk pemakaian Akta 700 diperluas dan kajian semula terhadap senarai agensi penguatkuasaan di bawah subseksyen 1(4) Akta 700 dibuat bagi memastikan mandat EAIC dapat dilaksanakan dengan lebih meluas, efektif dan berkesan seiring dengan kehendak dan matlamat Kerajaan dalam meningkatkan integriti di kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan.

EAIC berpandangan dalam hal ini, strategi untuk memperkukuh agensi penguatkuasaan undang-undang perlu diambil kerana ia merupakan antara bidang yang berisiko tinggi dan mempunyai kecenderungan kepada perlakuan salah laku dan rasuah. Justeru, penstrukturan semula sistem perkhidmatan awam termasuklah pengukuhan agensi penguatkuasaan undang-undang melalui cadangan ini akan dapat menjayakan konsep tadbir urus baik dan berintegriti dengan mendukung aspirasi nasional, iaitu “Malaysia Dikenali Kerana Integriti dan Bukan Kerana Rasuah”.

Satu SLU Cadangan Penambahan Agensi Penguatkuasaan Seliaan EAIC telah diadakan secara dalam talian pada 11 Disember 2024 yang dihadiri oleh wakil-wakil kementerian dan agensi penguatkuasaan yang dicadangkan untuk disenaraikan dalam Jadual kepada Akta 700. SLU tersebut juga diadakan untuk mendapatkan maklum balas daripada agensi penguatkuasaan berkenaan cadangan penambahan agensi penguatkuasaan EAIC, SLU ini juga ini bertujuan untuk menerangkan kepada agensi penguatkuasaan yang dicadangkan ini berkenaan fungsi, kuasa dan bidang kuasa EAIC. Setakat ini, EAIC sedang dalam perancangan untuk menyediakan dokumen berkaitan bagi mendapatkan persetujuan YAB Perdana Menteri untuk meminda Jadual Akta 700. Setelah itu, pindaan Jadual tersebut akan diwartakan.

Cadangan penambahan agensi seliaan EAIC ini dilihat akan turut melengkapi undang-undang sedia ada berhubung isu salah laku secara holistik dan efektif selaras dengan matlamatnya, iaitu untuk mempertingkatkan integriti perkhidmatan awam, mengurangkan salah laku dan memupuk keyakinan orang ramai terhadap perkhidmatan kerajaan.



PEMBUDAYAAN

INTEGRITI DAN KOMUNIKASI STRATEGIK

Penghayatan nilai integriti diperluaskan melalui pelbagai program interaktif dan kempen pendidikan awam yang menyasarkan masyarakat umum, penguat kuasa, pelajar, NGO, dan pihak berkuasa tempatan. Pendekatan ini menekankan nilai kebertanggungjawaban, akauntabiliti, dan kepercayaan sebagai asas utama dalam membanteras salah laku serta memupuk budaya integriti dalam perkhidmatan awam.

KEMPEN *ENCOURAGING RESPONSIBILITY, ACCOUNTABILITY, TRUSTWORTHINESS* (ERAT) DAN KESEDARAN INTEGRITI

Bermula dengan skala kecil, Kempen ERAT telah berkembang menjadi program interaktif berskala besar, meningkatkan keberkesanan pendidikan integriti dan memberi impak positif kepada komuniti. Melalui pendekatan kreatif dan inklusif ini, pendidikan integriti dapat disampaikan secara relevan kepada keperluan masyarakat semasa, merentasi setiap lapisan usia dan latar belakang.

Sepanjang tahun 2024, tiga program utama Kempen ERAT telah dilaksanakan dengan pendekatan berbeza mengikut sasaran audiens, namun berkongsi matlamat yang sama iaitu memperkukuh budaya integriti dalam masyarakat dan agensi penguatkuasaan:

i. Program Ihya' & ERAT Ramadan Bersama #Gengsubuhmacamjumaat

ii. Program Ihya' & ERAT Ramadan bersama #GENGSUBUHMALAMJUMAAT yang dianjurkan pada 24 Mac 2024 di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dirasmikan oleh YB Senator Dato' Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Program ini telah mencatatkan kehadiran lebih 10,000 peserta yang terdiri daripada warga penguat kuasa, komuniti setempat, pelajar, wakil media serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Dari segi impak, EAIC telah menjadi agensi awam pertama mempelopori fenomena *Subuh Macam Jumaat*, sekali gus memperkukuh peranan sebagai penggerak pendekatan kreatif dalam penghayatan nilai integriti berteraskan kerohanian.



24 Mac 2024, Kuala Lumpur - YB Senator Dato' Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar menyampaikan ucapan perasmian Program Ihya' & ERAT Ramadan bersama #GENGSUBUHMALAMJUMAAT



24 Mac 2024, Kuala Lumpur - YB Senator Dato' Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), ditemu bual oleh TV AlHijrah selepas merasmikan Program Ihya' & ERAT Ramadan bersama #GENGSUBUHMALAMJUMAAT. Turut hadir, YBhg. Datuk Seri Dr Yusof Ismail, Pesuruhjaya EAIC dan YBhg. Dato' Seri Dr Mohd Ajib Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI),

Antara aktiviti utama program ini adalah qiamullail, sahur perdana, solat Subuh berjemaah, Sedekah Subuh, pertandingan hafazan Al-Quran serta Tazkirah Subuh bertajuk Integriti, Jihad Sanubariku yang disampaikan oleh YBhg. Datuk Dr Mohd Izhar Arif Mohd Kashim dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Penganjuran program ini turut diperkukuh melalui kerjasama strategik bersama Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) serta Alif Satar, selebriti Geng Subuh Macam Jumaat.

Program ini telah menerima liputan meluas daripada media tradisional dan digital dengan capaian tontonan siaran langsung melebihi 200,000 penonton, khususnya dalam kalangan generasi muda. Maklum balas positif yang diterima daripada peserta dan masyarakat mengiktiraf pendekatan EAIC sebagai inovatif serta berkesan dalam menggabungkan elemen keagamaan dengan pendidikan integriti.




24 Mac 2024, Kuala Lumpur - Alif Satar, Ikon Selebriti Geng Subuh Macam Jumaat, turut diundang memeriahkan Program Ihya' & ERAT Ramadan bersama #GENGSUBUHMALAMJUMAAT



#GENGSUBUHMALAMJUMAAT anjuran EAIC dan JAWI capai lebih sasaran
BERNAMA TV 298K subscribers

24 Mac 2024, Kuala Lumpur - YBhg. Datuk Seri Dr Yusof Ismail, Pesuruhjaya EAIC semasa temu bual lintas langsung bersama BERNAMA TV



Ulasan dan pengiktirafan positif YB Senator Dato' Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

ii. Tayangan Khas Filem Sheriff: Narko Integriti - ERAT Bersama Penguat Kuasa

Program Tayangan Khas Filem Sheriff: Narko Integriti - ERAT bersama Penguat Kuasa yang dianjurkan pada 12 Jun 2024 telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim dan dihadiri seramai 500 jemputan, termasuk tetamu kehormat seperti YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil, Menteri Komunikasi, YBhg. Tan Sri Mohd Dusuki Mokhtar, Peguam Negara, Ketua-Ketua Jabatan pengurusan tertinggi agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC, serta penggiat seni perfileman tanah air, termasuk pengurusan tertinggi SKOP Production selaku penerbit filem dan barisan pelakon utama.




12 Jun 2024, Putrajaya - YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, bersama Pengerusi EAIC, YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar, tetamu kehormat, dan barisan pelakon filem semasa Program Tayangan Khas Sheriff: Narko Integriti - ERAT bersama Penguat Kuasa



12 Jun 2024, Putrajaya - YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri di Sidang Media Tayangan Khas Filem Sheriff: Narko Integriti ERAT bersama Penguat Kuasa

Dalam sidang media tersebut, YAB Perdana Menteri menekankan kepentingan akauntabiliti dan kebertanggungjawaban dalam kalangan penguat kuasa, di samping memberikan pandangan langsung kepada institusi penguatkuasaan mengenai tanggungjawab mereka kepada masyarakat.

Beliau turut memuji inisiatif EAIC yang menggunakan medium kreatif seperti tayangan filem untuk meningkatkan kefahaman mengenai nilai integriti, serta menghargai kerjasama erat bersama penerbit filem dalam menjayakan usaha pendidikan nilai melalui karya seni. Program ini juga meletakkan EAIC sebagai agensi awam pertama yang menganjurkan tayangan filem sebagai medium pendidikan integriti, sekali gus menyerlahkan inovasi dalam pendekatan mendidik dan menyampaikan mesej integriti.



Posting mengenai Tayangan Khas Sheriff Narko: Integriti - ERAT bersama Penguat Kuasa di halaman rasmi Instagram YAB Perdana Menteri

Penganjuran program ini telah berjaya memperkukuh jaringan kerjasama strategik antara EAIC, agensi penguatkuasaan dan sektor swasta, selain menonjolkan keberkesanan pendekatan kreatif dalam menjadikan mesej integriti lebih mudah difahami. Penglibatan pihak industri perfileman memberi nilai tambah yang unik, menjadikan program ini bukan sahaja signifikan kepada penguat kuasa bahkan memberi inspirasi untuk menghayati prinsip akauntabiliti dan kebertanggungjawaban dalam tugas harian.

iii. ERAT Bersama Penguat Kuasa, Mahasiswa & Masyarakat Sarawak

Program ERAT bersama Penguat Kuasa, Mahasiswa dan Masyarakat yang dianjurkan pada 9 November 2024 di Kota Samarahan telah menghimpunkan hampir 2000 peserta, melibatkan komuniti setempat, Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum (KMCK), mahasiswa, pegawai penguat kuasa, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), serta pihak berkuasa tempatan.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Hajah Rubiah Wang, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW). Dalam ucapan perasmian, beliau menekankan kepentingan integriti, akauntabiliti dan kerjasama strategik dalam memperkukuh peranan komuniti desa sebagai rakan sinergi kepada agensi penguat kuasa.

Program ini berjaya mencapai sasaran utama iaitu memberikan manfaat langsung kepada komuniti desa. Melalui kerjasama erat bersama pelbagai agensi seliaan EAIC dan agensi awam setempat, pelbagai perkhidmatan dan produk telah disediakan termasuk Jualan Rahmah oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), kaunter pembayaran saman oleh PDRM, pemeriksaan kesihatan dan tabung darah oleh KKM, aktiviti belia dan sukan oleh Jabatan Belia dan Sukan, serta pameran haiwan liar oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Kepelbagaian pengisian telah memastikan program ini bersifat inklusif, informatif dan relevan kepada komuniti desa.

Secara keseluruhan, kehadiran peserta yang ramai membuktikan keberkesanan pendekatan EAIC dalam mendekati komuniti desa serta memastikan mesej integriti dan akauntabiliti disampaikan kepada sasaran yang tepat. Ucapan perasmian oleh YB Timbalan Menteri turut memberi inspirasi kepada peserta, khususnya KMCK sebagai penghubung utama antara agensi penguatkuasaan dan masyarakat. Di samping itu, penyediaan aktiviti dan perkhidmatan yang relevan telah memberikan pengalaman bermakna kepada peserta, sekaligus memperkukuh penerimaan mesej integriti, meningkatkan kesedaran tanggungjawab komuniti serta mengukuhkan kepercayaan terhadap EAIC dan agensi penguatkuasaan di peringkat akar umbi.



iv. ERAT *On The Move*

Program ERAT *On the Move* merupakan platform *meet and greet* EAIC bersama orang awam melalui penyertaan reruai pameran di pelbagai acara kerajaan dan swasta. Inisiatif ini membolehkan penyebaran maklumat mengenai peranan serta perkhidmatan EAIC secara dekat, selain mengedarkan bahan pendidikan masyarakat seperti poster dan brosur.

Sepanjang tahun 2024, EAIC telah menyertai beberapa program utama di lokasi strategik seperti berikut:

- Kuala Perlis – Festival Rakyat Perlis (1 Jun)
- Kuantan – Program Madani Rakyat Zon Timur (7 Julai)
- Kuala Pilah – Pesta Bola NGOCA (15 September)
- Putrajaya – Hari Psikologi Jabatan Imigresen Malaysia (29 Oktober)
- Kuching – Kompleks UTC Kuching (8 & 10 November)
- Kuala Lumpur – Agrobank Integriti Week (19 November)



Penyertaan ERAT *On The Move* dalam pelbagai acara kerajaan dan swasta di seluruh negara dalam usaha mendekati masyarakat

v. Sambutan Bulan Integriti Nasional 2024

Sempena Sambutan Bulan Integriti Nasional 2024, EAIC telah menganjurkan Program Bicara Pengukuhan Integriti pada 3 Disember 2024. Program ini bertujuan memperkukuh kefahaman, meningkatkan kesedaran dan memperluas pengetahuan mengenai kepentingan budaya integriti dalam persekitaran kerja.

Program bual bicara selama dua jam ini menampilkan Tuan Mohamad Amirul Amin Maulana Lokman Hakim, atau lebih dikenali sebagai Pencetus Umah (PU) Amin, sebagai penceramah jemputan dengan kupasan topik “Integriti Itu Kuasa”, dengan menekankan peranan integriti sebagai asas kekuatan peribadi, profesionalisme dan kepercayaan masyarakat terhadap institusi awam.

Program ini melibatkan penyertaan seramai 150 pegawai daripada Unit Integriti Badan Berkanun Awam serta warga kerja EAIC. Selain sesi perkongsian ilmu, program turut disokong dengan penganjuran reruai informasi dan khidmat masyarakat oleh pelbagai agensi sebagai pengisian tambahan.



3 Disember 2024, Putrajaya - Program Bicara Pengukuhan Integriti melibatkan penyertaan lebih 150 pegawai dan warga kerja EAIC, serta disokong dengan reruai informasi dan khidmat masyarakat oleh agensi awam dan swasta

PROMOSI DAN PUBLISITI

Sebagai sebahagian daripada strategi komunikasi korporat, EAIC mengoptimumkan pelbagai medium komunikasi bagi meningkatkan keterlihatan dan kesedaran masyarakat terhadap fungsi, khidmat serta bidang kuasa Suruhanjaya. Pendekatan ini meliputi penyaluran mesej integriti melalui penghasilan kandungan kreatif dalam bentuk pengiklanan, video pesanan khidmat awam, pengiklanan papan iklan (*billboard*) dan hebahan infografik. Usaha bersepadu ini bukan sahaja memperluas capaian maklumat kepada khalayak sasaran yang pelbagai, malah turut meletakkan EAIC sebagai institusi yang telus, mudah diakses dan relevan dengan keperluan semasa masyarakat.

i. PENGIKLANAN PESANAN KHIDMAT AWAM (PKA)

EAIC telah bekerjasama dengan FINAS menghasilkan iklan Pesanan Khidmat Awam (PKA) bertajuk "Kuasa". PKA ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai tanggungjawab penguat kuasa dalam menjalankan tugas dengan integriti.

PKA Kuasa telah disiarkan secara meluas di semua stesen penyiaran mulai 11 November 2024 hingga 30 November 2025, meliputi pelbagai platform televisyen dan radio di seluruh negara, antaranya RTM, Media Prima, ASTRO, Bernama TV, TV Al-Hijrah, serta stesen radio tempatan dan nasional.



PKA Kuasa menampilkan Syafik, seorang penguat kuasa yang berdepan dilema moral ketika diberikan pangkat dan kuasa.

ii. PENGIKLANAN PAPAN TANDA *BILLBOARD* DIGITAL

Sebagai lanjutan daripada PKA Kuasa, EAIC telah memperluas usaha kesedaran melalui paparan *billboard* digital di lokasi strategik, bermula di Lembah Klang dan Putrajaya. Paparan ini menampilkan visual yang menarik dan berimpak tinggi, lengkap dengan slogan *Integriti, Refleksi Anda*, menyampaikan mesej integriti secara efektif sambil melengkapkan penyampaian PKA melalui televisyen, radio dan platform digital. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan keterlihatan institusi, malah turut memperkukuh pengiktirafan masyarakat terhadap peranan dan fungsi EAIC.



Paparan *billboard* PKA Kuasa di lokasi strategik termasuk Jalan Ampang, MRR2, Lebuhraya Mahameru, Lebuhraya Persekutuan, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan sekitar Putrajaya

LIPUTAN MEDIA DAN PLATFORM DIGITAL

Sepanjang 2024, EAIC mengekalkan keterlihatan institusi melalui liputan meluas di media massa, termasuk temu bual dengan Pengerusi dan liputan program utama. Setiap aktiviti dan lawatan diiringi siaran media yang tersusun, memastikan mesej fungsi, peranan, dan khidmat EAIC disampaikan secara meluas. Pencapaian utama termasuk penampilan Pengerusi EAIC di muka hadapan akhbar nasional dan liputan pelbagai program integriti yang mendapat perhatian kerajaan dan masyarakat.



Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar, Pengerusi EAIC tampil dalam beberapa liputan utama di muka hadapan akhbar nasional, memperlihatkan komitmen Suruhannya selaku badan pengawasan integriti

The Star RM100mil allocated to beef up security along northern border, says PM

RM100mil allocated to beef up security along northern border, says PM

By MAZWIN NIKANIS and MARTIN CARVALHO

Tuesday, 30 Jul 2024
10:06 AM MYT

Related News

Anwar hosts luncheon for Sultan of Brunei

Anwar, Sultan of Brunei hold talks at Seri Perdana



DATUK SERI ANWAR IBRAHIM
Prime Minister

PUTRAJAYA: An additional allocation of RM100mil has been announced to beef up security facilities along the northern border of Peninsular Malaysia.

Announcing this, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said this allocation was necessary, taking into account the poor conditions of the current border security facilities.

BULETIN
UTAMA TEROKI NASIONAL MASYARAKAT POLITIK JENKRAH SIKSIAN DUNIA

TUMPUHAN: Ur tika mund, gara dan warga selesah yang jangkas dalam keadilan - PakRiza | Tala sikeka

Sindiket visa perubatan: Imigresen beri kerjasama penuh kepada EAIC

08 October 2024, 21:00m

20 shares

Oleh Wan Zairul Azri Wan Mohammad Sudin

PUTRA JAYA: Jabatan imigresen Malaysia (JIM) bersedia memberikan kerjasama sepenuhnya dengan telus dan adil kepada pihak Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC).


Isa susulan laporan media berkaitan siasatan oleh suruhanjaya terabit ke atas beberapa pegawai imigresen kerana disyaki teribat dalam 'sindiket visa perubatan' melibatkan warga asing.




Maklum balas positif dan sokongan daripada pemimpin negara terhadap usaha EAIC memperkukuh integriti penguat kuasa, seperti dilaporkan melalui pelbagai liputan media massa

JAS akan dipanggil kes e-waste - EAIC

Banyak aduan e-waste di Segamat sepatutnya dibuka kertas siasatan namun ia tidak dilaksana



Seorang pegawai EAIC, Tan Sri Dr Ismail Bakar berkata, lebih dari 100 aduan dipanggil untuk siasatan. EAIC sudah mengumpul RM100,000 untuk siasatan ini. Beliau berkata, EAIC sudah mengumpul RM100,000 untuk siasatan ini. Beliau berkata, EAIC sudah mengumpul RM100,000 untuk siasatan ini.

EKSKLUSIF



Seorang pegawai EAIC, Tan Sri Dr Ismail Bakar berkata, lebih dari 100 aduan dipanggil untuk siasatan. EAIC sudah mengumpul RM100,000 untuk siasatan ini. Beliau berkata, EAIC sudah mengumpul RM100,000 untuk siasatan ini.

Sorotan liputan media massa yang meluas mengenai dapatan siasatan EAIC

Jadual 5: Senarai Liputan Media EAIC di Akhbar, Portal Berita, Televisyen dan Radio Sepanjang Tahun 2024

BIL	TARIKH	MEDIA	LIPUTAN MEDIA/TAJUK UTAMA	IMPAK/REACH
1	20 Feb 2024	Utusan, Harian Metro, Sinar Harian, TV3, Astro Awani, Bernama TV, Malaysiakini	Pelantikan Pengerusi EAIC, Tan Sri Dr Ismail Bakar, liputan muka hadapan dan TV	Meningkatkan pengiktirafan institusi, perhatian kerajaan & masyarakat
2	21 Mar 2024	TV AlHijrah, TV RTM, Bernama, Berita Harian, MG News	Program #GengSubuhMacamJumaat: 10,000 jemaah di Masjid Wilayah Persekutuan	Memperkukuh kesedaran integriti dalam kalangan masyarakat & penguat kuasa
3	2 Apr 2024	Astro Awani, Bernama, New Straits Times	Pengenalan talian aduan EAIC menerusi WhatsApp	Memudahkan laporan aduan, capaian nasional, respons pantas
4	5-7 Mei 2024	Sinar Harian, Buletin TV3, Bernama	Cadangan penubuhan akta kawal selia Badan Berkanun Persekutuan & kes kematian dalam tahanan	Menegaskan peranan EAIC dalam pengawasan penguat kuasa, perhatian Kerajaan

BIL	TARIKH	MEDIA	LIPUTAN MEDIA/TAJUK UTAMA	IMPAK/REACH
5	12–13 Jun 2024	Berita Harian, Sinar Harian, Bernama, NST, Malaysiakini, The Sun, Astro Awani, Kosmo	Tayangan khas filem Sheriff Narko Integriti bersama PM	Liputan meluas, memupuk kesedaran integriti & sokongan kerajaan
6	15 Jun 2024	Bernama	Pendidikan integriti di peringkat sekolah	Menanam nilai integriti dalam generasi muda
7	23 Jul 2024	Utusan, Bernama, TV3	Sesi Libat Urus ke Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan Pengkalan Kubor	Memperkuat jaringan kerjasama & kesedaran integriti penguat kuasa sempadan
8	12 Ogos 2024	Sinar Harian, Astro Awani	Komitmen EAIC perangi salah laku integriti & tambah baik penguatkuasaan perairan	Memperkasakan penguatkuasaan & menegaskan peranan EAIC
9	2 Sept 2024	Bernama, Malaysiakini, TV3	Kerjasama EAIC dengan Rasuah Busters: memperkukuh kesedaran integriti & banteras salah laku	Meningkatkan kolaborasi NGO & kesedaran masyarakat
10	23 Sept 2024	Berita Harian, Sinar Harian, Astro Awani	Keputusan siasatan EAIC: salah laku dalam pengendalian kes dadah di AADK	Menunjukkan ketegasan EAIC dalam pengawasan penguat kuasa
11	8 Okt 2024	Bernama, TV3	Pasukan Petugas Khas mulakan kajian syor & langkah pencegahan kes kematian dalam tahanan	Menegaskan peranan EAIC dalam perlindungan hak & pengawasan institusi
12	15 Okt 2024	Astro Awani, The Sun	EAIC tubuh pasukan petugas khas siasat sindiket visa perubatan warga asing	Menunjukkan keberkesanan tindakan EAIC membanteras salah laku kompleks
13	16 Okt 2024	Malaysiakini, NST	Laporan siasatan EAIC: insiden tahanan etnik Rohingya di Depot Bidor	Ketelusan & keberkesanan siasatan isu sensitif

BIL	TARIKH	MEDIA	LIPUTAN MEDIA/TAJUK UTAMA	IMPAK/REACH
14	4 Nov 2024	TV AlHijrah, Bernama, Berita Harian	ERAT Bersama Penguat Kuasa, Mahasiswa & Masyarakat di Sarawak	Memperkukuh budaya integriti & akauntabiliti penguat kuasa & masyarakat
15	9 Nov 2024	TV AlHijrah, Bernama, Berita Harian	ERAT Bersama Penguat Kuasa, Mahasiswa & Masyarakat di Sarawak	Memperkukuh budaya integriti & akauntabiliti penguat kuasa & masyarakat

Selain daripada itu, EAIC juga berjaya mengekalkan keterlihatan dan keterlibatan digital melalui laman web rasmi, media sosial, dan portal berita. Pelbagai infografik dihasilkan secara konsisten selepas setiap program utama dan aktiviti turun padang, memastikan mesej mengenai peranan EAIC dan nilai integriti penguat kuasa sampai kepada masyarakat secara meluas. Pendekatan ini meningkatkan interaksi awam, membolehkan pemantauan maklum balas secara pantas, dan menegaskan kedudukan EAIC sebagai badan pengawasan integriti yang tegas, relevan, dan proaktif, di samping memberi impak nyata terhadap kesedaran integriti di peringkat nasional.



Koleksi infografik yang menonjolkan usaha digital EAIC dalam mendidik masyarakat mengenai kesedaran integriti dan pencegahan salah laku

EAIC Jadi Agensi Semak Dan Imbang Untuk Lahir Masyarakat Madani Umat Terbaik

YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Haji Mokhtar
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
Malaysia Gazette / 24 Mac 2024
Ihya' & ERAT Ramadan
bersama #GengSubuhMacamJumaat

eaicofficial | www.eaic.gov.my | #integritiDijulangNegaraBermaruah

#taatsetia

Penjawat awam perlu menzhahirkan taat setia kepada Kerajaan Memerintah serta mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan bagi menjamin profesionalisme serta kewibawaan perkhidmatan awam.

JANGAN SOROK KESILAPAN ATAU SALAH LAKU DALAM JABATAN

Menyembunyikan kesilapan hanya memperburuk keadaan. Ketelusan dan keberanian memperbaiki kesilapan akan mengukuhkan kepercayaan orang ramai terhadap agensi dan perkhidmatan awam.

Datuk Hajah Rubiah Haji Wang
Timbalan Menteri, Kemajuan Desa dan Wilayah
9 NOVEMBER 2024

Wujudkan Pasukan Petugas Khas Tangani Isu Salah Laku

Pasukan petugas khas melibatkan agensi seperti EAIC, SPRM, PDRM, dan lain-lain bagi membolehkan siasatan bersepadu terhadap penguat kuasa secara menyeluruh, terbuka, dan dapat mencegah pembaziran masa.

Tan Sri Dr. Ismail Hj. Bakar
Pengerusi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)
9 November 2024


Koleksi infografik yang menampilkan petikan ucapan pemimpin dalam mendidik masyarakat mengenai kesedaran integriti dan pencegahan salah laku



Koleksi infografik berkonsepkan kartun diadaptasi dari buku penerbitan Institut Integriti Malaysia memaparkan situasi harian berkaitan nilai integriti secara ringkas dan mudah difahami.

MAJLIS SEMBAH MENGHADAP

- i. **Majlis Sembah Menghadap Pesuruhjaya Ke Atas KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII**



20 Mac 2024, Istana Negara - Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar telah berkenan menerima Kunjungan Sembah Menghadap YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar, Pengerusi dan Pesuruhjaya EAIC.

- ii. **Majlis Sembah Menghadap Pengerusi Ke atas KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII**



28 Ogos 2024, Istana Negara - Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar telah berkenan menerima Kunjungan Sembah Menghadap YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar, Pengerusi EAIC beserta YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA)

KUNJUNGAN HORMAT

- i. Kunjungan Hormat ke atas Ketua Setiausaha Negara
- ii. Kunjungan Hormat Ketua Ombudsman Sarawak ke EAIC



11 Disember 2024, Putrajaya - YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar, Pengerusi EAIC telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YBhg. Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara (KSN)



11 September 2024, Putrajaya - YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar, Pengerusi EAIC menerima kunjungan hormat daripada YBhg. Dato' Sri Abdul Ghafur Shariff, Ketua Ombudsman Sarawak.

iii. **Kunjungan Hormat Jawatankuasa Pilihan Khas Tatakelola, Integriti dan Antirasuah Dewan Negara ke EAIC**



3 Oktober 2024, Putrajaya - Kunjungan hormat Jawatankuasa Pilihan Khas Tatakelola, Integriti dan Antirasuah (JKPK TIA) Dewan Negara ke EAIC

iv. **Kunjungan Hormat EAIC ke atas Ketua Ombudsman Sarawak**



8 November 2024, Kuching – YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar, Pengerusi EAIC mengadakan kunjungan hormat ke atas YBhg. Dato' Sri Abdul Ghafur Shariff, Ketua Ombudsman Sarawak

v. **Kunjungan Hormat Ahli Panel Penilaian Operasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke EAIC**



23 Disember 2024, Putrajaya - EAIC menerima kunjungan hormat daripada YBrs. Dr Hj Mazlan Hj Ahmad, Ahli Panel Penilaian Operasi SPRM

vi. **Kunjungan Hormat Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) ke EAIC**



23 April 2024, Putrajaya - YBhg. Tan Sri Dr Ismail Bakar Hj. Bakar, Pengerusi EAIC telah menerima kunjungan hormat daripada IPCC

SESI PERJUMPAAN BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI AGENSI PENGUATKUASAAN SELIAAN EAIC

i. Perjumpaan Bersama Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia



11 September 2024, Putrajaya - YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar, Pengerusi EAIC mengadakan perjumpaan bersama Dato' Ruslin Jusoh, Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)

iii. Perjumpaan Bersama Ketua Pengarah Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan



23 Oktober 2024, Putrajaya - YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar, Pengerusi EAIC mengadakan perjumpaan bersama YBrs. Tuan Ir. Hj Mohd Hatta Zakaria, Ketua Pengarah Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP)

ii. Perjumpaan Bersama Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar



17 Oktober 2024, Putrajaya - YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar, Pengerusi EAIC mengadakan perjumpaan bersama YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Ketua Pengarah JAS

iv. Perjumpaan Bersama Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia



28 Oktober 2024, Putrajaya - YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar, Pengerusi EAIC mengadakan perjumpaan bersama YBrs. Tuan Kamal Pardi, Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

v. **Perjumpaan Bersama Ketua Pengarah
Jabatan Sukarelawan Malaysia**



28 Oktober 2024, Putrajaya - YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar, Pengerusi EAIC mengadakan perjumpaan bersama YBhg. Datuk Yahya Sulaiman, Ketua Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia

vii. **Perjumpaan Bersama Ketua Pengarah
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar
dan Taman Negara**



20 November 2024, Putrajaya - YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar, Pengerusi EAIC mengadakan perjumpaan bersama YBhg. Dato' Abdul Kadir Abu Hashim, Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara

vi. **Perjumpaan Bersama Pengarah
Lembaga Pelesenan Kenderaan
Sarawak**



8 November 2024, Kuching – Pengerusi EAIC mengadakan perjumpaan bersama Puan Cornelia Wong Chui, Pengarah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak

LAWATAN KERJA

i. Lawatan Kerja International Governance and Sustainability Centre (IGSC) ke EAIC



9 Mei 2024 - Lawatan Kerja International Governance and Sustainability Centre (IGSC)

ii. Lawatan Kerja EAIC ke Rasuah Busters



2 September 2024, Shah Alam - YBhg. Datuk Seri Dr Yusof Ismail, Pesuruhjaya EAIC mengadakan lawatan kerja ke pejabat YBhg. Datuk Hussamuddin Yaacob, Ketua Pasukan Rasuah Busters. Turut hadir Puan Nurhayati Nordin, Ketua Pegawai Eksekutif Pasukan Rasuah Busters



28 November 2024, Putrajaya - EAIC telah menerima lawatan dari Warga Kerja Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) yang diketuai oleh YBrs. Encik Abdul Latif Ramley, Ketua Bahagian Integriti MBK



28 November 2024, Putrajaya – Sesi taklimat berkenaan fungsi dan peranan EAIC

iv. Lawatan daripada Warga Kerja Syarikat Air Perlis



13 Disember 2024, Putrajaya - Lawatan Syarikat Air Perlis (SAP) ke Pejabat EAIC

PENGUKUHAN TADBIR URUS

PENGURUSAN ASET DAN HAL EHWAL PEKERJA

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN (JKPAK)

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) diadakan setiap suku tahun bagi melaporkan kedudukan semasa pengurusan aset alih Kerajaan, pemeriksaan aset yang telah dibuat, pelupusan aset suku semasa, kes-kes kehilangan aset yang dilaporkan dan hapus kira yang diluluskan serta laporan pengurusan stor. Mesyuarat ini wajib dilaksanakan setiap suku tahun bagi membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan aset dan stor dan tindakan-tindakan lanjut yang akan dilaksanakan bagi mematuhi keperluan Pekeliling Perbendaharaan AM1.1: Pengurusan Aset Kerajaan. Sepanjang tahun 2024, EAIC telah berjaya mematuhi pelaksanaan Mesyuarat JKPAK setiap tahun sebagaimana perincian berikut :

Jadual 6: Mesyuarat JKPAK Sepanjang Tahun 2024

Bil	Mesyuarat JKPAK	Tempat	Tarikh
1	Suku Pertama Tahun 2024	Bilik Mesyuarat Aras 5	29 April 2024
2	Suku Kedua Tahun 2024	Bilik Mesyuarat Aras 5	31 Julai 2024
3	Suku Ketiga Tahun 2024	Bilik Mesyuarat Aras 5	25 Oktober 2024
4	Suku Keempat Tahun 2024	Bilik Mesyuarat Aras 5	7 Februari 2025

MAJLIS BERSAMA JABATAN

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) merupakan saluran komunikasi dua hala antara pihak majikan dengan pekerja di peringkat jabatan. Tujuan utama MJB ini diwujudkan adalah untuk memperoleh kerjasama yang menyeluruh antara pihak majikan dan pekerja bagi mengemukakan pendapat, mengambil bahagian secara aktif dalam membincangkan dan menyelesaikan isu setempat serta menyumbangkan idea bernas untuk kepentingan dan kebaikan EAIC berkaitan tadbir urus jabatan bagi memastikan peningkatan prestasi secara berterusan.

Bagi tahun 2024, MJB telah dijadualkan sebanyak 3 kali dan telah dilaksanakan dengan jayanya. Tarikh mesyuarat MJB tersebut adalah seperti yang berikut:

Jadual 7: Majlis Bersama Jabatan Sepanjang Tahun 2024

Bil	Majlis Bersama Jabatan	Tempat	Tarikh
1	MBJ Bil.1 Tahun 2024	Bilik Mesyuarat Aras 5	15 Mac 2024
2	MBJ Bil.2 Tahun 2024	Bilik Mesyuarat Adya 5, Hotel Adya, Langkawi	10 Ogos 2024
3	MBJ Bil.3 Tahun 2024	Bilik Mesyuarat Aras 5	6 Disember 2024

TAKLIMAT SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA) DAN PENYERAHAN BORANG OPSYEN SSPA

Pelaksanaan Sistem Saraaan Perkhidmatan Awam (SSPA) berkuat kuasa pada 1 Disember 2024 dan dilaksanakan menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 (PP Bil.1/2024). PP Bil.1/2024 merupakan punca kuasa bagi pelaksanaan inisiatif sistem saraan baharu dalam perkhidmatan awam merangkumi aspek pembangunan organisasi, kemampunan saraan dan pengurusan bakat. Menerusi pekeliling ini juga, opsyen SSPA akan turut ditawarkan kepada penjawat awam bermula dari 21 Oktober hingga 30 November 2024.

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan SSPA, Seksyen Pengurusan Sumber Manusia (SPSM), Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) telah mengambil inisiatif mengadakan sesi taklimat untuk menerangkan perkara yang terkandung dalam PP Bil.1/2024 mengikut kategori kumpulan perkhidmatan.

Pada 21 Oktober 2024, serahan borang opsyen SSPA kepada warga EAIC yang layak telah dilaksanakan dengan jayanya.



Garis Masa Pelaksanaan Pelaksanaan Sistem Saraaan Perkhidmatan Awam (SSPA)



21 Oktober 2024, Putrajaya - Sesi Penyerahan Borang Opsyen SSPA kepada Warga Kerja EAIC

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Sepanjang tahun 2024, EAIC telah menganjurkan pelbagai latihan bagi meningkatkan kompetensi sumber manusianya. Antara program latihan yang diadakan adalah seperti yang berikut:

KURSUS PENGGUNAAN DIGITAL DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM (DDMS)

Bagi menyahut seruan Kerajaan di bawah inisiatif *Entry Points Projects* (EPP) *e-Government* iaitu Pelaksanaan Kerajaan Tanpa Kertas (Paperless Government), penggunaan *Digital Document Management System* (DDMS) telah dilaksanakan sepenuhnya di EAIC pada tahun 2024. Pelaksanaan ini penting bagi membantu warga EAIC membudayakan pengurusan rekod elektronik serta dapat menangani peralihan dan perubahan daripada persekitaran konvensional kepada persekitaran elektronik. Sistem DDMS ini merupakan kolaborasi strategik di antara Jabatan Digital Negara (JDN), Arkib Negara Malaysia (ANM) dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) yang dibangunkan atas dasar perkongsian pintar bagi penggunaan sistem aplikasi sektor awam yang dapat mempertingkatkan penyampaian dan ketelusan perkhidmatan kerajaan melalui capaian pengurusan rekod digital (elektronik) *anywhere, any time and any device* yang juga dapat mewujudkan keseragaman pengurusan rekod elektronik di sektor awam.



29 Januari 2024, Putrajaya - Peserta Kursus Digital Document Management System (DDMS) bersama penceramah dari JDN

EAIC telah menjemput JDN sebagai penceramah dalam dua (2) sesi Latihan Pengguna Sistem DDMS pada Januari dan Februari 2024 yang melibatkan pengurusan atasan dan semua warga EAIC di samping memberi peranan utama kepada Seksyen Pentadbiran sebagai pentadbir rekod dan klasifikasi fail jabatan.

KURSUS PENGURUSAN ELAUN DAN KEMUDAHAN SEKTOR AWAM

Kursus Pengurusan Elaun dan Kemudahan Sektor Awam telah diadakan pada 27 dan 28 Februari 2024 bertempat di Bilik Pendengaran, Aras 11, EAIC.

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mengenai jenis-jenis elaun dan kemudahan penjawat awam dalam kerajaan. Selain itu juga, tatacara pengurusan elaun dan kemudahan ini boleh diaplikasikan dalam melaksanakan tugas rasmi.



27 dan 28 Februari 2024, Putrajaya - Peserta Kursus Elaun dan Kemudahan Sektor Awam bersama penceramah daripada Institut Perakaunan Negara (IPN), Sabak Bernam, Selangor

BENGKEL PENYEDIAAN JADUAL PELUPUSAN REKOD FUNGSIAN

Bengkel Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod (JPR) Fungsian telah diadakan pada 2 dan 3 Mei 2024 bertempat di Bilik Pendengaran Aras 11, EAIC.

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk mempelajari tatacara penyediaan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian yang boleh diguna pakai di pejabat awam seluruh Malaysia selaras dengan peruntukan seksyen 27, Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629].



2 dan 3 Mei 2024, Putrajaya - Peserta Bengkel Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod (JPR) Fungsian daripada Arkib Negara Malaysia

KURSUS MENGENALI DAN MENANGANI STRESS, EMOSI DIRI DAN MASALAH

Kursus Mengenal dan Menangani Stress, Emosi Diri dan Masalah telah diadakan pada 5 dan 6 Jun 2024 bertempat di Bilik Pendengaran Aras 11, EAIC.

Kursus ini diadakan bertujuan untuk mengetahui faktor kepada penyumbang stress di tempat kerja dan memberi pemahaman kepada pegawai dan kakitangan EAIC berkenaan dengan situasi stress di samping kaedah mewujudkan persekitaran yang positif, mempelajari teknik terapi dan kaedah-kaedah lain untuk mengurus emosi serta menangani stress.

KURSUS MENGENALI DAN MENANGANI STRESS, EMOSI DIRI DAN MASALAH

Penceramah Jemputan :
YBrs. Dr. Ahmad Rostam bin Md Zin
Pakar Psikiatri

5 hingga 6 Jun 2024
(Rabu - Khamis)
9.00 pagi - 4.30 petang

Bilik Pendengaran Aras 11, Menara Usahawan

QR Code:

eaicofficial | www.eaic.gov.my | #IntegritiDijulangNegaraBermaruah

5 dan 6 Jun 2024, Putrajaya - Kursus Mengenal dan Menangani Stress, Emosi Diri dan Masalah bersama penceramah daripada Jabatan Psikiatri & Kesihatan Mental, Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah

KURSUS CHARACTER AND VALUE ENHANCEMENT (CVEC)

Kursus *Character and Value Enhancement* (CVEC) telah diadakan pada 23 hingga 25 Ogos 2024 bertempat di Bayou Lagoon Park Resort, Melaka.

Kursus ini diadakan bertujuan untuk membudayakan individu ke arah kecemerlangan diri dan organisasi, menyeimbangkan jati diri, mental, kerohanian dan kecergasan fizikal untuk meningkatkan tahap profesionalisme diri yang unggul dan untuk membentuk pekerja yang berdaya saing, mempunyai sifat kepimpinan dan berketerampilan, berfikiran kreatif dan inovatif yang mampu menyumbang kepada pembentukan organisasi yang cemerlang. Kursus ini melibatkan pegawai dari Kumpulan Pelaksana.



23 hingga 25 Ogos 2024, Melaka - Peserta Kursus *Character and Value Enhancement* (CVEC) bersama penceramah Pegawai Psikologi daripada Jabatan Perdana Menteri

KURSUS PENGURUSAN TATATERTIB – AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000 [AKTA 605]

Sebagai inisiatif untuk memperkukuhkan pemahaman warga EAIC terhadap aspek tata tertib dan pematuhan perundangan, Kursus Pengurusan Tata tertib – Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 [Akta 605] telah dianjurkan dengan jayanya. Kursus yang diadakan pada 9 Oktober 2024 ini dikendalikan oleh YM Tengku Siliawati Tengku Salim, Perunding Latihan Kanan dari Pusat Pengajian Pengurusan dan Kepimpinan (PPPK), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan yang lebih mendalam mengenai tatakelakuan, pengurusan tata tertib dan hukuman tata tertib yang digariskan dalam Akta 605, serta bagaimana ia dilaksanakan dalam konteks badan-badan berkanun.

Sesi perbincangan turut diadakan yang mana peserta diberi peluang memberi pandangan praktikal berkaitan situasi sebenar dalam pengurusan tata tertib.



9 Oktober 2024, Putrajaya – Peserta Kursus Pengurusan Tata tertib – Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]

TAKLIMAT KESELAMATAN SIBER

EAIC telah menganjurkan sesi taklimat keselamatan siber kepada semua warga EAIC pada 20 November 2024 sebagai langkah untuk meningkatkan lagi kesedaran terhadap keselamatan siber. Sesi taklimat ini juga turut membantu warga EAIC memahami risiko berkaitan dengan penggunaan teknologi dan internet serta memberi pendedahan awal tentang jenis-jenis ancaman siber yang semakin membimbangkan seperti *phishing*, *malware*, dan penipuan dalam talian.

Sesi taklimat ini telah menampilkan penceramah jemputan dari Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan pihak EAIC dalam menangani isu-isu berbangkit berkaitan dengan keselamatan siber.



20 November 2024, Putrajaya - Sesi Taklimat Keselamatan Siber oleh JPM

PROGRAM TRAINING OF TRAINERS : TEMPAT KERJA BEBAS DADAH (TEKAD)

Pada 29 Februari 2024, UI dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah menjalankan Program *Training of Trainers* (TOT): Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) bagi Pegawai Penyelia di EAIC.

Inisiatif untuk melaksanakan Program TOT ini sebagai usaha memastikan pegawai penyelia memahami punca kuasa dan peranan dalam pelaksanaan Program TEKAD yang melibatkan tiga fasa serta komponen dalam Pendidikan Pencegahan Dadah iaitu 7 Langkah Tempat Kerja Bebas Dadah. Selain itu, program ini untuk memberi pengetahuan kepada Pegawai Penyelia berhubung pengurusan risiko, pembentukan polisi dan intervensi. Antara aktiviti yang dijalankan semasa bengkel ini adalah latihan dalam kumpulan berkaitan prosedur pengambilan sampel air kencing.



29 Februari 2024, Putrajaya – Pihak AADK sedang menunjukkan proses pengujian urin kepada pegawai penyelia dalam Program *Training of Trainers* (TOT): Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD)

Penceramah dan latihan sepanjang program ini telah dijayakan bersama pegawai-pegawai daripada Ibu Pejabat AADK.

PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI : CEGAH DADAH DI TEMPAT KERJA

EAIC telah menganjurkan ceramah bertajuk “Cegah Dadah di Tempat Kerja” yang disampaikan oleh Encik Mahadzir Elias dari Cawangan Pendidikan Pencegahan, Bahagian Pencegahan, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Ceramah yang diadakan pada 17 Julai 2024 ini adalah kesinambungan daripada Program *Training of Trainers* (TOT): Tempat Kerja Bebas Dadah yang dianjurkan pada 29 Februari 2024.

Program ini adalah sebagai salah satu agenda dalam memberi pengetahuan dan kesedaran kepada warga EAIC berkaitan bahaya penyalahgunaan dadah dan kepentingan mencegah penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat.

Objektif program adalah untuk memberi pendedahan berkaitan jenis-jenis dadah dan kesan buruk yang bakal dihadapi jika menyalahgunakan dadah. Peserta juga dinasihatkan agar sentiasa peka dengan keadaan rakan sepejabat agar pencegahan boleh dibuat lebih awal. Program ini bertujuan untuk mendidik warga EAIC untuk bersama-sama berganding bahu dengan AADK dalam melakukan perubahan memerangi penyalahgunaan dadah.



17 Julai 2024, Putrajaya – Program Pengukuhan Integriti : Cegah Dadah di Tempat Kerja oleh AADK

SESI BROWN BAG


Sebanyak enam sesi *Brown Bag* telah diadakan secara atas talian melalui aplikasi *Google Meet*. Sesi *Brown Bag* ini merupakan salah satu daripada aktiviti yang telah dirancang dalam Pelan Strategik 2023 - 2027 Bahagian Operasi bagi meningkatkan kompetensi pegawai dan kakitangan EAIC. Topik yang dikongsikan tidak hanya meliputi ilmu-ilmu berkaitan pengurusan aduan dan pengendalian siasatan sahaja tetapi ianya turut meliputi perkongsian pengalaman dan kepakaran pegawai dalam bidang-bidang tertentu.

i. **FOOTBALL HERITAGE vs FOOTBALL COMMERCIALIZATION**

Sesi *Brown Bag* yang pertama telah diadakan pada 29 Januari 2024 bertajuk “*Football Heritage vs Football Commercialization*”. Sesi perkongsian ilmu selama satu jam ini telah disampaikan oleh Cik Norhazirah Mustafa Kamal. Beliau telah berkongsi mengenai bagaimana permainan bola sepak yang dahulunya merupakan satu permainan tradisi yang dibangunkan oleh komuniti setempat telah digantikan dengan konsortium-konsortium yang mengkomersialkan sukan ini sehingga menjadi satu industri yang menjana keuntungan berjuta-juta sekaligus telah mengikis semangat kerjasama komuniti di dalam sukan ini. Pelajaran yang boleh diambil daripada sesi perkongsian ini adalah semangat dan kerjasama komuniti dalam membangunkan sukan setempat wajar dicontohi dan dijadikan pedoman untuk memastikan kemampuan EAIC menangkis anasir luar.



29 Januari 2024, Putrajaya – Penceramah Sesi *Brown Bag* yang pertama bagi tahun 2024, Cik Norhazirah sedang memberikan perkongsian berkenaan *Football Heritage vs Football Commercialization*



29 Januari 2024, Putrajaya - Sebahagian daripada pegawai dan kakitangan EAIC yang menyertai Sesi *Brown Bag*

ii. PERJALANAN BERHENTI MEROKOK

Sesi *Brown Bag* kedua yang bertajuk “Perjalanan Berhenti Merokok” telah diadakan pada 23 Februari 2024 dan telah disampaikan oleh Encik Nathan a/l Krishenan. Sepanjang sesi *Brown Bag* berkenaan, beliau telah berkongsi sebab yang menjadi pencetus kepada tindakan beliau berhenti merokok selepas menjadi perokok selama lebih 15 tahun. Beliau turut berkongsi beberapa tip yang telah diambil bagi memastikan tindakan berhenti merokok ini dapat dikekalkan. Perkongsian ilmu ini amat bermanfaat untuk membantu warga EAIC dalam meninggalkan tabiat merokok dan berhijrah kepada gaya hidup yang lebih sihat.

iii. COLOUR THERAPY: WARNA & PSIKOLOGI DI SEBALIK WARNA

Sesi ketiga *Brown Bag* yang bertajuk “*Colour Therapy: Warna & Psikologi Di Sebalik Warna*” telah diadakan pada 6 Mac 2024 dan telah disampaikan oleh Puan Noor Furzanne Alias. Sepanjang sesi ini, beliau telah berkongsi mengenai kajian bagaimana warna mempengaruhi persepsi, emosi dan tingkah laku manusia. Kajian tersebut juga menunjukkan bagaimana setiap warna mempunyai makna psikologi yang berbeza dan boleh menimbulkan tindak balas emosi serta mental yang unik pada setiap individu. Perkongsian ilmu ini dapat membantu warga EAIC mengaplikasikan ilmu berkenaan warna dan seterusnya mempengaruhi emosi bagi memastikan persekitaran tempat kerja yang selesa dan kondusif untuk melaksanakan tugas yang diberi.

iv. MENUNTUT ILMU DI NEGARA MONARKI

Sesi keempat *Brown Bag* yang bertajuk “Menuntut ilmu di negara monarki” telah diadakan pada 23 April 2024 dan telah disampaikan oleh Puan Ummi Kalthum Ibrahim. Sepanjang sesi *Brown Bag* ini, beliau telah berkongsi pengalaman menjadi pelajar Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana di United Kingdom. Beliau turut menceritakan perbezaan cara pembelajaran di negara tersebut di samping budaya dan cara kerja orang Eropah yang dapat diteladani dan dipraktikkan di Malaysia. Perkongsian ilmu ini membantu warga EAIC untuk mengaplikasikan amalan dan cara kerja yang terbaik di dalam organisasi dan seterusnya menjadikan EAIC sebuah organisasi yang efektif.

v. OPS ARMADA

Sesi kelima *Brown Bag* yang bertajuk “Ops ARMADA” telah diadakan pada 22 Ogos 2024 dan telah disampaikan oleh Encik Muhamad Firdaus Musa. Sepanjang sesi *Brown Bag* berkenaan, beliau telah berkongsi pengalaman menyertai operasi bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menerusi *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) bagi membongkar isu pencerobohan nelayan asing di perairan Malaysia yang telah merugikan sektor perikanan negara kerana melibatkan pendapatan hasil nelayan tempatan dan bekalan sumber protein negara. Beliau turut berkongsi berkenaan hasil siasatan yang mendapati pemilik-pemilik bot nelayan Vietnam yang ditahan telah menggunakan ‘runner’ untuk berunding bagi membenarkan mereka beroperasi secara haram. Perkongsian ilmu ini memberikan pendedahan teknik siasatan yang berkesan kepada warga EAIC dalam menjalankan siasatan ke atas setiap aduan salah laku yang diterima.

vi. PERANCANGAN HIBAH DAN INSURANS HARTA PUSAKA

Sesi *Brown Bag* yang terakhir pada tahun 2024 telah diadakan pada 17 Disember 2024. Perkongsian ilmu dalam sesi ini bertajuk “Perancangan Hibah dan Insurans Harta Pusaka” dan telah disampaikan oleh Puan Zulezah Baharoldin. Sepanjang sesi ini, beliau telah berkongsi saranan kepada pemilik harta untuk membuat perancangan awal dalam melaksanakan hibah dan wasiat sebagai solusi bagi mengelakkan pertikaian dan permasalahan dalam pembahagian harta pusaka. Selain itu, beliau juga menceritakan bagaimana takaful memenuhi keperluan kewangan dan perlindungan dengan cara yang sesuai dengan prinsip-prinsip syariah, sambil memberikan lebih banyak pilihan kepada individu untuk menguruskan harta setelah kematian mereka. Perkongsian ilmu ini memberikan pendedahan kepada warga EAIC untuk membuat pilihan yang tepat dalam pengurusan kewangan selepas kematian dalam memastikan kelestarian kehidupan insan tersayang.

TAKLIMAT KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN EAIC

Berdasarkan Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2021, Unit Integriti bertanggungjawab melaksanakan Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA) kepada kumpulan sasaran di setiap peringkat. Selaras dengan keperluan tersebut, Unit Integriti telah mengadakan Taklimat Kod Etika dan Tatakelakuan EAIC khusus kepada pegawai Personel MySTEP baharu pada 28 Jun 2024.

Taklimat ini telah disampaikan oleh Encik Firdaus Nohhani, Ketua Unit Integriti EAIC, dengan objektif untuk memberi pendedahan mengenai Kod Etika dan Tatakelakuan EAIC serta peraturan kerajaan yang sedang berkuat kuasa. Program ini turut membantu pegawai Personel MySTEP memahami tanggungjawab mematuhi etika kerja dan peraturan organisasi, di samping memperkukuh kefahaman terhadap kepentingan integriti dan profesionalisme dalam melaksanakan tugas harian.



28 Jun 2024, Putrajaya - Taklimat Kod Etika dan Tatakelakuan EAIC khusus kepada pegawai Personel MySTEP baharu

BENGKEL AKTA 700

Seminar berkaitan Akta 700 telah dicadangkan untuk dianjurkan sempena Bengkel Lonjakan Aspirasi dan Penjenamaan Semula EAIC yang diadakan pada 21 hingga 24 Julai 2024. Seminar ini bertujuan membincangkan secara mendalam mengenai fungsi serta kuasa EAIC sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

Sehubungan itu, dalam menjayakan aspirasi tersebut, Bengkel Akta 700 telah dianjurkan pada 21 November 2024 di Hotel Zenith, Putrajaya dengan kehadiran Pesuruhjaya dan Pegawai Undang-undang EAIC dari Bahagian Operasi, Bahagian Dasar Perancangan Strategik, Bahagian Undang-Undang dan Unit Audit Dalam.

Objektif bengkel tersebut adalah untuk:

- (a) memberi pemahaman berkenaan interpretasi peruntukan-peruntukan di bawah Akta 700;
- (b) membincangkan isu-isu pelaksanaan peruntukan-peruntukan berkenaan penyiasatan di bawah Akta 700;
- (c) mendapatkan ketetapan Suruhanjaya berhubung interpretasi dan pelaksanaan peruntukan Akta 700 bagi memudahkan Bahagian Operasi melaksanakan siasatan; dan
- (d) mengenal pasti mana-mana SOP / garis panduan yang perlu ditambah baik dan dikemas kini berdasarkan pemahaman kepada tafsiran peruntukan Akta 700.

Melalui bengkel yang telah dijalankan, pegawai EAIC mempunyai pemahaman yang lebih terperinci tentang pendekatan dan ketetapan yang dipersetujui oleh EAIC berdasarkan peruntukan Akta 700. Pemahaman ini juga akan dapat menjadikan pegawai EAIC melaksanakan tugas mereka dengan lebih berkesan dan efektif.



21 November 2024, Putrajaya - YBhg. Datuk Siti Zainab Omar, Pesuruhjaya EAIC mengetuai perbincangan Bengkel Akta 700



21 November 2024, Putrajaya - Pesuruhjaya dan peserta di sesi perbincangan Bengkel Akta 700

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN JASAMU DIKENANG TAHUN 2023

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Jasamu Dikenang Tahun 2023 telah diadakan pada 3 Julai 2024 bertempat di The Everly Putrajaya. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pengerusi EAIC, YBhg. Tan Sri Dr. Ismail Hj. Bakar. Seramai 6 orang penerima APC dan 15 orang penerima Sijil Penghargaan Perkhidmatan Cemerlang (SPPC) telah dipilih kerana telah menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang tahun 2023 dan sebagai tanda pengiktirafan terhadap perkhidmatan yang bermutu tinggi sebagaimana yang diterjemahkan dalam prestasi tahunan.

Di samping penyampaian APC dan Jasamu Dikenang, majlis turut diserikan lagi dengan penyampaian Sijil Khidmat Setia (SKS) kepada 5 orang pegawai EAIC sebagai tanda penghargaan atas sumbangan serta khidmat selama 10 tahun di EAIC.



3 Julai 2024, Putrajaya – Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023



3 Julai 2024, Putrajaya – Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023



3 Julai 2024, Putrajaya – Penerima Penghargaan Jasamu Dikenang Tahun 2023



3 Julai 2024, Putrajaya – Penerima Sijil Khidmat Setia Tahun 2023

MAJLIS ANUGERAH SIJIL PEMATUHAN SAGA (MASS) 2024

Pada 27 November 2024, bertempat di Wyndham Acmar Hotel Klang, EAIC dengan bangganya menjadi salah satu daripada 14 agensi yang diiktiraf dalam Majlis Anugerah Pematuhan SAGA 2024 anjuran Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Sijil Pematuhan SAGA dianugerahkan bagi mengiktiraf agensi kerajaan yang membangunkan Sistem Aplikasi Perakaunan Dan Kewangan setelah mendapat kelulusan reka bentuk sistem daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) berdasarkan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2018. Bermula dari tahun 2010 hingga kini sebanyak 115 atau 26 peratus daripada 434 agensi kerajaan telah dianugerahkan Sijil Pematuhan SAGA.

Anugerah ini mencerminkan usaha berterusan EAIC untuk mempertingkatkan prinsip tadbir urus yang cemerlang dalam memperkasakan ketelusan dan akauntabiliti kewangan.

Selain itu, penghargaan turut diberikan kepada semua Kementerian selaku Jawatankuasa Pemantau SAGA termasuk Jabatan Perdana Menteri.



27 November 2024, Klang – Penganugerahan Sijil Pematuhan SAGA kepada EAIC. Hadir menerima anugerah, Encik Mohd Hatta Ishak, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan dan Puan Hafizah Hassan, Akauntan



27 November 2024, Klang – 14 agensi yang diiktiraf dalam Majlis Anugerah Pematuhan SAGA 2024 anjuran Jabatan Akauntan Negara Malaysia

PENYERTAAN DAN PENGLIBATAN

PENYERTAAN DALAM MAJLIS SAMBUTAN HARI PEKERJA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024

Majlis Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 telah diadakan pada 1 Mei 2024 bertempat di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya dengan penyertaan seramai 10 warga kerja di pelbagai peringkat kumpulan perkhidmatan dan skim perkhidmatan di EAIC.



1 Mei 2024, Putrajaya - Peserta Majlis Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan Tahun 2024

PENYERTAAN DALAM PERHIMPUNAN MAJLIS SAMBUTAN MAAL HIJRAH PERINGKAT KEBANGSAAN 1446H/2024M

Kontinjen Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) diketuai oleh YBr. Encik Mohd Asnawi Abu Hanipah, Pengarah Bahagian Operasi berserta 40 warga kerja telah menyertai Perhimpunan Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H/2024M bersamaan 1 Muharram 1446H yang berlangsung di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya pada 7 Julai 2024.



7 Julai 2024, Putrajaya – Kontinjen EAIC pada Perhimpunan Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H/2024M

PENYERTAAN DALAM PERTANDINGAN CABARAN “LANGKAH SIHAT PUTRAJAYA 2024”

Satu cabaran Langkah Sihat Putrajaya 2024 telah diadakan dari 20 Ogos 2024 hingga 3 September 2024. EAIC melalui Jabatan Perdana Menteri (JPM) dalam menyahut program KKM bagi mencapai matlamat Putrajaya Sihat Sejahtera di bawah inisiatif Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) menjelang 2030. Tujuan program ini adalah bagi meningkatkan penglibatan penjawat awam dalam aktiviti pembudayaan hidup aktif dan mengamalkan 10,000 langkah setiap hari.

JPM dan 47 Agensi termasuk EAIC telah menyertai pertandingan ini di bawah kategori XL yang melibatkan pertandingan di antara JPM vs KKM dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).



3 September 2024, Putrajaya - Ahli Pasukan *Thunder* EAIC yang menyertai Cabaran Langkah Sihat Putrajaya 2024

Seramai 30 warga EAIC diketuai oleh YBr. Puan Asliza Ali telah menyertai pertandingan ini dengan keputusan keseluruhannya JPM mendapat pingat Emas di bawah kategori XL. Manakala di bawah keputusan keseluruhan agensi di bawah JPM, EAIC telah merangkul tempat ketiga.

PENYERTAAN DALAM PERHIMPUNAN MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT KEBANGSAAN 1446H/2024M

Kontinjen EAIC dengan penyertaan seramai 35 warga kerja telah menyertai Perhimpunan Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H/2024M bersamaan 12 Rabiulawal 1446H yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa (PICC), Putrajaya pada 16 September 2024.



16 September 2024, Putrajaya – Kontinjen EAIC pada Perhimpunan Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H/2024M

PERHIMPUNAN BULANAN EAIC DAN JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI 2024

Perhimpunan bulanan EAIC merupakan aktiviti yang dirangka setiap tiga bulan sekali bertujuan untuk mendapat maklumat terkini mengenai berita semasa, program-program agensi selain memupuk dan menjalinkan hubungan yang erat di kalangan warga kerja di samping mendengar amanat daripada Setiausaha EAIC.

Pada Majlis Perhimpunan Bulanan Bilangan 2 Tahun 2024, turut diadakan jamuan Hari Raya Aidilfitri 2024 bersama warga kerja. Ini bertujuan untuk mengukuhkan perpaduan dan menghayati perayaan pelbagai kaum.

Pada tahun 2024, perhimpunan bulanan telah dianjurkan sebanyak 4 kali seperti maklumat di Jadual 8.

Jadual 8: Perhimpunan Bulanan EAIC Tahun 2024

Bil	Penganjur	Tarikh
1	Bahagian Khidmat Pengurusan	19 Januari 2024
2	Bahagian Operasi	25 April 2024
3	Pejabat Setiausaha Unit Komunikasi Korporat dan Unit Integriti	2 Ogos 2024
4	Bahagian Khidmat Pengurusan	13 Disember 2024



19 Januari 2024, Putrajaya - Perhimpunan Bulanan EAIC Bilangan 1 Tahun 2024



25 April 2024, Putrajaya - Perhimpunan Bulanan EAIC Bilangan 2 Tahun 2024



2 Ogos 2024, Putrajaya - Perhimpunan Bulanan EAIC Bilangan 3 Tahun 2024



13 Disember 2024, Putrajaya - Perhimpunan Bulanan EAIC Bilangan 4 Tahun 2024

PENGURUSAN SISTEM APLIKASI DAN TEKNOLOGI

PERALIHAN KE PERKHIDMATAN MYGOVUC 3.0

Selaras dengan naik taraf perkhidmatan komunikasi bersepadu sektor awam, EAIC turut tidak terkecuali daripada menjalani peralihan perkhidmatan MyGovUC 2.0 kepada MyGovUC 3.0 mulai 14 Februari 2024. Perkhidmatan MyGovUC 3.0 ini merupakan kesinambungan perkhidmatan MyGovUC 2.0 yang diuruskan secara berpusat di Jabatan Digital Negara (JDN) yang menggabungkan saluran-saluran komunikasi seperti e-mel, persidangan video/audio dan *chat*.

EAIC mengaplikasikan penggunaan MyGovUC 3.0 sebagai satu platform perkhidmatan komunikasi ke arah pendigitalan selaras dengan hasrat Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan telekomunikasi yang baik serta menyokong pertumbuhan ekonomi dalam dunia digital. Justeru, *Software as a Service* (SaaS) di dalam perkhidmatan ini meneruskan platform *Google Workspace* (GWS) dan disokong oleh perkhidmatan aplikasi sokongan.

MyGovUC

KOMUNIKASI BERSEPADU



Sistem Emel



Persidangan Dalam Talian



Sistem Pengurusan Mail Relay (SPMR)



Penghantaran Fail Bersaiz Besar



Pengkhabaran Dalam Talian



Perbualan Secara Berkumpulan



Kawalan Dokumen Emel



Portal MyGovUC



Sistem Pengurusan Maklumat Pengguna (SPMP)



Sistem Meja Bantuan (Helpdesk)



Sistem Penghantaran Dokumen Sulit dan Terhad (SPDT)

PENYELENGGARAAN SISTEM PENYELESAIAN ADUAN DAN PENGENDALIAN SIASATAN (SPAPS)

Sistem Penyelesaian Aduan dan Pengendalian Siasatan (SPAPS) telah menjalani tempoh penyelenggaraan selama setahun pada tahun 2024 dan bermula selepas tamat tempoh jaminan sistem sebagai langkah untuk memastikan Sistem SPAPS berfungsi dengan baik dan menyokong operasi penggunaan secara optimum. Sistem ini merupakan sistem yang dibangunkan sebagai saluran aduan secara atas talian atau e-Aduan bagi membolehkan orang awam membuat aduan ke pegawai penguat kuasa dan 21 agensi penguatkuasaan seliaan EAIC. Selain itu, sistem ini juga turut berperanan untuk membantu pegawai siasatan menjalankan pengurusan dan pemprosesan aduan serta siasatan secara dalam talian dengan lebih bersistematik bermula daripada penerimaan aduan sehingga proses aduan/siasatan selesai.

SISTEM PENYELESAIAN ADUAN DAN PENGENDALIAN SIASATAN (SPAPS)



Infografik Sistem penyelesaian Aduan dan Pengendalian Siasatan (SPAPS)

SISTEM PENGURUSAN STOR

Sistem Pengurusan Stor (SPS) merupakan satu sistem aplikasi yang dibangunkan untuk tujuan kawalan dan pemantauan stor bagi semua Kementerian dan Jabatan di Malaysia. Sistem ini dibangunkan mengikut kaedah kawalan pengurusan aset dan stor yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia.

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan stor EAIC agar lebih efisien, SPS telah diguna pakai di EAIC mulai 17 Januari 2024 melalui perkongsian pintar bersama pihak Kementerian Kewangan (MOF). Penggunaan sistem ini merupakan satu inisiatif yang diambil oleh EAIC bagi memperkemaskan lagi pengurusan stor sedia ada memandangkan EAIC mengguna pakai sepenuhnya Pekeliling Perbendaharaan Am 6.1 (Tatacara Pengurusan Stor kerajaan) yang dikeluarkan oleh MOF.



Sistem Pengurusan Stor (SPS) EAIC

PELANCARAN SISTEM ADUAN KEROSAKAN ICT

Sistem Aduan Kerosakan ICT secara rasminya telah dilancarkan pada 13 Disember 2024 di dalam Sesi Perhimpunan Bulanan EAIC Bilangan 4 Tahun 2024. Sistem Aduan Kerosakan ICT ini telah menjalani proses naik taraf secara dalaman oleh Seksyen Teknologi Maklumat, BKP melalui penambahbaikan kepada proses aliran pengagihan tugas yang lebih teratur kepada Juruteknik Komputer dalam memberikan khidmat teknikal terhadap permasalahan yang dihadapi oleh warga EAIC.

Selain itu, penambahbaikan ini juga turut merangkumi proses penjaanaan pelaporan aduan kerosakan ICT yang lebih komprehensif untuk rujukan dan pemantauan. Pembangunan sistem secara dalaman ini juga sedikit sebanyak dapat membantu EAIC menjimatkan perbelanjaan dan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada pembekal luar.



Sesi Pengujian Penerimaan Pengguna (UAT)
Sistem Aduan Kerosakan ICT



13 Disember 2024, Putrajaya - Pelancaran Sistem Aduan Kerosakan ICT oleh YBrs. Puan Asliza Ali, Setiausaha EAIC di Perhimpunan Bulanan Bilangan 4 Tahun 2024

PENGAUDITAN DAN NAZIRAN

Bagi memastikan pengurusan kewangan dan operasi yang dilaksanakan oleh EAIC telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa, agar sumber yang diperolehi digunakan secara berhemah, cekap dan berkesan dalam mencapai matlamat penubuhan EAIC.

PENGAUDITAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994

EAIC telah menerima naziran pasukan audit daripada Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP), Wilayah Persekutuan Putrajaya bagi melaksanakan pengauditan ke atas sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514]. Tujuan audit ini dilaksanakan untuk mengenal pasti tahap pematuhan dan juga pelaksanaan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sektor perkhidmatan awam secara amnya dan di EAIC khususnya.

Mesyuarat Pembukaan Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) ini telah dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan pada 29 Ogos 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Pesuruhjaya, Aras 11, Bangunan Menara Usahawan. Pasukan Juruaudit Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia ini diketuai oleh Encik Zaidi Md Zain, Puan Nurhana Mohd Chulan dan Encik Mohd Hairul Ismail.

PENUBUHAN JAWATANKUASA AUDIT EAIC

Mesyuarat Suruhanjaya Bilangan 9 Tahun 2024 yang bersidang pada 15 Oktober 2024 telah bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Audit EAIC dan keanggotaan jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut;

Bil	Nama	Jawatan
1.	YBhg. Datuk Dr Mohd Gazali Abas	Pengerusi
2.	YBhg. Datuk Seri Dr Yusof Ismail	Ahli
3.	YBhg. Dato' Seri Dr Razali Ab Malik	Ahli

Jawatankuasa ini berperanan memastikan pelaksanaan pengauditan UAD EAIC dapat dilaksanakan dengan berkesan dengan mengambil kira aspek semak dan imbang (*check and balance*), sebuah Jawatankuasa Audit EAIC hendaklah ditubuhkan bagi membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh UAD EAIC dan Jabatan Audit Negara serta memastikan tindakan pembetulan dan penambahbaikan dapat diambil oleh pihak pengurusan agar sebarang kelemahan (*shortfalls*) yang dikenal pasti tidak berulang.



29 Ogos 2024, Putrajaya - Naziran Pasukan Audit daripada JKKP Wilayah Persekutuan Putrajaya

MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT EAIC

Mesyuarat Jawatankuasa Audit EAIC Bilangan 1 Tahun 2024 yang bersidang pada 5 Disember 2024 telah meluluskan Rancangan Audit Tahunan (RAT) 2025 seperti Jadual 9: Rancangan Audit Tahun 2025 untuk dilaksanakan oleh UAD EAIC pada tahun 2025.

Jadual 9: Rancangan Audit Tahun 2025

BIL	AKTIVITI	TUJUAN	BAHAGIAN TERLIBAT	JADUAL PELAKSANAAN
1.	Audit Susulan terhadap laporan pengurusan kewangan dan penyata kewangan	Dijalankan untuk menentusahkan semua pemerhatian Audit yang dibangkitkan dalam Laporan Bahagian Audit Dalam, Jabatan Perdana Menteri dan Laporan Ketua Audit Negara telah diambil tindakan pembetulan dan teguran terhadap isu/perkara yang sama tidak diulangi oleh EAIC.	Bahagian Khidmat Pengurusan	Januari
2.	Pemeriksaan Mengejut Arahkan Perbendaharaan (AP 309)	Ketua Jabatan hendaklah mengadakan pemeriksaan mengejut secara berkala dan tidak kurang dari sekali dalam tempoh enam bulan, tidak kira bulan apa yang dipilih dan seterusnya sekali lagi dalam tempoh enam bulan dari tarikh terakhir pemeriksaan itu dijalankan ke atas setiap peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas lain yang menyimpan wang dalam jagaan seseorang pegawai dalam Kementerian/Jabatan.	Seksyen Kewangan	Januari
3.	Pengauditan Prestasi Bahagian/ Seksyen/Unit	Penilaian secara menyeluruh terhadap program/aktiviti, dan sumber organisasi telah digunakan secara cekap, berkesan dan ekonomik serta mencapai objektif yang ditetapkan.	Semua Bahagian/ Seksyen/Unit	Januari - Mac
4.	Pengauditan Pengurusan Aset dan Stor	Memastikan pengurusan aset dan stor merangkumi perolehan, penggunaan penyimpanan dan pelupusan hendaklah diurus secara cekap, teratur dan berhemah selaras peraturan kewangan. Aset dan stor yang diperoleh untuk kegunaan pejabat juga perlu direkod dikawal dan dipantau dengan sempurna. Rekod berkaitan perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.	Seksyen Pentadbiran	April - Mei

BIL	AKTIVITI	TUJUAN	BAHAGIAN TERLIBAT	JADUAL PELAKSANAAN
5.	Audit ICT	Dijalankan untuk meningkatkan lagi kualiti pengurusan ICT dengan memastikan kawalan dalaman, pematuhan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan serta memastikan Jabatan penyenggara dan mengemas kini rekod-rekod pengurusan ICT dengan teratur.	Seksyen Teknologi Maklumat	Mei
6.	Kawalan Pengurusan Struktur Organisasi Sistem dan Prosedur Jawatankuasa Kewangan dan Unit Audit Dalam Sistem Perakaunan Berkomputer	Kawalan Pengurusan merupakan kawalan utama dan menyeluruh oleh pihak pengurusan untuk memastikan pengurusan kewangan Badan Berkanun Persekutuan dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Mekanisme Kawalan Pengurusan meliputi struktur organisasi, sistem dan prosedur yang diwujudkan, keberkesanan jawatankuasa dan Unit Audit Dalam yang ditubuhkan serta pengurusan sumber manusia. Pihak Pengurusan perlu memastikan pengurusan kewangan diurus dengan baik melalui sistem dan prosedur yang teratur, kawalan dalaman dan pemantauan yang berkesan.	Bahagian Khidmat Pengurusan	Jun - Ogos
7.	Pengurusan Perolehan <ul style="list-style-type: none"> • Kawalan Am Perolehan • Kaedah Perolehan 	Pengurusan Perolehan meliputi kawalan am perolehan, kaedah perolehan dan pengurusan kontrak bagi menentukan sama ada pengurusan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan. Semakan juga dibuat terhadap kaedah perolehan iaitu pembelian terus, pengurusan sebut harga, pengurusan tender, rundingan terus dan pengurusan kontrak.	Seksyen Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan	September -November
8.	Laporan Tahunan Audit Dalam Tahun 2025	Laporan Tahunan Audit Dalam Tahun 2025 dikemukakan kepada Setiausaha/ Ketua Pegawai Eksekutif dan Jawatankuasa Audit untuk kelulusan.	Unit Audit Dalam	November - Disember



5 Disember 2024, Putrajaya – Mesyuarat Jawatankuasa Audit EAIC Bilangan 1 Tahun 2024 dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr Mohd Gazali Abas sebagai Pengerusi dan dianggotai oleh YBhg. Datuk Seri Dr Yusof Ismail dan YBhg. Dato' Seri Dr Razali Ab Malik

KONSULTASI BERSAMA BAHAGIAN AUDIT DALAM JABATAN PERDANA MENTERI

Sesi konsultasi UAD EAIC bersama Bahagian Audit Dalam (BAD) Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah diadakan pada 26 November 2024 di Aras 6, Bahagian Audit Dalam, Jabatan Perdana Menteri, Kompleks Setia Perdana, Putrajaya. Tujuan konsultasi ini diadakan bagi mendapatkan pandangan dan saranan JPM berkaitan fungsi dan peranan sesebuah Unit Audit Dalam yang ditubuhkan semula selaku jabatan yang pernah menjalankan pengauditan di EAIC pada tahun 2022 dan 2023.



26 November 2024, Putrajaya - Konsultasi antara BAD JPM dan UAD EAIC yang dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Azman Mahmood, Setiausaha Bahagian BAD JPM

LENSA 2024

5



10 Januari 2024 - Sesi Konsultasi Bersama Dengan Jawatankuasa Kajian Berkaitan APMM dan DOF Dalam Melaksanakan Penguatkuasaan Akta 317 di Perairan Negara (Siri II)



23 Januari 2024 - Lawatan Ahli Jawatankuasa Kajian Berkaitan APMM dan DOF dalam Melaksanakan Penguatkuasaan Akta Perikanan 1985 [Akta 317] di Perairan Negara, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ke Jabatan Laut Malaysia



24 Januari 2024 - Hari Terbuka Buku Rekod Perkhidmatan Kerajaan Tahun 2023



5 Februari 2024 - Sesi Latihan Pengguna Digital Document Management System (DDMS) Siri II



26 Februari 2024 - Taklimat Pelaksanaan Akta 711



27 dan 28 Februari 2024 - Kursus Pengurusan Elaun dan Kemudahan Sektor Awam



24 Mac 2024 – Peserta menunaikan solat subuh di Program Ihya dan ERAT Ramadan bersama #GENGSUBUHMAMACAMJUMAAT



1 April 2024 - Temu bual Akhbar New Straits Times bersama YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar, Pengerusi EAIC



24 April 2024 - Sesi Libat Urus Pelabuhan Tanjung Bruas, Melaka



25 April 2024 - Perhimpunan Bulanan EAIC Bilangan 2/2024



13 Mei 2024 - Kursus Prosiding Tatatertib di Bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [PUA 395]



23 Mei 2024 - Kunjungan Hormat YBhg. Dato' Haji Adnan Hussain, Ketua Pengarah Perikanan ke EAIC



24 Mei 2024 - Lawatan Kolej SEGI (KL)



28 Mei 2024 - Sesi Libat Urus Pelabuhan Pulau Pinang




29 Mei 2024 - Sesi Libat Urus Terminal Kargo Udara Lapangan Terbang Antarabangsa, Pulau Pinang



13 Jun 2024 - Mesyuarat Koordinasi EAIC bersama Agensi Penguatkuasaan Seliaan Bilangan 1/2024



14 Jun 2024 - Wawancara YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj Bakar, Pengerusi EAIC bersama Ruang Bicara, BERNAMA TV



25 Jun 2024 - Operasi Bersepadu AJK Kajian Berkaitan Pengawasan, Pemantauan dan Penguatkuasaan EAIC dalam Menangani Masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Malaysia bersama JIM dan JTK di Rawang, Selangor



25 Jun 2024 - Sesi Libat Urus Teluk Sepangar dan Pelabuhan Kota Kinabalu, Sabah



26 Jun 2024 - Sesi Libat Urus Terminal Kargo Udara Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu



28 hingga 30 Jun 2024 - Kursus Pemantapan Kompetensi Bahagian Operasi EAIC Siri 2 Tahun 2024



17 Julai 2024 – Temu bual akhbar Utusan Malaysia bersama YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar, Pengerusi EAIC



17 Julai 2024 - Penguatan Integriti: Cegah Dadah di Tempat Kerja



21 hingga 24 Julai 2024 - Bengkel Lonjakan Aspirasi dan Penjenamaan Semula EAIC



21 Julai 2024 - Mesyuarat Suruhanjaya Bilangan 6/2024



29 Julai 2024 - Temu Bual BERNAMA bersama YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj Bakar, Pengerusi EAIC



30 Julai 2024 - Kajian Lapangan AJK Kajian Berkaitan Pengawalan, Pemantauan dan Penguatkuasaan EAIC dalam Menangani Masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Malaysia ke Depot Imigresen Semenyih atau Pusat Tahanan Imigresen (PATI) Semenyih



2 Ogos 2024 - Perhimpunan Bulanan EAIC Bilangan 3/2024



20 Ogos 2024 - Sesi Libat Urus Pelabuhan Pasir Gudang, Johor



21 Ogos 2024 - Sesi Libat Urus Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor



22 Ogos 2024 - Sesi Libat Urus Terminal Kargo Udara, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor



9 September 2024 - Mesyuarat Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Khas Mengenai Penamatan Demi Kepentingan Awam Menurut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 P.U. (A) 395/1993 Membabitkan EAIC



11 dan 12 September 2024 - Kursus Wacana Profesional Berimpak Tinggi (Kertas Cadangan dan Laporan)



18 September 2024 – Temu bual akhbar Sinar Harian bersama
YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar, Pengerusi EAIC



25 September 2024 - Sesi Libat Urus Terminal Kargo Udara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 1 dan 2



30 September 2024 - Taklimat Fungsi Penguatkuasaan KPDN berkaitan Garis Panduan Geran Kajian Perdagangan



8 Oktober 2024 - Sesi Libat Urus Pelabuhan Klang dan Port Klang Free Zone, Selangor



17 Oktober 2024 - Perjumpaan YBhg, Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar, Pengerusi EAIC bersama YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Ketua Pengarah JAS



23 Oktober 2024 - YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar, Pengerusi EAIC mengadakan perjumpaan bersama YBrs. Tuan Ir. Hj Mohd Hatta Zakaria, Ketua Pengarah JKKP



28 Oktober 2024 - YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar, Pengerusi EAIC mengadakan perjumpaan bersama YBhg. Datuk Yahya Sulaiman, Ketua Pengarah RELA



6 November 2024 - Sesi Libat Urus Terminal Senari dan Pending, Pelabuhan Kuching, Sarawak



7 November 2024 - Sesi Libat Urus Terminal Kargo Udara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak



8 November 2024 – Pengerusi EAIC mengadakan perjumpaan bersama Puan Cornelia Wong Chui, Pengarah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak



8 November 2024 – YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar, Pengerusi EAIC mengadakan kunjungan hormat ke atas YBhg. Dato' Sri Abdul Ghafur Shariff, Ketua Ombudsman Sarawak



19 November 2024 - Sesi Perbincangan dan Taklimat oleh JTKSM Berkaitan
Tatacara Pengendalian Piawai Kes Buruh



20 November 2024 - Taklimat Keselamatan Siber



20 November 2024 - YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar, Pengerusi EAIC mengadakan perjumpaan bersama YBhg. Dato' Abdul Kadir Abu Hashim, Ketua Pengarah PERHILITAN



21 November 2024 - Bengkel Akta 700 Siri 1



27 November 2024 - Latihan Penggunaan Microsoft Power Point (Intermediate)



2 Disember 2024 – Temu bual akhbar Harian Metro bersama YBhg. Tan Sri Dr Ismail Hj. Bakar, Pengerusi EAIC



3 Disember 2024 - Program Bicara Pengukuhan Integriti: PU Amin ketika menyampaikan Ceramah Integriti Itu Kuasa



11 Disember 2024 - Kursus Cendekia Bahasa



13 Disember 2024 - Perhimpunan Bulanan EAIC Bilangan 4/2024



13 Disember 2024 - Lawatan Kerja Unit Integriti Syarikat Air Perlis (SAP) ke EAIC

**ANALISIS PRESTASI
DAN PENYATA KEWANGAN**

6

ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Selaras dengan peruntukan seksyen 46 Akta 700, kerajaan perlu memperuntukkan dana yang mencukupi secara tahunan bagi membolehkan EAIC menunaikan fungsinya secara efektif dan berkesan.

Pada tahun 2024, Kementerian Kewangan (MOF) telah meluluskan geran peruntukan mengurus EAIC berjumlah **RM9,150,000.00**. Walau bagaimanapun, peruntukan yang telah disalurkan hanya berjumlah RM6,875,000.00 berikutan tiada penyaluran bagi suku tahun ketiga. Kurangan peruntukan geran yang diterima adalah sebanyak RM2,109,000.00 atau 23% berbanding tahun 2023 (**2024: RM6,875,000.00; 2023: RM8,984,000.00**). Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan EAIC pada tahun 2024 adalah sebanyak 134% berbanding peruntukan yang telah disalurkan oleh MOF melalui Jabatan Perdana Menteri (JPM) (**Perbelanjaan Sebenar 2024: RM9,208,822.00**).

Penyaluran peruntukan pada suku tahun ketiga tahun 2024 tidak disalurkan berikutan dengan prestasi aliran tunai EAIC dilihat berada dalam keadaan stabil dengan lebih terkumpul yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan pengoperasian EAIC sepanjang tahun 2024. Sehubungan itu, EAIC telah memanfaatkan lebih terkumpul dari tahun sebelum ini bagi menampung keperluan perbelanjaan sepanjang tahun 2024.

Berdasarkan prestasi perbelanjaan tahun 2024, EAIC telah mengoptimumkan perbelanjaan secara menyeluruh melalui penyusunan dan penilaian semula program/aktiviti mengikut keutamaan yang memberi impak berdasarkan misi, visi dan objektif EAIC.

Pada masa yang sama, penerapan perbelanjaan berhemah turut dilaksanakan oleh EAIC sejajar dengan Pekeliling Perbendaharaan

PB3.1- Garis Panduan Kawalan Perbelanjaan (Kemaskini 2024) yang menyarankan agar semua Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Badan Berkanun Persekutuan/ Syarikat Kerajaan/ CLBG hendaklah mengambil langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan selaras dengan prinsip-prinsip dan peraturan kewangan yang dikeluarkan oleh MOF dari semasa ke semasa.

Selain itu, pemantauan perbelanjaan EAIC dibuat melalui pelaporan prestasi kewangan secara bulanan dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) yang diadakan pada setiap suku tahun dan dipengerusikan oleh Setiausaha.

Perincian penyaluran Geran Peruntukan Mengurus EAIC Tahun 2024 pada setiap suku tahun adalah seperti yang berikut:

Jadual 10: Penyaluran Geran Peruntukan Mengurus EAIC Tahun 2024

BIL	TEMPOH PENYALURAN PERUNTUKAN	TARIKH TERIMA PERUNTUKAN	JUMLAH (RM)
1.	Suku Tahun Pertama (Januari-Mac)	05.01.2024	2,287,500.00
2.	Suku Tahun Kedua (April-Jun)	22.04.2024	2,287,500.00
3.	Suku Tahun Ketiga (Julai-September)	-	-
4.	Suku Tahun Keempat (Oktober-Disember)	03.10.2024	2,300,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			6,875,000.00

Selain daripada geran yang disalurkan oleh Kerajaan sebanyak RM6,875,000.00, EAIC turut memperoleh pendapatan berjumlah RM81,106.00 daripada sumber lain yang merangkumi faedah simpanan tetap, faedah daripada akaun semasa, hasil pelupusan aset dan *Liquidated Ascertained Damages* (LAD).

Perincian Perbelanjaan EAIC Bagi Tahun 2024 mengikut pecahan item perbelanjaan adalah seperti yang berikut:

Jadual 11 : Perbelanjaan EAIC Bagi Tahun 2024

BIL	ITEM PERBELANJAAN	JUMLAH (RM)
1	Emolumen	5,656,615.00
2	Perkhidmatan dan Bekalan	3,081,792.00
3	Aset	420,553.00
4	Perbelanjaan Lain	49,862.00
	JUMLAH KESELURUHAN	9,208,822.00

<p style="text-align: center;">Emolumen</p> <p>Perbelanjaan bagi emolumen merangkumi gaji dan upahan, elaun tetap, sumbangan berkanun, elaun lebih masa, faedah kewangan yang lain dan bantuan kewangan bagi 76 daripada 78 pejawatan yang diisi sepenuhnya bagi tahun 2024</p>	<p style="text-align: center;">Perkhidmatan dan Bekalan</p> <p>Perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan meliputi perjalanan dan sara hidup, perhubungan dan utiiti, sewaan, makan dan minum mesyuarat, bekalan, penyelenggaraan dan perkhidmatan ikhtisas</p>
<p style="text-align: center;">Aset</p> <p>Perbelanjaan aset bagi tahun 2024 merangkumi pembelian peralatan pejabat dan kenderaan Jabatan yang dibeli untuk menggantikan kenderaan Jabatan yang perlu dilupuskan</p>	<p style="text-align: center;">Perbelanjaan Lain</p> <p>Perbelanjaan lain bagi tahun 2024 adalah bayaran anggaran cukai pendapatan hasil daripada penjanaaan pendapatan yang diperoleh daripada Simpanan Tetap tahun 2024, perbelanjaan perkhidmatan insurans dan cukai jalan kenderaan rasmi EAIC dan kerugian bagi pelupusan aset EAIC</p>

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

EAIC telah memperoleh Sijil Audit Bersih tanpa teguran dari Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM) pada 4 Mei 2025. Sijil Audit Bersih Tanpa teguran ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan EAIC pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta 700.

Berdasarkan Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Kewangan 31 Disember 2024, EAIC memperoleh kurangan sebanyak RM2,174,456.00. Kurangan ini dicatatkan oleh jumlah pendapatan yang diterima EAIC sebanyak RM6,956,106.00.00 ditolak dengan jumlah perbelanjaan RM9,117,289.00 serta cukai pendapatan RM13,273.00 yang telah dibayar pada tahun 2024.


Kedudukan kewangan EAIC pada tahun 2024 berada pada prestasi yang baik berdasarkan kepada nisbah semasa kewangan (6:1). Nisbah ini menunjukkan bahawa EAIC mempunyai aset cair yang mencukupi untuk menjalankan operasi dengan lancar serta mampu memenuhi semua obligasi kewangan yang sedia ada.

Jadual 12: Analisis Prestasi Kewangan EAIC Tahun 2022 hingga 2024


PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER	2022	2023	2024
	RM	RM	RM
PENDAPATAN			
Geran Kerajaan	7,025,000	8,984,000	6,875,000
PENDAPATAN LAIN			
Faedah Diterima	83,334	101,807	15,518
Pendapatan kendalian yang lain	8,553	27,238	65,588
JUMLAH PENDAPATAN	7,116,887	9,113,045	6,956,106
BELANJA OPERASI			
Kos Kakitangan	5,146,408	5,630,025	5,626,161
Pentadbiran dan Pengurusan	2,409,563	2,662,683	3,138,991
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	212,345	291,959	350,893
Kos Kewangan	1,144	1,185	1,244
JUMLAH PERBELANJAAN	7,769,460	8,585,852	9,117,289
CUKAI	11,276	30,843	13,273
LEBIHAN/ (KURANGAN) TAHUN SEMASA	(663,849)	496,350	(2,174,456)

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER	2022	2023	2024
	RM	RM	RM
ASET			
Hartanah, Loji dan Peralatan	280,650	253,225	595,806
Aset Tak Ketara	304,796	448,035	181,903
Kerja Dalam Kemajuan	128,856	-	18,438
ASET SEMASA	5,384,420	6,099,412	4,245,416
Pembayaran Terdahulu	8,500	8,500	8,500
Tunai dan Baki Bank	1,375,920	6,090,912	2,236,351
Simpanan Tetap	4,000,000	-	2,000,000
Cukai Boleh Pulih	-	-	565
LIABILITI SEMASA	145,031	276,939	700,893
Pelbagai pemiutang dan akruan	145,031	276,939	700,893
LIABILITI BUKAN SEMASA	207,043	280,735	272,128
Peruntukan Manfaat Pekerja	207,043	280,735	272,128
ASET BERSIH	5,746,648	6,242,998	4,068,542
DIBIYAI OLEH:			
Lebihan Berkumpul	5,746,648	6,242,998	4,068,542
JUMLAH ASET BERSIH/EKUITI	5,746,648	6,242,998	4,068,542


BIL	NISBAH KEWANGAN	2022	2023	2024
1.	Nisbah Semasa	37.13	22.02	6.06
2.	Nisbah Tunai	37.07	21.99	6.04
3.	Nisbah Operasi	1.09	0.95	1.31
4.	Pusing Ganti Aset Tetap	12.16	13.00	8.94
5.	Pusing Ganti Aset	1.19	1.34	1.39

GERAN PERUNTUKAN PERBELANJAAN
MENGURUS 2022-2024


LEBIHAN / (KURANGAN)



PERBELANJAAN OPERASI



ASET TETAP



**SIJIL
KETUA AUDIT NEGARA**

7



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 63] untuk mengaudit Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 25.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Pesuruhjaya, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pesuruhjaya Terhadap Penyata Kewangan

Pesuruhjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700]. Pesuruhjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, Pesuruhjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pesuruhjaya;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pesuruhjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Pesuruhjaya telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Pesuruhjaya, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATO' SERI WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
4 MEI 2025





**PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Pesuruhjaya

Kami, **Tan Sri Dr. Ismail Bin Hj. Bakar** dan **Datuk Dr. Prasad Sandosham Abraham** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Pesuruhjaya **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Pesuruhjaya, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN** yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN** pada 31 Disember 2024 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Pesuruhjaya,

Bagi pihak Pesuruhjaya,

NAMA: TAN SRI DR. ISMAIL BIN HJ. BAKAR

NAMA: DATUK DR. PRASAD SANDOSHAM
ABRAHAM

GELARAN: PENERUSI

GELARAN: TIMBALAN PENERUSI

TARIKH: 5 MAC 2025

TARIKH: 5 MAC 2025

TEMPAT: PUTRAJAYA

TEMPAT: PUTRAJAYA



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**

Saya, **Asliza Binti Ali** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN** dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)

Diakui oleh penama di atas)

Di **PUTRAJAYA**)

pada **5 MAC 2025**

Asliza

Di hadapan saya,





SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUKATKUASAAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2024

	Nota	2024 RM	2023 RM
ASET			
Aset Semasa			
Tunai dan Kesetaraan Tunai	6	4,236,351	6,090,912
Bayaran Terdahulu	7	8,500	8,500
Cukai Boleh Pulih		565	-
Jumlah Aset Semasa		4,245,416	6,099,412
Aset Bukan Semasa			
Hartanah, Loji dan Peralatan	8	595,806	253,225
Aset Tak Ketara	9	181,903	448,035
Kerja Dalam Kemajuan	10	18,438	-
Jumlah Aset Bukan Semasa		796,147	701,260
Jumlah Aset		5,041,563	6,800,672
LIABILITI			
Liabiliti Semasa			
Akaun Belum Bayar	11	700,893	276,939
Jumlah Liabiliti Semasa		700,893	276,939
Liabiliti Bukan Semasa			
Peruntukan Manfaat Pekerja	12	272,128	280,735
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		272,128	280,735
Jumlah Liabiliti		973,021	557,674
Aset Bersih		4,068,542	6,242,998
ASET BERSIH/EKUITI			
Lebihan Berkumpul		4,068,542	6,242,998
Jumlah Aset Bersih/Ekuiti		4,068,542	6,242,998



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	Nota	2024 RM	2023 RM
Hasil			
Urus Niaga Bukan Pertukaran	13	6,875,000	8,984,000
Lain-Lain Hasil	14	81,106	129,045
Jumlah Hasil		6,956,106	9,113,045
Belanja			
Kos Kakitangan	15	(5,626,161)	(5,630,025)
Pentadbiran dan Pengurusan	16	(3,140,235)	(2,663,868)
Susutnilai dan Pelunasan Aset Semasa		(350,893)	(291,959)
Jumlah Belanja		(9,117,289)	(8,585,852)
(Kurangan)/LebihanSebelum Cukai		(2,161,183)	527,193
Cukai	17	(13,273)	(30,843)
(Kurangan)/LebihanBersih Bagi Tahun		(2,174,456)	496,350



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

**PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	Lebihan Terkumpul RM
Baki pada 1 Januari 2023	5,746,648
Lebihan bersih tahun semasa	<u>496,350</u>
Baki pada 31 Disember 2023	<u>6,242,998</u>
Baki pada 1 Januari 2024	6,242,998
Kurangan bersih tahun semasa	<u>(2,174,456)</u>
Baki pada 31 Disember 2024	<u>4,068,542</u>



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	2024 RM	2023 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
(Kurangan)/Lebih Bersih	(2,174,456)	496,350
Pelarasan untuk:		
Susutnilai/Pelunasan Aset Semasa	350,893	291,959
Kerugian Atas Pelupusan Aset dan Hapuskira	7	75
Keuntungan Simpanan Tetap	(9,370)	(98,308)
(Kerugian)/Keuntungan Operasi sebelum Perubahan Modal Kerja	(1,832,926)	690,076
(Pertambahan)/Kurangan Pembayaran Terdahulu	(565)	-
Pertambahan Pelbagai Pemiutang	415,347	205,600
Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi	414,782	895,676
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian dan Pertambahan Hartanah, Loji dan Peralatan	(427,353)	(46,763)
Terimaan Penjualan Hartanah, Loji dan Peralatan	4	1
Pembelian dan Pertambahan Aset Tak Ketara	-	(361,086)
Kerja Dalam Kemajuan	(18,438)	128,856
Keuntungan Simpanan Tetap	9,370	98,308
Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Pelaburan	(436,417)	(180,684)
(Pengurangan)/Pertambahan Bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai	(1,854,561)	714,992
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tempoh	6,090,912	5,375,920
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tempoh	4,236,351	6,090,912
Terdiri daripada:		
Tunai dan Baki Di Bank	2,236,351	6,090,912
Simpanan Tetap	2,000,000	-
	4,236,351	6,090,912



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUKATKUASAAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

**PENYATA PRESTASI BAJET
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	JUMLAH BAJET YANG DILULUSKAN MOF		JUMLAH SEBENAR 2024	PERBEZAAN
	ASAL RM	AKHIR RM	RM	RM
HASIL				
Geran Peruntukan	9,150,000	6,875,000	6,875,000	-
Lain-Lain Hasil	80,000	80,000	81,106	1,106
JUMLAH HASIL	9,230,000	6,955,000	6,956,106	1,106
PERBELANJAAN				
Emolumen	5,871,301	5,871,301	5,656,615	(214,686)
Perkhidmatan & Bekalan	3,215,699	973,699	3,081,792	2,108,093
Pemilikan Harta Modal	-	-	420,553	420,553
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	33,000	-	-	-
Perbelanjaan Lain	30,000	30,000	49,862	19,862
JUMLAH PERBELANJAAN	9,150,000	6,875,000	9,208,822	2,333,822
LEBIHAN/(KURANGAN)	80,000	80,000	(2,252,716)	(2,332,716)

Nota: EAIC telah menggunakan lebih terkumpul sedia ada bagi menampung kurangan tahun 2024.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUKUASAAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

1. MAKLUMAT UMUM

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] berkuat kuasa mulai 1 April 2011. Aktiviti utama EAIC adalah seperti yang berikut:

- Menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguat kuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan secara amnya dan menyiasat serta mengadakan pendengaran mengenai aduan sedemikian;
- Merumuskan dan mengadakan mekanisme bagi mengesan, menyiasat dan mencegah salah laku oleh seseorang pegawai penguat kuasa;
- Melindungi kepentingan orang ramai dengan mencegah dan menangani salah laku oleh seseorang pegawai penguat kuasa;
- Mengadakan pengauditan dan pemantauan mengenai aspek tertentu operasi dan tatacara sesuatu agensi penguatkuasaan;
- Menggalakkan kesedaran tentang, penambahbaikan mengenai, dan pendidikan berhubung dengan, integriti di dalam sesuatu agensi penguatkuasaan dan mengurangkan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa;
- Membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan, atau mengesyorkan langkah pentadbiran kepada Kerajaan atau sesuatu agensi penguatkuasaan demi menggalakkan integriti dan menghapuskan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa;
- Mengkaji dan menentusahkan apa-apa pelanggaran tatacara penguatkuasaan dan membuat apa-apa syor yang perlu berhubung dengannya; dan
- Membuat lawatan ke premis sesuatu agensi penguatkuasaan, termasuk lokap mengikut tatacara di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dan membuat apa-apa syor yang perlu yang berhubung dengannya.

Alamat berdaftar dan pejabat operasi EAIC adalah Aras 5 Blok Menara, Bangunan Menara Usahawan, No. 18 Persiaran Perdana Presint 2, 62652 Putrajaya.

Penyata Kewangan EAIC dinyatakan dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM).

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 yang belum diaudit telah dibentang untuk makluman awal di Mesyuarat Jawatankuasa Audit Khas Bilangan 1 Tahun 2025 pada 19 Februari 2025 dan seterusnya memperakukan untuk kelulusan Mesyuarat Suruhanjaya Bilangan 3 Tahun 2025 yang diperolehi pada 5 Mac 2025.



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

2. PEMATUHAN TERHADAP STANDARD PELAPORAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan EAIC telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

3. ASAS PERAKAUNAN

Penyata Kewangan ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi nilai saksama.

Pihak pengurusan perlu menggunakan pertimbangan, anggapan dan anggaran untuk menilai dan melaporkan jumlah aset dan liabiliti pada akhir tahun semasa serta melaporkan jumlah pendapatan dan perbelanjaan pada tahun semasa.

Pertimbangan dan anggaran digunakan di dalam penilaian mungkin akan menyebabkan keputusan sebenar tidak selari dengan jumlah yang dilaporkan.

4. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

4.1. Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

Jika sesuatu aset diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa. Pembelian harta modal yang berharga RM2,000 dan ke atas bagi setiap unit akan dipermodalkan.

Nilai dibawa bagi item Hartanah, Loji dan Peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf Hartanah, Loji dan Peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan dikira mengikut kaedah garis lurus berdasarkan jangkaan hayat aset berkenaan dan dikenakan kepada kumpulan masing-masing.

Kadar utama susut nilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

	Peratus (%)	Jangka Hayat (Tahun)
Kenderaan	20	5 Tahun
Peralatan Pejabat	20	5 Tahun
Perabot dan Kelengkapan	20	5 Tahun
Peralatan Komputer	20	5 Tahun
Peralatan Keselamatan	20	5 Tahun

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susut nilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

4.2. Aset Tak Ketara

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang dikaitkan dengan aset akan mengalir kepada EAIC, kos atau nilai aset boleh diukur dengan pasti dan aset tak ketara mengakibatkan daripada perbelanjaan yang melibatkan secara dalaman pada item tidak ketara.

Pelunasan aset tak ketara bagi Perisian Komputer adalah 33.33% setahun dengan hayat berguna selama 3 tahun.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUKUASAAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

4.3. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

4.4. Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila EAIC menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebih atau kurang, yang terlibat secara langsung di dalam mengisru aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebih atau kurang, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana EAIC membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

EAIC hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

Bayaran Terdahulu

Bayaran terdahulu adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebih atau kurang.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, EAIC akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- i. Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- ii. Pembayaran tertunggak;
- iii. Kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
- iv. Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam EAIC yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta EAIC telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima serta sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUKTUSAAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

4.5. Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan akan dipermodalkan dalam Hartanah, Loji dan Peralatan atau Aset Tak Ketara setelah kerja telah disempurnakan. Susutnilai tidak dikenakan ke atas kerja dalam kemajuan.

4.6. Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila EAIC menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisui liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan pinjaman dan belum bayar.

EAIC hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

Akaun Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukkan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

4.7. Peruntukan Liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila EAIC mempunyai obligasi kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat.

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

4.8. Manfaat Pekerja

a) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

b) Manfaat Jangka Panjang

Pengumpulan jangka panjang ganjaran ketidakhadiran seperti cuti tahunan berbayar akan diambil kira apabila perkhidmatan telah diberikan oleh



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

pekerja yang mana telah meningkatkan hak mereka ke atas ganjaran ketidakhadiran di masa hadapan.

Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) untuk pekerja di EAIC. EAIC melalui Mesyuarat Suruhanjaya Bil. 2 Tahun 2025 telah meluluskan penambahbaikan penetapan manfaat pekerja berkaitan faedah persaraan yang melibatkan bayaran GCR selaras dengan piawaian perakaunan dalam *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) 25* dengan penetapan kriteria seperti berikut:

- i. Pegawai yang telah mencapai umur 40 tahun;
- ii. mempunyai tempoh perkhidmatan tidak kurang daripada 10 tahun;
- iii. jumlah Gantian Cuti Rehat (GCR) berjumlah 180 hari (tertakluk kepada kadar maksimum yang ditetapkan oleh Kerajaan dengan peraturan yang sedang berkuat kuasa);
- iv. kebarangkalian memilih bersara pilihan apabila mencapai umur 40 tahun berbanding umur bersara wajib iaitu ketika mencapai umur 58/60 tahun selaras dengan syarat yang telah ditetapkan dalam Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan 1980; dan
- v. mendiskaunkan manfaat pekerja tersebut dengan menggunakan kaedah unjuran kredit unit dengan andaian kenaikan gaji 10% dan kadar diskaun 4% bagi pengiraan peruntukan GCR.

Mesyuarat juga meluluskan peruntukan manfaat pekerja sebenar tertakluk kepada jumlah cuti rehat yang terkumpul mengikut tahun semasa dan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

c) Pelan Sumbangan Terancang

Seperti diperuntukkan oleh undang-undang, semua Badan Berkanun Persekutuan di Malaysia membuat sumbangan kepada skim pencen iaitu Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

4.9. Pengiktirafan Hasil

a) Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

- Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambil kira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti Geran Pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

b) Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

- Hasil keuntungan daripada Simpanan Tetap diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

4.10. Cukai Pendapatan dan Cukai Tertunda

EAIC telah dikecualikan daripada cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali bagi pendapatan faedah dan dividen.

Cukai pendapatan ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun semasa merangkumi cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa adalah amaun yang dijangka bagi cukai pendapatan yang perlu dibayar atas keuntungan yang dicukai bagi tahun kewangan semasa dan diukur menggunakan kadar cukai yang telah termaktub pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Kadar cukai yang termaktub atau sebahagian besarnya telah termaktub pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan digunakan bagi menentukan cukai tertunda.

Cukai tertunda diperuntukkan mengikut kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara antara asas cukai dan nilai bawaan aset-aset dan liabiliti-liabiliti pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Mengikut prinsip, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara, kerugian cukai belum diserap dan elaun modal belum diguna setakat mana keuntungan boleh dicukai terdapat untuk digunakan atas perbezaan potongan sementara, kerugian cukai belum diserap dan elaun modal belum digunakan.

4.11. Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Pengurusan Risiko Kewangan EAIC dilaksanakan agar operasi-operasinya dapat berjalan lancar dengan memastikan Pengurusan Sumber Kewangan adalah mencukupi bilamana diperlukan. EAIC di dalam operasi hariannya terdedah kepada risiko-risiko berikut dan sentiasa berusaha ke arah pengurusan risiko-risiko tersebut dengan berkesan.

a) Risiko Kredit

Risiko Kredit atau risiko pihak ketiga yang gagal melaksanakan urusan mengikut kontrak, dikawal dengan mengenakan had kredit tertentu dan melakukan penilaian kredit dan pemantauan dari semasa ke semasa ke atas pihak-pihak yang diberi kredit.



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

b) Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa EAIC akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan EAIC risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan.

4.12. Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

EAIC akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjana bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka EAIC akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, EAIC telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, EAIC menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, EAIC menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

5. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN ANGGARAN KETIDAKPASTIAN

- 5.1. EAIC tidak mempunyai pertimbangan dan anggapan yang menyebabkan penyediaan penyata kewangan tidak munasabah.

5.2. Ketidakpastian Anggaran

Pengukuran beberapa aset dan liabiliti memerlukan pihak pengurusan menggunakan anggaran berdasarkan pelbagai input yang boleh diperhatikan dan andaian lain. Perkara yang tertakluk kepada ketidaktentuan anggaran penting adalah dalam mengukur (a) peruntukan; dan (b) susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan.

a) Penilaian peruntukan

EAIC menggunakan anggaran terbaik sebagai dasar penilaian peruntukan. Pihak pengurusan menilai berdasarkan pengalaman, isu semasa dan isu akan datang dengan kemungkinan munasabah yang berlaku.

b) Susut Nilai

Setiap kos Hartanah, Loji dan Peralatan disusut nilai dengan kaedah garis lurus yang menunjukkan manfaat ekonomi hayat aset tersebut. Anggaran digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai sisa.

Penggunaan sebenar manfaat ekonomi bagi Hartanah, Loji dan Peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh membawa kepada keuntungan atau kerugian pada masa pelupusan.



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

6. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2024	2023
	RM	RM
Baki Tunai di Bank	2,234,351	6,088,912
Baki Tunai di Tangan	2,000	2,000
Simpanan Tetap	<u>2,000,000</u>	<u>-</u>
	<u>4,236,351</u>	<u>6,090,912</u>

Simpanan Tetap bagi tahun 2024 telah diluluskan melalui Mesyuarat Pelaburan EAIC yang telah diadakan pada tahun 2024 untuk diletakkan di Bank Simpanan Nasional dengan kadar keuntungan yang kompetitif. Simpanan Tetap mula diletakkan pada bulan November hingga Disember 2024 setelah memastikan aliran tunai EAIC berada dalam keadaan stabil dan tunai yang mencukupi sehingga 31 Disember 2024.

Simpanan Tetap yang berjumlah RM2,000,000 dikekalkan untuk tempoh kematangan selama 3 bulan yang mempunyai kecairan yang tinggi dan sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara. Kadar faedah ke atas Simpanan Tetap adalah antara 3.80% sehingga 4.00% setahun (2023:3.55% sehingga 3.70%).

7. BAYARAN TERDAHULU

Pembayaran terdahulu yang dinyatakan adalah nilai deposit bagi langganan perkhidmatan Sistem Tol Automatik (Touch & Go).

	2024	2023
	RM	RM
Deposit Touch & Go	<u>8,500</u>	<u>8,500</u>
	<u>8,500</u>	<u>8,500</u>

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2024	Kenderaan RM	Peralatan Pejabat RM	Perabot & Kelengkapan RM	Peralatan Komputer RM	Peralatan Keselamatan RM	Jumlah RM
Kos						
Baki pada 1 Januari 2024	1,228,436	234,848	69,086	132,677	369,980	2,035,027
Tambahan	399,000	21,553	-	-	-	420,553
Pelarasan	-	6,800	-	-	-	6,800
Penjualan	(169,966)	(4)	-	(2,721)	-	(172,691)
Pelupusan	-	(4,851)	(1)	(2,550)	-	(7,402)
Baki pada 31 Disember 2024	1,457,470	258,346	69,085	127,406	369,980	2,282,287
Susut Nilai Terkumpul						
Baki pada 1 Januari 2024	1,038,858	211,187	37,603	124,183	369,971	1,781,802
Susut Nilai dalam tahun	61,041	9,549	9,333	4,498	-	84,421
Pelarasan	-	340	-	-	-	340
Penjualan	(169,965)	(4,849)	-	(2,719)	-	(172,684)
Pelupusan	-	-	-	(2,549)	-	(7,398)
Baki pada 31 Disember 2024	929,934	216,227	46,936	123,413	369,971	1,686,481
Nilai Bawaan	527,536	42,119	22,149	3,993	9	595,806



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

2023	Kenderaan		Peralatan Pejabat		Perabot & Kelengkapan		Peralatan Komputer		Peralatan Keselamatan		Jumlah	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos												
Baki pada 1 Januari 2023	1,382,157	217,248	43,604	291,138	369,980						2,304,127	
Tambahan	-	20,800	25,963	-	-	-	-	-	-	-	46,763	
Pelarasan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
Penjualan	(153,721)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(153,721)	
Pelupusan	-	(3,200)	(481)	(158,461)	-	-	-	-	-	-	(162,142)	
Baki pada 31 Disember 2023	1,228,436	234,848	69,086	132,677	369,980						2,035,027	
Susut Nilai Berkumpul												
Baki pada 1 Januari 2023	1,138,186	206,764	30,482	278,074	369,971						2,023,477	
Susut Nilai dalam tahun	54,392	7,622	7,600	4,498	-	-	-	-	-	-	74,112	
Pelarasan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
Penjualan	(153,720)	(3,199)	(479)	(158,389)	-	-	-	-	-	-	(153,720)	
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
Baki pada 31 Disember 2023	1,038,858	211,187	37,603	124,183	369,971						1,781,802	
Nilai Bawaan	189,578	23,661	31,483	8,494	9						253,225	



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

9. ASET TAK KETARA

Perisian Komputer

	2024	2023
<u>Kos</u>	RM	RM
Pada 1 Januari	918,314	557,228
Tambahan	-	26,326
Pindahan dari Kerja Dalam Kemajuan (Nota 10)	-	334,760
Baki pada 31 Disember	<u>918,314</u>	<u>918,314</u>

	2024	2023
<u>Pelunasan Terkumpul</u>	RM	RM
Pada 1 Januari	470,279	252,432
Pelunasan dalam tahun	266,132	217,847
Baki pada 31 Disember	<u>736,411</u>	<u>470,279</u>
Nilai Buku Bersih	<u>181,903</u>	<u>448,035</u>

10. KERJA DALAM KEMAJUAN

	2024	2023
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	-	128,856
Tambahan tahun semasa	18,438	205,904
Pindahan ke Aset Tak Ketara (Nota 9)	-	(334,760)
Baki pada 31 Disember	<u>18,438</u>	<u>-</u>



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

11. AKAUN BELUM BAYAR

	2024	2023
	RM	RM
Pelbagai Pemiutang	657,311	236,138
Peruntukan Yuran Audit	24,390	23,149
Tuntutan Perubatan Terakru	4,136	3,574
Tuntutan Pergigian Terakru	3,508	2,461
Tuntutan Cermin Mata Terakru	4,276	3,042
Tuntutan Perubatan Khas Terakru	-	60
Tuntutan Perjalanan Terakru	5,206	7,170
Perbelanjaan Telefon Kakitangan Terakru	1,245	635
Perbelanjaan Telefon Pesuruhjaya Terakru	171	-
Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi	650	710
	<u>700,893</u>	<u>276,939</u>

Pelbagai Pemiutang menunjukkan peningkatan yang ketara berikutan pembelian 2 buah kenderaan Jabatan yang dibeli pada tahun 2024 untuk menggantikan kenderaan Jabatan yang perlu dilupuskan dan hanya diterima pada 31 Disember 2024.

12. PERUNTUKAN MANFAAT PEKERJA

	2024	2023
	RM	RM
Pada 1 Januari	280,735	207,043
(Pengurangan) / Tambah peruntukan dalam tahun	(8,607)	73,692
Pembayaran dalam tahun		
Pada 31 Disember	<u>272,128</u>	<u>280,735</u>



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

13. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

Peruntukan Disalurkan	Terima Peruntukan	2024 RM	2023 RM
Suku Tahun Pertama	05.01.2024	2,287,500	2,246,000
Suku Tahun Kedua	22.04.2024	2,287,500	2,246,000
Suku Tahun Ketiga	-	-	2,246,000
Suku Tahun Keempat	03.10.2024	2,300,000	2,246,000
		<u>6,875,000</u>	<u>8,984,000</u>

EAIC tidak menerima peruntukan perbelanjaan mengurus bagi suku tahun ketiga 2024.

14. LAIN-LAIN HASIL

Lain-lain hasil EAIC diperolehi daripada faedah Simpanan Tetap, faedah Akaun Semasa di bank tempatan yang diiktiraf berdasarkan kadar semasa yang telah ditetapkan dan pendapatan lain. Butiran terperinci seperti berikut:

	2024 RM	2023 RM
Faedah Simpanan Tetap	9,370	98,308
Faedah Akaun Semasa	6,148	3,499
Pendapatan Lain	65,588	27,238
	<u>81,106</u>	<u>129,045</u>

Pendapatan Lain merangkumi hasil pelupusan aset, penjualan dokumen tender dan kenaaan *Liquidated Ascertained Damage* (LAD).

15. KOS KAKITANGAN

	2024 RM	2023 RM
Upah, Gaji dan Bonus	4,878,732	4,818,439
Sumbangan Berkanun	617,155	629,040
Pakaian Seragam	19,735	61,674
Latihan dan Kursus	110,539	120,872
	<u>5,626,161</u>	<u>5,630,025</u>



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

16. PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN

	2024	2023
	RM	RM
Elaun Pesuruhjaya	528,174	274,113
Pengiklanan	169,807	89,461
Tuntutan Perjalanan Kakitangan	264,577	206,767
Penginapan dan Kemudahan	341,624	385,460
Bayaran Telefon Kakitangan dan Pentadbiran	63,360	68,532
Kemudahan Pos	959	2,826
Alatulis dan Percetakan	224,164	109,459
Perbelanjaan Mesyuarat	1,953	82
Perbelanjaan Pejabat	135,291	215,810
Perbelanjaan Am	109,884	129,323
Perbelanjaan Perubatan	292,536	211,470
Perbelanjaan MySTEP	118,366	122,159
Perbelanjaan Kakitangan Kontrak	23,944	-
Yuran Langganan Perkhidmatan	43,323	39,432
Yuran Audit	24,390	23,149
Barangan Promosi	169,494	76,090
Langganan Buku/Majalah	4,129	46,603
Belanja Petrol dan Tol	33,552	30,205
Penyelenggaraan Kenderaan	58,204	55,823
Penyelenggaraan Peralatan Pejabat	144,825	155,786
Sewaan	395,035	346,366
Gantian Cuti Rehat	(8,607)	73,692
Kerugian Atas Pelupusan Aset dan Hapuskira	7	75
Caj Bank	1,244	1,185
	<u>3,140,235</u>	<u>2,663,868</u>

17. CUKAI

	2024	2023
	RM	RM
Cukai Pendapatan	<u>13,273</u>	<u>30,843</u>
	<u>13,273</u>	<u>30,843</u>

Bayaran anggaran cukai pendapatan bagi tahun taksiran 2024 adalah berjumlah RM13,273. Selain itu, EAIC masih belum menerima bayaran balik cukai terlebih bayar tahun taksiran 2023 iaitu cukai boleh pulih yang berjumlah RM565 daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

18. KOMITMEN MODAL

	2024 RM	2023 RM
Kerja Dalam Kemajuan		
Diluluskan dan berkontrak	<u>73,751</u>	<u>-</u>
Jumlah Komitmen Modal	<u>73,751</u>	<u>-</u>

Nilai kontrak bagi Pertambahan Proses Tuntutan Dan Pendahuluan Diri Melalui Peningkatan Sistem Perakaunan Standard Bagi Agensi Kerajaan (SAGA) EAIC adalah berjumlah RM92,189 dan masih mempunyai komitmen perbelanjaan modal yang berjumlah RM73,751 sehingga 31 Disember 2024.



**SURUHANJAYA
INTEGRITI**
AGENSI PENGUATKUASAAN
ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION



Aras 5, Blok Menara
Bangunan Menara Usahawan
No.18 Persiaran Perdana, Presint 2
62652 PUTRAJAYA



03-8880 5650



aduan@eaic.gov.my



eaicofficial